
USTAZ ASHAARI MUHAMMAD



USTAZ

ASHAARI MUHAMMAD

عقيدة مؤمن

AQIDAH MUKMIN

Siri 1

AQIDAH MUKMIN (1)

Cetakan Pertama September 199 1



Penerbit
Shoutul Arqam
Yayasan Al Arqam Sg. Penchala,
Jalan Damansara 60000, Kuala Lumpur.
Malaysia
Tel: 03-7171801

Muka taip teks: Times
Saiz taip teks: 11 poin

Rekabentuk kulit:
Ahmad Dini Juri

Aturhuruf dan Rekaletak:
Unit Rekabentuk Shoutul Arqam

Dicetak oleh:
AMPANG PRESS SDN. BHD.
6 & 8, Jalan 6/91,
Taman Shamelin Perkasa,
Batu 3 l/2, Jln Cheras
56100 Kuala Lumpur.
Tel: 9849448 Fax: 9849105

KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH

SEJAK Islam mula berkembang hinggalah ke hari ini, umat Islam tidak pernah rehat daripada menghadapi cabaran berbentuk aqidah. Muncul satu demi satu fahaman atau aqidah yang menyeleweng dari aqidah yang sebenar, sama ada yang timbul akibat kejahilan umat Islam sendiri atau yang diasak oleh musuh-musuh Islam secara halus.

Dalam situasi seperti ini Ustaz Ashaari Muhammad muncul dengan membawa aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang jelas dan mampu diimplementasikan dalam segenap bidang kehidupan termasuk dalam ekonomi, politik, pendidikan, dan sebagainya. Dengan kata lain, beliau membawa fikrah Islamiah yang jelas bersandarkan aqidah yang tepat.

Kehadiran beliau kena pada masanya untuk menyelamatkan aqidah umat Islam seluruhnya agar terbina benteng aqidah yang kukuh dalam diri masing-masing, dan supaya setiap orang dapat membetulkan aqidah yang salah yang menjadi pegangan mereka selama ini. Tanpa kekuatan aqidah, umat Islam sudah pasti akan terjebak dengan aqidah-aqidah yang sesat sama ada secara disedari atau tidak. Mereka boleh terjebak kepada aqidah qadariah, jabariah, bahai, qadiani, wahabi, syiah dan sebagainya. Aqidah mereka juga boleh rosak kerana menganut fahaman atau isme yang tidak dikaitkan

dengan agama seperti komunisme, nasionalisme dan sebagainya, yang sudah berkembang luas di seluruh dunia Islam termasuk di Malaysia.

Ustaz Ashaari telah menyalurkan fikrah beliau dalam kuliah-kuliah fardhu ain, ceramah-ceramah umum dan tarbiah, serta menerusi buku-bukunya yang berjumlah 42 buah setakat ini. Setiap buku yang dikarangnya tidak terlepas dari menyentuh persoalan iman dan aqidah. Dan khusus untuk menyerang golongan syiah dan wahabi, beliau telah mengarang buku BAHAYA SYIAH dan BERHATI-HAT1 MEMBUAT TUDUHAN.

Buku AQIDAH MUKMIN ini (Siri I, II dan III) khusus membicarakan persoalan aqidah yang merangkumi keyakinan kepada Rukun Iman yang enam.

Ustaz Ashaari telah bertemu dan berbincang dengan ulama-ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah di merata dunia termasuk di Mesir, Turki, Pakistan, Jordan, Tunisia, Maghribi, Indonesia, dan sebagainya. Beliau juga bertemu dengan ulama-ulama syiah dan wahabi di Iran, Kuwait dan Arab Saudi. Dan beliau telah menjelajah ke banyak negara Barat tempat berkembangnya berbagai-bagai aliran fikiran dan isme yang sesat, termasuk ke Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Itali, Yugoslavia dan lain-lain. Dari situlah beliau memperolehi gambaran yang sejelasjelasnya mengenai segala macam fahaman dan aliran aqidah yang ada di dunia hari ini.

Oleh itu melalui buku ini, beliau menghurai kembali isi kitab tua dengan gaya pengolahan yang segar dan bahasa yang mudah berserta contoh-contoh yang dekat dengan kehidupan masyarakat hari ini.

Apa yang menarik, dalam membicarakan persoalan aqidah ini, Ustaz Ashaari tidak langsung memisahkan-

nya dari persoalan tasawuf dan syariat. Beliau mahu menekankan bahawa ilmu usuluddin (aqidah), tasawuf (akhlak) dan feqah (syariat) merupakan tiga serangkai dalam ajaran Islam yang tidak boleh dipisah-pisahkan dari kehidupan seorang mukmin. Oleh itu huraian beliau tentang aqidah seringkali dikaitkan dengan aspek-aspek lain dalam Islam khususnya akhlak dan syariat.

Membaca buku ini, anda bukan saja mendalami persoalan aqidah tetapi juga menerima ilmu dan didikan berhubung perkara-perkara asas yang lain dalam ajaran Islam, sehingga timbul satu dorongan yang kuat untuk beramal dan membentuk diri menjadi orang yang bertaqwa.

Penerbit

PRAKATA

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونعوذ
بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا من يهدى
الله فلا مضل لـه ومن يضلله فلا هادي لـه
والصلاة والسلام على رسول الله
وعلى آله وصحبه ومن تبعه ووالاه .

BUKU yang bertajuk AQIDAH MUKMIN ini merupakan hasil kuliah usuluddin yang telah pun saya sampaikan. Kuliah fardhu ain ini kembali bertemu saudara dalam bentuk buku, yang moga-moga dapat memberi manfaat yang lebih besar lagi. Kalaulah selama ini ianya hanya dikuliahkan dalam jemaah Darul Arqam atau jemaah Aurad Muhammadiah sahaja, sejak 20 tahun yang lalu, kini biarlah ianya dapat menjadi khazanah yang dapat saudara-saudari abadikan, dan biarlah ia bertebar ke seluruh pelusuk dunia. Kuliah-kuliah yang saya anggap penting ini, saya bukukan atas permintaan banyak pihak, supaya ilmu yang dikuliahkan itu tidak hilang percuma begitu saja.

Kuliah-kuliah ini ialah berdasarkan matan kitab yang terkenal di Malaysia terutamanya di Johor, Selangor, Melaka dan Wilayah Persekutuan, serta berkembang luas di Brunei dan Singapura, iaitu kitab RISALAH TAUHID dalam tulisan jawi keluaran Jabatan Agama Negeri Johor. Ia telah pun menjadi buku teks dan bahan rujukan di sekolah-sekolah agama terutamanya di negeri Johor, Selangor dan Brunei, sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu. Dan hinggalah ke hari ini ianya masih digunakan lagi.

Ilmu usuluddin yang dihuraikan dalam RISALAH TAUHID ini juga telah dijadikan buku teks dalam kuliah-kuliah fardhu ain di dalam jemaah Darul Arqam atau jemaah Aurad Muhammadiah. Metod atau kaedah yang digunakan adalah mengikut metod Syeikh Abul Hassan Al Asyaari. Beliau merupakan seorang tokoh ulama yang terkenal di awal kurun ketiga Hijrah. Kehebatannya itu melayakkan ia menjadi seorang mujaddid di kurunnya.

Ilmu usuluddinnya sangat hebat dan mengkagumkan. Perbahasan-perbahasan yang dibuat oleh Abul Hassan Al Asyaari ini telah memecah tradisi di zamannya dengan menggunakan dalil Al Quran serta diperkuatkan atau diperteguhkan dengan hujah atau dalil akal. Bahkan metod daripada ulama besar inilah yang diterima sebagai pegangan atau aqidah oleh empat mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu pengikut-pengikut Imam Hanafi, Imam Maliki, Imam Syafi'i dan Imam Hambali, sejak ribuan tahun yang lampau hinggalah sekarang ini.

Bahkan pegangan usuluddin mengikut kaedah Abul Hassan Al Asyaari inilah yang menjadi aqidah umum bagi seluruh umat Islam di Malaysia. Dan telah menjadi salah satu mata pelajaran di sekolah-sekolah agama

sama ada di sekolah agama rasmi kerajaan ataupun swasta, termasuklah sekolah yang bercorak pondok.

Walhasil usuluddin mengikut kaedah (metod) Abul Hassan Al Asyaari ini telah jadi pegangan semua pejabat agama seluruh Malaysia kecuali Perlis dan beberapa individu terutamanya segelintir ulama di akhir-akhir ini yang telah terpengaruh dengan fahaman wahabiah yang datang dari negara Saudi.

Sejak tertegaknya Kerajaan Ibnu Saud sejak 80 tahun yang lampau barulah datangnya perubahan di mana mereka menolak ajaran usuluddin mengikut metod Abul Hassan Al Asyaari ini. Bahkan tanpa malu dan segan-silu serta dengan penuh angkuh menganggap kaedah atau metod usuluddin yang dibawa oleh Abul Hassan Al Asyaari ini bid'ah. Ertinya mereka telah menuduh seluruh ulama dan pengikut-pengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah pembawa bid'ah.

Bahkan di akhir-akhir ini telah kedengaran di Kelantan, ada ulama-ulama yang turut bersuara sumbang menyatakan metod yang menjadi pegangan Abul Hassan Al Asyaari ini bid'ah. Ini juga merupakan tali barut atau pengikut fahaman wahabi sama ada sedar atau tidak. Sejak itu timbullah kontroversi yang hebat di kalangan ulama-ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah terutamanya di kalangan guru-guru pondok di sana.

Buku ini selain daripada menjadi panduan kepada mereka yang menganut fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah, ianya sekaligus menjadi scud yang dapat menolak dan membendung fahaman wahabi. Kalau tidak, mereka dengan sewenang-wenangnya berani 'menembak' dengan tuduhan-tuduhan bid'ah, sesat dan sebagainya. Terutamanya pada Abul Hassan Al Asyaari dan pengikut-pengikutnya, yakni mereka yang berpegang dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah, yang tinggal di merata pelusuk dunia ini.

Perlu diingatkan' kepada para pembaca budiman bahawa isi buku ini mengekalkan bahasa percakapan sewaktu memberi kuliah tersebut, dengan tujuan memudahkan anda para pembaca memahaminya.

Buku ini kalau ada manfaatnya kuhadiahkan pahalanya kepada kedua ibu bapaku, guru-guruku dan semua yang pernah berjasa padaku. Serta juga kepada mereka yang aku berdosa padanya. Dan juga khusus untuk guruku pengasas Aurad Muhammadiah, Sayidi Syeikh Muhammad bin Abdullah As Suhaimi. Ampunkan dosaku, ya ALLAH, sekiranya apa yang tercatat dalam buku ini ada perkara-perkara yang tidak Engkau redhai. Selamatkan kami dari azab-Mu dunia dan Akhirat.

Sekian, wassalam.

Al hakir wal fakir,

Ashaari Muhammad

MUQADDIMAH

DI DALAM ajaran Islam, secara umum ilmu-ilmu yang penting itu boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

1. Usuluddin (aqidah)
2. Feqah (syariat)
3. Tasawuf (akhlak)

Dalam pengamalannya, setiap orang Islam mestilah melaksanakan secara serentak ketiga-tiga ilmu tadi. Sama ada dari segi teori mahupun praktikal, atau dari segi ilmiah dan amaliahnya.

Tiga ilmu ini merupakan tiga serangkai yang tidak boleh dipisah-pisahkan. Kalau dipisah-pisahkan salah satu daripada tiga serangkai itu, maka akibatnya rosaklah yang lainnya. Ertinya amalan Islam itu menjadi sah apabila ketiga-tiga ilmu tersebut dilaksanakan sekaligus dan serentak. Ia tidak boleh diamalkan satu-satu sahaja tanpa yang lain. Ber'feqah' saja atau ber'usuluddin' saja atau berakhlak saja, tentu akan merosakkan ke-Islaman seseorang. Jadi tiga serangkai ilmu ini tidak boleh dipisah-pisahkan dalam seluruh tindakan hidup. Kalau dipisahkan dalam pengamalan seharian, paling tidak seseorang itu akan jadi orang fasiq. Bahkan berkemungkinan ia akan jatuh kepada kafir tanpa ia sedar.

Dari ketiga-tiga ilmu ini, tapak atau asasnya adalah

ilmu usuluddin. Di atas tapak ilmu yang menjadi pegangan dan keyakinan setiap orang Islam itu, maka ditegakkan syariat (feqah) dan akhlak (tasawuf). Kalau diibaratkan kepada sebuah bangunan, usuluddin itu adalah *foundation*nya. Bangunan rumah serta peralatan-peralatannya itulah syariat dan akhlak. Kalau begitu rumah dan peralatan rumah itu tidak dapat ditegakkan sekiranya *foundation* rumah tersebut tidak ada. Atau 'ia tidak kukuh dan tidak kuat. Justeru itu, dalam ajaran Islam:

1. Usuluddin itu adalah asas Islam atau tapak Islam.
2. Syariat dan tasawuf ialah furu' dan cabang-cabangnya.

Kalau begitu, ilmu usuluddin dalam ajaran Islam amat penting dan utama. Kerana ia mengesahkan syariat dan akhlak. Syariat dan akhlak tidak ada nilai di sisi ALLAH, kalau aqidah atau usuluddinnya telah rosak.

Perkara-perkara yang berkaitan dengan ilmu usuluddin ialah:

1. Keyakinan kita dengan ALLAH dan sifat-sifat-Nya sama ada sifat-sifat yang wajib, sifat-sifat yang mustahil atau sifat-sifat yang harus.
2. Keyakinan kita dengan para rasul dan sifat-sifatnya.
3. Keyakinan dengan kitab-kitab yang pernah diturunkan oleh ALLAH seperti Al Quran, Zabur, Injil dan Taurat.
4. Keyakinan kepada para malaikat.
5. Keyakinan pada Qadha dan Qadar ALLAH.
6. Yakin kepada Syurga dan Neraka serta perkara-perkara lain yang merangkumi perkara di Alam Ghaib.

Maka ilmu usuluddin yang menjadi asas kepada ajaran Islam merupakan ilmu yang paling penting. Ia menjadi perkara utama dan pertama untuk setiap individu Islam yang mukallaf mempelajarinya. Belajar ilmu usuluddin ini hukumnya fardhu ain yakni wajib bagi setiap individu yang mukallaf. Bahkan jatuh berdosa besar bagi orang yang tidak mempelajarinya. Hatta boleh jatuh kufur secara tidak sedar kalau jahil tentang ilmu ini.

Ilmu usuluddin yang berkait dengan ALLAH dan sifat-sifat-Nya, kalau tidak dipelajari, paling mudah untuk menyebabkan terjatuh kepada kufur. Sebab itu dihukumkan wajib bagi setiap mukallaf mempelajarinya terlebih dahulu mendahului ilmu-ilmu yang lain. Dalam Hadis, Rasulullah SAW ada menyebut:

أَوَّلُ الدِّيْنِ مَعْرِفَةُ اللهِ

Terjemahannya: ***Awal-awal agama ialah mengenal ALLAH.***

Oleh itu ilmu usuluddin itu tidak boleh dicuaikan dari mempelajarinya. Supaya ia dapat dijadikan pegangan dan keyakinan yang mantap (teguh) di hati. Tanpa dicelahi dengan unsur-unsur jahil, syak, zan dan waham. Sekiranya dicelahi oleh jahil, syak, zan dan waham, atau salah satu darinya, maka seluruh amal ibadah itu tidak sah atau tertolak. Ertinya tidak dapat apa-apa di sisi ALLAH. Amalan itu hanya sia-sia sahaja. Walau bagaimana baik dan kemas sekalipun ibadah yang dipersembahkan pada ALLAH, sekiranya dicelahi oleh salah satu daripadanya, maka ibadah itu akan dicampak semula ke muka pengamalnya.

Mengikut kebiasaan, walaupun cantik amalan syariat

atau akhlak, ia masih tetap bergantung kepada aqidah. Sekiranya aqidahnya baik, maka baiklah syariat dan akhlaknya. Tetapi kalau aqidahnya rosak, maka rosaklah syariat dan akhlaknya.

Tamsilannya seperti sebatang pokok. Kalau pokoknya subur, itu adalah kesan daripada akar tunjang yang kuat tadi. Yang menjadikan ianya berdaun, menghijau, menghasilkan bunga cantik dan harum mewangi serta buah yang banyak (lebat) lagi sedap rasanya. Sehingga menjadikan kepingin semua makhluk terutama manusia untuk mendekati dan bernaun'g di bawahnya serta mengambil manfaat darinya.

Begitulah juga bagi mereka yang aqidahnya baik, tentunya syariatnya jadi sempurna dan akhlaknya cantik. Semua hukum-hakam yang lima yakni yang **wajib** dan **sunat** dapat ditegakkan, yang **haram** dan **makruh** dapat dijauhi, dan yang **harus** (mubah) terpulang hingga ia mencorak hidup individu dan masyarakat.

Di sinilah pentingnya pelajaran aqidah atau usuluddin ini kerana ia boleh mencorakkan hati seseorang. Sehingga yang lahir dalam tindakan adalah gambaran hatinya itu.

Alhasil, kalau sudah ramai yang aqidahnya tepat dan kuat, maka akan lahirlah negara yang aman makmur yang mendapat keampunan ALLAH. Kerana aqidah yang tepat dan kuat itu mendorong hamba-hamba-Nya bersyariat dan berakhlak atau menjadi orang yang bertaqwa.

AQIDAH MUKMIN (I)

BAB 1:

HUKUM AKAL

Sesungguhnya tiap-tiap seorang yang hendak mengenal ALLAH Taala dan mengetahui sifat-sifat-Nya maka wajiblah lebih dahulu ia mengetahui akan hukum akal dan bahagiannya, kerana ia jadi neraca bagi hendak menghukumkan sifat-sifat Tuhan yang diperintahkan mengenal itu. Sekalipun permulaan wajib atas tiap-tiap mukallaf mengenal Tuhan tetapi permulaan wajib untuk mengenal sifat-sifat Tuhan itu ialah mengetahui hukum-hukum akal.

Pengertian Hukum Akal

Hukum akal itu ialah menetapkan suatu perkara kepada suatu perkara yang lain atau menafikan suatu perkara daripada perkara yang lain dengan tidak berkehendak kepada dicuba pada menetapkan sesuatu perkara itu (bersalahan hukum 'adi yakni adat) dan tidak tergantung kepada sesuatu perbuatan yang diperbuat oleh mukallaf (yang bersalahan hukum syarii).

Pengertian Akal

Adalah akal itu satu sifat yang dijadikan Tuhan pada manusia sehingga dengan dia terbeza manusia daripada haiwan. Maka dengan dialah boleh menerima alam ***nazariah*** **–** pengetahuan yang berkehendak fikir) dan boleh mentadbirkan segala-gala pekerjaan dengan fikiran yang halus-halus dan yang sulit-sulit dan daripadanya tempat terbit dan terpancar berbagai-bagai manfaat dan kebahagiaan bagi manusia. Tetapi kiranya akal itu bersendirian maka tidak akan dapat akal sejahtera, akal waras dan akal sihat melainkan berpandu kepada undang-undang syarak, demikian juga undang-undang syarak tidak boleh berjalan mengikut yang dikehendaki melainkan berhajat kepada akal. Walhasil antara kedua-duanya itu berlaziman dan berhajat antara satu dengan yang lain (akal berhajat kepada syarak dan syarak berhajat kepada akal).

SETIAP mukallaf itu wajib mengenal ALLAH SWT. Ia merupakan perkara yang terawal sekali di dalam agama. Sebab itu dikatakan, ***Awaluddin makrifatulluh*** iaitu "Awal-awal agama itu mengenal ALLAH".

Cara Mengenal ALLAH SWT

Cara mengenal ALLAH SWT bukanlah dengan melihat dan sebagainya kerana ALLAH SWT itu Maha Suci daripada menyerupai segala yang baharu segala makhluk. ALLAH SWT tidak berbentuk, tidak berupa, tidak terjadi daripada jirim, tidak mengambil tempat atau ruang, serta tidak berpihak seperti tidak di atas, tidak di bawah dan tidak di mana-mana. Kerana itu, ALLAH SWT tidak dapat dilihat dengan mata kepala, tidak dapat dipegang dan tidak dapat dirasa. Jadi, kita tidak boleh mengenal ALLAH dengan car-a itu.

Cara untuk mengenal ALLAH SWT ialah dengan mengetahui sifat-sifat-Nya. Dan apabila telah kita ketahui sifat-sifat ALLAH itu, dapatlah kita mengenal zat ALLAH SWT hingga dapat kita membezakan zat Khaliq (Tuhan) dengan zat makhluk. Dan cara hendak mengenal ALLAH melalui sifat-sifat-Nya itu ialah dengan menggunakan akal.

Sebab itu, seorang mukallaf yang wajib mengenal

ALLAH itu ialah seorang yang sudah berakal kerana akal fikiran penting untuk mengenal Tuhan dengan mengetahui sifat-sifat-Nya. Dengan akal itu nantilah kita akan dapat membezakan di antara sifat Tuhan dengan sifat makhluk. Dan oleh itu, seseorang itu tidak akan dapat mengetahui ALLAH dengan sebenar-sebenarnya kalau dia tidak mengetahui hukum akal. Jadi, wajiblah kita mengetahui hukum akal ini kerana ia ibarat neraca bagi membezakan antara zat ALLAH SWT dengan zat makhluk.

Oleh itu, di sini kita akan membahas dan memperkatakan tentang akal, pengertian akal, serta hukum akal. Ia merupakan perkara yang amat penting dalam ilmu tauhid. **Selain hukum akal, dalam ihnu tauhid juga terdapat dua jenis hukum lagi iaitu hukum adat dan hukum syarak.** Kedudukan tiga jenis hukum ini berbeza-beza antara satu dengan yang lain.

Mengapa kita katakan wajib untuk mengetahui hukum akal itu?

Dalam syariat atau perundangan Islam, terdapat kaedah feqah atau ***qawa'idul fiqh*** yang menetapkan bahawa kalau perjalanan menuju ke satu-satu matlamat itu wajib, maka menempuh jalan-jalan yang membawa ke matlamat itu dikira wajib juga.

Untuk memahaminya, kita perhatikan satu contoh. Bagi mendirikan sembahyang, kita wajib berwudhuk dengan air. Katakanlah kita berada di satu kampung yang tidak terdapat sumber air semulajadi seperti air perigi, air mata air, sungai, laut, dan sebagainya. Dan satu-satunya jalan yang mudah untuk mendapatkan air ialah dengan menggali perigi. Maka menggali perigi itu hukumnya wajib. Inilah yang dimaksudkan dengan kaedah feqah tadi: ***B&a*** satu-satu ***matlamat itu wajib, menempuh jalan-jalan untuk menuju ke matlamat itu juga wajib.***

Dan begitulah dengan kaedah mengenal ALLAH SWT. Hukum mengenal ALLAH itu wajib, malah ia diletakkan pada tempat yang pertama dan utama dalam ajar-an Islam. Seseorang itu tidak akan dapat mengenal ALLAH dengan setepat-tepatnya kalau dia tidak mengetahui hukum akal. Dengan mengetahui hukum akal, ia menjadi sebab untuk kita mengenal ALLAH SWT. Oleh itu, mengetahui hukum akal itu wajib.

Apakah takrif hukum akal Hukum akal ialah **menetapkan sesuatu perkara kepada suatu perkara yang lain, atau menafikan suatu perkara daripada perkara yang lain.** Dan dalam menetapkan sesuatu hukum itu, **ia tidak berkehendakkan kepada dicuba.**

Misalnya, dua campur dua, empat. Dalam ha1 ini, akal menetapkan dua campur dua itu sama dengan empat. Begitu jugalah dalam hal-ha1 lain yang seumpama ini. Akallah yang menetapkan satu-satu hukum itu, bukan adat dan bukan juga syarak.

Apabila hukum itu ditetapkan oleh syarak, ia bersumberkan Al Quran dan hadis. Tetapi dalam hal-ha1 seperti tadi, akal saja yang menetapkannya.

Satu contoh yang lain ialah, seorang anak itu tidak boleh menjadi lebih tua daripada ayahnya dalam masa yang sama. Atau dengan kata-kata lain, seorang anak itu tidak boleh lebih dahulu daripada ayahnya. Hukum seperti ini hanya ditetapkan oleh akal. Akal kita mengatakan bahawa seorang ayah itu pasti lebih tua daripada anaknya.

Contoh lain, setiap jirim ataupun benda mempunyai sifat-sifat yang mendatang, termasuk sifat-sifat yang berlawanan antara satu dengan yang lain. Umpamanya sifat gerak dan sifat diam. Setiap benda atau jirim boleh bergerak atau digerakkan, dan boleh diam atau didiamkan.

Tangan kita misalnya, adalah satu jirim atau benda, dan ia boleh bergerak dan boleh diam. Sifat gerak dan diam itu dua sifat yang berlawanan. Menurut hukum yang telah ditetapkan oleh akal, dua sifat yang berlawanan ini tidak boleh terjadi serentak dalam satu ketika. Ertinya, tangan kita ini tidak boleh bergerak dan diam dalam satu masa yang sama.

Kita boleh gerakkan tangan kita dan kita boleh diamkan ia. Boleh jadi selepas kita gerakkan, kita diamkan ia, atau selepas ia diam kita gerakkan. Untuk kita gerakkan dan kita diamkan tangan kita serentak, tentu tidak boleh. Begitu juga diri kita ini, tak boleh kita lakukan gerak dan diam serentak.

Contoh sifat berlawanan yang lain ialah malam dan siang. Mana boleh malam dan siang itu berlaku dalam masa yang sama. Ia belum pernah terjadi. ‘Dan begitulah seterusnya dengan sifat-sifat berlawanan yang lain. Tidak akan berlaku sifat-sifat berlawanan itu serentak dalam satu jirim.

Yang boleh berlaku ialah secara bergilir-gilir. Di antara gerak dan diam misalnya, boleh jadi gerak berlaku dahuiu kemudian baru diam, atau boleh jadi diam berlaku dahulu kemudian baru gerak. Begitu juga antara siang dengan malam boleh jadi siang berlaku dahulu, kemudian baru malam, atau malam dahulu kemudian baru siang. Semua ini, akal yang menetapkannya, bukan adat dan bukan syarak. Ini yang dikatakan hukum akal.

Untuk lebih jelas, kita turunkan satu contoh lagi. Akal telah menetapkan bahawa dua atau tiga dan sebagainya lebih banyak daripada satu. Dan satu itu kurang daripada dua atau tiga, dan sebagainya. Akal telah menetapkan demikiari dan sekali-kali akal tidak boleh menerima yang satu itu lebih daripada dua atau tiga dan sebagainya.

Kemudian, hukum akal ini tidak perlu dicuba-cuba. Umpamanya, hukum akal yang menetapkan bahawa ayah itu lebih tua daripada anak, tidak perlu dicuba-cuba seperti kita banding-bandingkan antara anak dan ayah. Tak perlu dibuat demikian kerana secara spontan akal menerima bahawa anak itu lebih muda daripada ayah, atau ayah itu lebih tua daripada anak. Jadi, hukum akal yang menetapkan bahawa ayah itu lebih tua daripada anak tak perlu dicuba-cuba.

Hukum Adat

Yang berkehendak kepada dicuba-cuba ialah hukum adat. Setelah dicuba-cuba ratusan kali, ribuan kali dan sebagainya, begitu juga yang terjadi. Dan setelah diperhati-hatikan begitu yang terjadi. Seperti misalnya, api itu membakar. Dari dahulu hinggalah sekarang, api itu kita dapati tetap membakar. Sudah begitu adatnya. Tidak pernah kita lihat yang api tidak membakar. Dan yang menetapkan api itu membakar bukan akal tetapi adat. Bukan juga syarak.

Kita tidak jumpa di dalam Quran dan hadis, nas yang mengatakan bahawa api w.ajib membakar. Syarak tidak mengatakan demikian. Apa yang kita dapati di dalam syariat, tiap suatu yang ada ini tidak boleh memberi bekas melainkan ALLAH SWT. Sebab itu, dari segi syariat, api tidak boleh memberi kesan bakar kalau tidak dengan izin ALLAH SWT. Jadi, dari segi syariat, bukan api itu yang menyebabkan terbakar. Ia hanya menjadi sebab sahaja. Iaitu, sebab terbakar itu kerana api. Sudah demikian ALLAH hendak jadikan sesuatu itu; mesti ada sebabsebabnya.

Tetapi, pada adat, api itu pasti membakar. Sudah puluhan malah ribuan tahun dapat disaksikan bahawa api itu pasti membakar. Yang menetapkan ini ialah

adat, bukan akal dan bukan juga syariat. Kalaulah akal yang menetapkan api itu pasti membakar, tentu ia dapat disalahkan kerana di dalam sejarah, kita telah saksikan bahawa Nabi Ibrahim yang dilontarkan ke dalam api yang panas membara yang disediakan oleh Namrud dan rakyatnya, tidak pun hangus. Malah, yang dirasakan oleh Nabi Ibrahim adalah sejuk dan dingin sahaja. Jadi, tidak tepatlah kalau akal mengatakan yang setiap api itu membakar. Lebih-lebih lagi pada zaman ini, kita dapat saksikan ada orang boleh berjalan di atas api, seperti dilakukan oleh orang-orang beragama hindu dan buddha.

Ertinya, kita dapat saksikan bahawa api itu tidak membakar dalam dua keadaan. Pertama, dalam riwayat Nabi Ibrahim a.s., api tidak membakarnya dengan kekuasaan ALLAH SWT sebagai limpahan rahmat-Nya ke atas baginda. Kedua, orang-orang beragama hindu dan buddha dapat berjalan di atas api yang tidak membakar, secara istidraj atau secara penipuan daripada syaitan.

Dengan ini menunjukkan bukan api yang memberi bekas tetapi adat telah menghukum atau menetapkan yang setiap api itu membakar. Sebab, sudah ribuan tahun diperhatikan demikian, serta sudah menjadi kebiasaan dan pengalaman manusia, setiap api itu membakar. Dalam hal ini, adat yang menghukumnya.

Jadi, kembali kita kepada penetapan hukum daripada akal tadi, ia tidak perlu dicuba-cuba. Akal menetapkan sesuatu itu berlaku bukan hasil daripada pengalaman atau kajian manusia, tetapi secara spontan.

Kemudian, apa yang dapat kita fahamkan lagi daripada hukum akal ini ialah, tidak ada hubungan di antara hukum yang telah ditetapkan oleh akal dengan perbuatan seseorang mukallaf. Yang menetapkan sesua-

tu perkara itu ada hubungan dengan perbuatan mukallaf ialah syarak.

Misalnya, apabila seorang mukallaf hendak makan, kita dapat perhatikan bagaimana syariat menetapkannya. Dalam hal berpakaian juga, syarak menetapkan hukum-hukumnya. Begitu juga dalam perbuatan bergaul, syarak ada menetapkan hukum-hukumnya.

Jadi, kalau sesuatu hukum itu ada hubungannya dengan perbuatan mukallaf, ia bukan ditetapkan oleh akal atau adat, tetapi oleh syarak. Sebab, syariat atau undang-undang daripada ALLAH yang disampaikan kepada Rasulullah SAW itu, merangkumi segala perbuatan yang berlaku kepada mukallaf. Ia mengatur seluruh perbuatan mukallaf, daripada perbuatan yang kecil hinggalah kepada perbuatan yang sebesar-besarnya. Hatta perbuatan gerak hati seseorang itu pun diatur oleh syariat.

Keistimewaan Akal

Seterusnya, yang perlu kita ketahui tentang hukum akal ialah bahawa akal itu satu sifat yang ALLAH SWT jadikan pada manusia. Ia ALLAH letakkan pada otak manusia dengan segala ciri yang istimewa. Dengan adanya sifat ini, terbezalah manusia itu daripada makhluk-makhluk lain seperti haiwan. Dalam ertikata yang lain, dengan adanya akal, termulialah manusia ini dibandingkan dengan makhluk lain di muka bumi Tuhan ini.

Di antara yang menjadikan istimewa dan mulianya kehidupan manusia ini dibandingkan dengan haiwan ialah, dengan adanya akal, manusia boleh membangunkan kemajuan dan boleh melahirkan kehidupan yang bertamadun. Haiwan yang tidak dibekalkan oleh ALLAH SWT dengan akal, tidak boleh meningkatkan

car-a hidupnya. Sebab itulah haiwan tidak mempunyai kebudayaan. Cara hidup haiwan adalah mengikut tabiat semula jadinya, sejak ia mula dicipta oleh Allah. Cuma kita tidak mengetahuinya kerana tidak ada diceritakan di dalam kitab-kitab. Dan kita juga tidak tahu bila ia bermula. Bagi manusia, kita tahu ia bermula daripada Nabi Adam as.

Cara hidup haiwan bermula sejak ia dijadikan. Misalnya, bagaimana kehidupan datuk nenek ayam itik yang mula-mula dahulu, begitulah kehidupan seluruh ayam ataupun itik yang ada hari ini; tidak berubah-ubah dan tidak meningkat-ningkat. Ayam itik tidak boleh membuat perubahan hidup kerana ia tidak berakal. Kalau ayam itu tidak dibuatkan rumah atau reban oleh tuannya, tidak berumah atau berebanlah hidupnya. Dan begitulah juga dengan haiwan-haiwan lain.

Berbeza halnya dengan manusia. Dengan adanya akal, manusia boleh berkebudayaan dan bertamadun. Manusia boleh membuat perubahan dan peningkatan hidupnya dari satu masa ke satu masa. Jadi, akal begitu berperanan sekali kepada manusia, malah mempunyai peranan yang cukup utama yang meletakkan kemuliaan manusia itu sendiri. Sebab itu, Allah mengingatkan kita di dalam Al Quran tentang peranan akal. Firman Allah:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِىٓ ءَادَمَ وَحَمَلْنَٰهُمْ
فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ وَرَزَقْنَٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَفَضَّلْنَٰهُمْ عَلَىٰ
كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

Terjemahannya: ***Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkut mereka di daratan dan di lautan. Kami beri mereka rezeki daripada yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka***

dengan kelebihan yang sempurna ke atas kebanyakan makhluk yang teluh Kami ciptakan.

(Al Israk: 70)

Di dalam ayat di atas, Allah menyatakan kepada kita betapa Allah telah memuliakan anak cucu Nabi Adam iaitu manusia, yang diberi kelebihan-kelebihan berbanding dengan makhluk lain ciptaan ALLAH. Manusia telah dibekalkan oleh ALLAH SWT dengan akal hingga ALLAH menyerahkan daratan dan lautan untuk dikuasai oleh mereka.

Dengan akal, manusia telah dapat membongkar segala khazanah di dalam lautan, daripada ikannya, mutiaranya, beliannya, hinggalah kepada minyak galiannya dan bermacam-macam khazanah lagi. Malah manusia juga telah dapat menggunakan laut untuk memudahkan kehidupan. Misalnya, manusia telah menghasilkan kapal yang bergerak di permukaan laut, dan kapal selam yang boleh bergerak di dalam laut seperti ikan.

Akal fikiran yang ada pada manusia seterusnya telah membolehkan manusia menguasai angkasa lepas. Ertinya, bukan saja lautan, malah daratan ‘dan seluruhnya juga telah Allah serahkan kepada manusia. Dengan penguasaan manusia di bidang angkasa lepas, hari ini sudah ada manusia yang sampai ke bulan. Semua keupayaan dan kemampuan ini bukan disebabkan oleh kekuatan Iizikal atau kekuatan lahir manusia, tetapi disebabkan kekuatan tenaga berfikir. Ini ternyata sekali berlaku di kalangan manusia di Barat sana.

Orang-orang Barat mengasah sungguh-sungguh tenaga fikir mereka hingga membolehkan mereka mencipta berbagai-bagai perkara seperti radio, televisyen, kapal terbang, kapal angkasa dan lain-lain. Mereka tumpukan sungguh-sungguh kepada penggunaan akal

fikiran mereka hinggakan kita dapati mereka tidak sempat untuk memikir fasal Tuhan. Setiap saat mereka berfikir dengan akal hingga mereka lupa kepada Maha Pencipta, yang memberi mereka akal itu. Ini yang malangnya.

Jika dibandingkan dengan umat Islam, walaupun kita tidak mengasah sungguh-sungguh kekuatan akal fikiran ini, tetapi tidaklah sampai kita melupakan Tuhan. Tidaklah sampai kita kufur, ingkar dan berbuat mungkar. Sedangkan mereka terus khayal dengan kekuatan akal fikiran mereka hingga mereka kufur dan ingkar kepada ALLAH SWT.Cuma, oleh kerana mereka tumpukan sungguh-sungguh kepada akal fikiran mereka itu, mereka lebih maju daripada kita.

Apakah umat Islam mahu rnengejar ken dunia seperti mereka?

Kalau mahu, caranya amat mudah sekali. Buatlah seperti yang mereka buat iaitu asah sungguh-sungguh akal fikiran kita dan lupakan terus ALLAH SWT. Tapi ingat, Neraka ALLAH akan menanti kita. Sebab itulah, ALLAH juga mengingatkan kita dalam Al Quran, supaya kita jangan berkecil hati dengan Allah atau terpengaruh dengan orang-orang bukan Islam itu. Firman ALLAH:

وَلَا تُعْجِبْكَ أَمْوَٰلُهُمْ وَأَوْلَـٰدُهُمْ

Terjemahannya: *Dan janganlah harta benda dan anak-anak mereka menarik hatimu.*

(At Taubah: 85)

Dalam ayat ini, kita dapat fahamkan bahawa ALLAH memang sengaja melebihkan orang-orang kafir itu dari segi kemajuan fizikal, dengan tujuan untuk menguji

umat Islam – sejauh mana mereka boleh mengingati ALLAH serta mengikut perintah-Nya.

Tetapi kalau umat Islam tidak tahan diuji, dia akan terpesona melihat serba majunya perniagaan, ekonomi, perdagangan dan lain-lainnya pada orang-orang kafir. Dia akan berlumba-lumba dengan orang kafir untuk mencapai segala kemajuan yang mereka capai. Andainya mereka maju dalam bidang sains dan teknologi, umat Islam pun mengejar kemajuan itu; konon mahu seganding dengan orang kafir. Akhirnya, umat Islam pun melupakan ALLAH sebagaimana orang-orang kafir melupakan ALLAH .

Umat Islam Boleh Buru Kemajuan?

Oleh itu, umat Islam‘boleh mencari kemajuan walau dalam bidang apa sekalipun, tetapi jangan sampai lupa kepada ALLAH SWT. Carilah ilmu pengetahuan, kekayaan dunia, kemajuan ekonomi dan sebagainya; tapi jangan sampai meninggalkan sembahyang, mengabaikan ilmu fardhu ain, tidak menutup aurat dan sebagainya.

Tidak salah berfikir fasal dunia, asalkan tidak melupakan ALLAH. Ertinya, di samping memikirkan dunia, umat Islam tidak harus melupakan ALLAH. Oleh itu, tentulah tidak sama pencapaiannya dengan orang-orang kafir yang menumpukan sepenuh usaha dan ikhtiar kepada dunia. Dan kerana itu juga, janganlah umat Islam berkecil hati dengan ALLAH kerana sudah demikian janji ALLAH.

Jadi, umat Islam tidak boleh meniru kemajuan orang-orang kafir. Cukuplah kita mencapai sekadar yang boleh kita capai mengikut kemampuan dan keupayaan kita, asal kita boleh hidup, boleh beribadah

kepada ALLAH, boleh selamatkan iman, dan boleh mengelakkan kemungkaran dan maksiat.

Kalau umat Islam hendak berusaha juga sehingga mencapai kemajuan sepertimana yang dicapai oleh orang-orang kafir itu, ertinya umat Islam hendak lari daripada mengingati ALLAH; itu yang sebenarnya. Dan akibat daripada itu, ALLAH sediakan azab di Neraka, kerana orang-orang kafir itu tidak pernah memikirkan kehidupan Akhirat. Cuba kita lihat apa firman ALLAH mengenai mereka. Firman ALLAH:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ ۖ
لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ
ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَآ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ كَٱلْأَنْعَٰمِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ

Terjemahannya: *Kami telah masukkan kebanyakan jin dan manusia ke dalam Neraka Jahanam itu, yang mana mereka itu ada hati tetapi tidak muhu memahami, ada mata tetapi tidak mahu melihat dan ada telinga tetapi tidak muhu mendengar. Maka mereka itu sama seperti binatang-binatang ternakan, bahkan lebih sesat daripada itu.*

(Al A'rti 179)

Di sini jelas ALLAH. menggambarkan kepada kita betapa kebanyakan manusia dan jin, ALLAH masukkan ke dalam Neraka Jahanam kerana mereka ada mata tetapi tidak melihat kebenaran, ada akal tetapi tidak digunakan untuk memikirkan kebenaran dan ada telinga tetapi tidak digunakan untuk mendengar kebenaran. Taraf mereka sama seperti binatang-binatang ternakan.

Mengapa ALLAH menyamakan mereka dengan binatang ternakan seperti ayam, itik, kambing, kerbau, lem-

bu dan sebagainya. Mengapa ALLAH tidak menyebut binatang sahaja?

Semua binatang, sama ada liar ataupun diternak, sama-sama tidak ada akal. Tetapi binatang liar lebih merdeka atau lebih bebas berbuat sekehendak hati mereka. Misalnya, binatang liar bebas mencari makanan sendiri, tidak seperti binatang ternak yang terpaksa bergantung kepada tuannya. Kalau tuannya tidak memberi dia makan, tidak makanlah dia. Jadi, di antara kedua-dua jenis binatang ini, kehidupan binatang liar lebih baik kerana mereka ada kebebasan. Kalau ALLAH ibaratkan orang-orang yang ingkar atau orang-orang kafir itu seperti binatang ternakan, maknanya mereka langsung tidak ada kebebasan.

Tidak bebasnya mereka itu kerana, mata mereka tidak boleh melihat, akal mereka tidak boleh berfikir, dan telinga mereka tidak boleh mendengar. Ertinya, keadaan mereka terkongkong sama sekali. Mereka langsung tidak mendapat kebenaran; tidak boleh melihat yang mana salah, yang mana benar, tidak boleh memikirkan yang mana salah, yang mana benar, dan tidak boleh mendengar yang mana salah dan yang mana benar. Mereka dikongkong oleh hawa nafsu. Dengan kata lain, mereka menjadikan diri mereka hamba kepada hawa nafsu hingga menyebabkan mereka berpaut semata-mata kepada hawa nafsu itu, tidak kepada ALLAH SWT.

Jadi, padan benarlah kalau ALLAH samakan mereka itu dengan binatang ternak kerana binatang ternak terpaksa bergantung kepada tuannya, tidak bebas mengikut sekehendak hati.

Mengapa lebih sesat daripada binatang?

Sudahlah disamakan dengan binatang ternak, mereka disebut pula oleh ALLAH sebagai lebih sesat dari-

pada binatang. Mengapa? Sebabnya, binatang itu oleh kerana tidak ada akal, tidak dapat dipimpin kepada- kebaikan. Yang ada pada binatang hanya nafsu. Oleh itu, apa yang dilakukan oleh mereka kejahatan sahaja. Ertinya, unsur-unsur kebaikan langsung tidak ada pada binatang-binatang. Tetapi unsur kejahatan ada pada mereka kerana mereka ada nafsu. Sebab itulah binatang hanya terdorong untuk buat jahat.

Tidak ada sesuatu yang boleh mengawal binatang, disebabkan ia tidak ada akal. Kalau ia ada akal, syariat-lah yang boleh mengawalnya.

Cuma, walaupun binatang hanya tahu berbuat jahat, perbuatan mereka masih terbatas. Umpamanya, kalau seekor tikus itu mencuri padi, ia tidak membawanya balik. Ia makan di tempat itu sampai kenyang. Lepas itu, baru dia balik. Begitu juga kalau kambing masuk ke kebun orang, ia makan sampai kenyang di situ juga. Bila sudah kenyang, baru ia balik. Tidak ada satu benda pun yang dibawa lari dari kebun orang itu.

Begitu juga kalau binatang-binatang bergaduh, mereka tidak bermesyuarat, berbincang dan mengatur strategi bagaimana hendak bergaduh. Selain itu, bila binatang bergaduh, dia tidak ‘tahu hendak membela diri dengan meminta bantuan binatang-binatang lain. Binatang yang bergaduh itu saja yang terlibat. Yang lain, buat tak tahu saja. Tidak seperti manusia, kalau bergaduh, dia mengatur strategi. Kemudian dia meng-ajak orang lain berpakat bagaimana hendak mengalah-kan musuhnya.

Ertinya, di kalangan manusia, daripada seorang saja yang bergaduh, berpuluh-puluh malah ribuan orang lain terlibat sama. Satu negara boleh turut berperang kalau dua pemimpin negara bergaduh dan berse.lisih faham. Jadi, banyaklah kerosakan yang dibuat oleh

manusia. Sebab itulah, manusia yang tidak menggunakan akal dan telinga, lebih sesat dan lebih berbahaya lagi daripada binatang-binatang ternak.

Akal Dorong Nafsu Buat Maksiat?

Oleh kerana manusia ini ada akal di samping ada nafsu yang mendorong dia berbuat maksiat, kemudian akal tidak pula digunakan untuk menerima kebenaran, maka akal membantu lagi nafsu itu mendorong dia berbuat maksiat. Ertinya, manusia lebih cepat lagi berbuat maksiat daripada binatang yang hanya mempunyai nafsu tetapi tidak mempunyai akal itu.

Bagaimana akal membantu nafsu mendorong manusia membuat kejahatan?

Tentulah dengan cara merancang atau mengatur bagaimana hendak melakukan kejahatan itu dan sebagainya. Jadi, munasabah benarlah ALLAH menyebut bahawa manusia yang mempunyai nafsu demikian lebih sesat lagi daripada binatang ternak.

Sebaliknya, kalau manusia boleh menggunakan akalnya sungguh-sungguh disebabkan akal manusia itu sifat semulajadinya memang baik, dan kalaulah kebaikan itu dipandu oleh syariat, kadang-kadang seseorang itu boleh mencapai taraf malaikat. Darjat dan kerohaniannya boleh sampai kepada tahap malaikat. Itulah yang berlaku kepada para rasul, para anbia dan para aulia besar.

Peranan Akal

Begitulah peranan akal yang jika digunakan sungguh-sungguh, membolehkan manusia mendapat manfaat daripadanya. Dia boleh menjadi lebih mulia daripada makhluk yang lain.

Di samping itu, manusialah yang boleh menerima pengetahuan-pengetahuan yang memerlukan kepada berfikir, Ilmu-ilmu itu, kalau tidak difikirkan, tidak akan dapat diperolehi. Tetapi oleh kerana manusia ada akal, dia boleh memikirkan ilmu-ilmu pengetahuan itu.

Kerana itu, hari ini bermacam-macam ilmu pengetahuan yang telah diperolehi manusia seperti ilmu alam, ilmu hisab, ilmu sains dan teknologi, ilmu kajibumi, ilmu psikologi, dan bermacam-macam ilmu pengetahuan lain. Kalau tidak ada akal, manusia tidak mungkin memperolehi semua ilmu itu.

Kemudian, dengan akal itu pula manusia boleh memikirkan kerja-kerja yang sulit dan yang halus. Apa saja pekerjaan dapat ditadbir dan disusun oleh manusia dengan sebaik-baiknya.

Jadi, kita dapati, daripada akal itu terbitnya segala manfaat dan kebajikan yang semua itu akan memberikan kebahagiaan kepada manusia. Walau bagaimanapun, syaratnya manusia mestilah dapat menggunakan akalnya itu dengan sebaik-baiknya dengan dipandu oleh syariat. Kalau tidak, disebabkan oleh akal, manusia boleh rosak binasa.

Samalah seperti peranan senjata api, ia boleh memberi manfaat kepada kita dengan syarat kita pandai menggunakannya. Misalnya, kalau datang musuh, perompak dan sebagainya, kita boleh mempertahankan diri dengan senjata api. Tetapi kalau kita tidak pandai menggunakannya, ia boleh merosakkan kita. Setengah-setengah orang membunuh diri dengan senjata apinya sendiri.

Begitulah dengan akal, kalau manusia menyalahgunakannya, rosaklah muka bumi ini, dan binasalah kehidupan manusia seluruhnya. Wujudlah huru-hara di

atas bumi ALLAH ini, dan akan terjadilah sebagaimana yang ALLAH gambarkan:

ظَهَرَ ٱلْفَسَادُ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِى ٱلنَّاسِ

Terjemahannya: ***Akan lahirlah kerosakan di daratan*** dan ***di lautan akibat daripada usaha manusia*** itu ***sendiri***

(Ar Rum: 41)

Sifat Semulajadi Akal

Kemudian, walaupun akal itu sifat semulajadinya ALLAH jadikan baik, tetapi ada juga kebaikan-kebaikan yang tidak mampu difikirkan oleh akal. Dalam hal ini, Allah bantu kekuatan akal itu dengan memberi syariat kepada manusia melalui para rasul.

Kalau hanya dengan kekuatan akal saja, manusia tidak dapat membezakan mana yang baik dan mana yang buruk, mana yang halal dan mana yang haram, mana yang sah dan mana yang batal, dan sebagainya. Ia perlu kepada satu kekuatan lain iaitu kekuatan syariat. Akal mesti disuluh oleh syariat. Barulah ia dapat ***me-***'mandu manusia kepada kesejahteraan dan keselamatan di dunia dan juga di Akhirat.

Kalau akal dibiarkan bersendiri, tanpa dibimbing oleh syariat, ia akan sesat. Akal ini akan mengeluarkan peraturan bagi manusia. Dari situlah timbulnya ideologi atau isme yang ada pada hari ini seperti komunisme, kapitalisme, sosialisme, dan sebagainya. Ideologi atau isme-isme ini akhirnya bertindak sebagai 'syariat' kepada manusia di seluruh dunia, dan manusia mengenepikan syariat yang sebenar daripada ALLAH SWT. Maka. rosaklah alam, rosaklah muka bumi Tuhan ini.

Buktinya, hari ini saja, manusia tidak pernah hidup aman damai kerana kehidupan mereka dikawal oleh isme-isme yang lahir daripada otak manusia. Di mana-mana saja sudah tercetus pergaduhan dan peperangan. Tidak ada siapa pun boleh menyelesaikannya, hatta tempat rujuk semua negara sekalipun iaitu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kadang-kadang merujukkan kehidupan manusia kepada pertubuhan itu, umpama kita berhakim kepada beruk.

Jadi, walaupun tabiat semulajadi akal kita ini baik, ia masih perlu dipimpin oleh syariat supaya apa yang lahir daripada akal itu benar-benar dapat memimpin manusia kepada keselesaan hidup di dunia dan keselamatan hidup di Akhirat.

Akal tidak boleh dibiarkan bersendirian kerana tidak semua kebaikan mampu difikirkannya. Sejarah ahli-ahli falsafah atau ahli-ahli fikir zaman dahulu membuktikan ha1 ini. Soctrates, Plato dan lain-lainnya, terbukti tidak mampu memikirkan perkara-perkara yang lebih halus dan rumit dalam hal-ha1 kebenaran. Ini kerana kebenaran itu hanya datang daripada ALLAH. ALLAH sendiri yang mendatangkannya kepada manusia melalui rasul-rasul-Nya.

BAB 2:

MENGENAL ALLAH

Mengenal Tuhan itu fardhu ain atas tiap-tiap mukallaf dengan mengetahui namanya dan sifat-sifatnya yang disuruh oleh syarak asy *syarif* dengan ajaran daripada rasul-rasul.

Maka bagi Tuhan ada banyak nama-nama yang molek (الأسماء الحسنى) dan sifat-sifat yang maha besar dan yang maha tinggi. Nama Tuhan yang lebih masyhur di antara segala nama-namanya ialah ALLAH disebut lafzul jalalah (lafaz yang maha besar) maka yang lain daripada ini diketahui daripada Quran dan Hadis semuanya itu masyhur di sisi orang Islam sebahagian daripadanya Ar Rahman, Ar Rahim, Al Quddus, As Salam, Al Mukmin.

Sifat-sifat yang diketahui oleh mukallaf terbahagi kepada dua bahagi:

1. Mengetahui sifat-sifat Tuhan dengan ijmali (ringkas) iaitu bahawa beriktiqad dan berpegang oleh seseorang dengan iktiqad yang putus bahawasanya wajib bagi ALLAH Taala bersifat dengan tiap-tiap sifat kesempurnaan yang lain dengan keadaan ketuhanan dan mustahil atasnya bersifat dengan apa-apa jua sifat kekurangan.

2. Mengetahui sifat-sifat Tuhan dengan jalan tafsili (satu persatu) iaitu bahawa beriktiqad dan berpegang oleh seseorang dengan iktiqad yang putus dengan dalil aqli dan naqli bahawasanya wajib bagi ALLAH Taala dua puluh sifat yang wajib dan beriktiqad dengan iktiqad yang putus dengan dalil aqli dan naqli bahawasanya mustahil atas ALLAH Taala bersifat segala lawan sifat yang wajib dua puluh itu.

Adalah dikehendaki dengan mengenal Tuhan itu hkndaklah mengetahui tiga perkara iaitu yang pertama iktiqad yang putus (tiada syak, zan, waham) , kira-

c

nya iktiqad tidak putus seperti ada iktiqad syak, zan atau waham maka tidak dinamakan mengenal. Yang kedua muafakat (bersetuju) iktiqad itu dengan yang sebenar (berbetulan iktiqad ini dengan iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah) maka tiada dinamakan mengenal jika iktiqad itu tidak berbetulan dengan yang sebenar, seperti iktiqad orang nasrani dan Yahudi. Yang ketiga, dengan ada dalil sekalipun dengan dalil ijmali, sebaliknya jika iktiqad putus serta muafakat dengan sebenar tetapi tidak dengan dalil maka dinamakan taklid.

Adapun iktiqad yang tiada putus atau tiada muafakat dengan yang sebenar maka dengan itfak ulama menghukumkan kafir, dan iktiqad orang yang bertaqlid itu bersalah-salahan ulama padanya, maka mengikut qaul yang muktamad orang yang bertaqlid itu tidak dihukumkan kafir jika taklidnya putus tetapi dihukumkan dia mukmin yang menderhaka jika kuasa ia mengadakan dan mendirikan dalil dengan belajar, kiranya tidak terdaya mendirikan dalil kemudian daripada telah belajar sebab bodohnya maka tiada dihukumkan derhaka.

Adalah makna taqlid itu iaitu menerima perkataan lain dengan tidak mengetahuikan dalil dan keterangan maka taklid itu terbahagi kepada dua bahagian kepercayaan. Yang pertama taklid jazmi ertinya kepercayaan itu terlekat betul di mata hatinya dengan teguh dan kuat serta tidak akan berubah atau terbalik semula jika orang yang diikuti itu berbalik sekalipun maka taklid yang seperti ini di sisi Ahli Sunnah Wal Jamaah sah imannya kerana mempunyai jazam kepercayaan. Yang kedua taklid yang tiada jazam ertinya menerima perkataan orang lam dengan tiada teguh dan tiada kuat. Sekiranya orang yang diikuti seperti guru-gurunya, ibu bapanya atau lain-lain berbalik iktiqadnya maka ia pun mengikut berbalik jua maka taklid yang seperti ini dihukumkan tiada sah imannya kerana serupa imannya dengan syak, zan atau waham (yang tiada jazam).

Tegasnya adalah iman orang yang bertaqlid sentiasa di dalam khathar (bahaya) dan kebimbangan dan tergantung kebenarannya atas kebenaran atas orang yang diiiuti jika benar perjalanan orang yang diikutnya dan yang dipegangnya seperti guru-gurunya maka, yang mengikut itu benarlah jua. Tetapi jika ada sebaliknya binasalah ia bersama-sama dengan orang yang diikutnya.

Dari itu hendaklah seseorang bersungguh-sungguh menuntut ilmu aqaidul iman yang sahih supaya terlepas ia daripada syak dan waham di dalam imannya tidak pakai ikut-ikut sahaja istimewa zaman sekarang masa yang telah zahir beberapa banyak ahli bid’ah.

Maka taklid itu mudarat kerana ialah jalan yang membawa kepada sesat yang amat hina yang tiada layak sekali-kali dengan ha1 seorang manusia.

Awaluddin Makrifatullah

4. DI DALAM kitab dikatakan ***Awaluddin makrifatullah*** awal-awal agama ialah mengenal ALLAH. Apabila seseorang itu tidak mengenal ALLAH, segala amal baktinya tidak akan sampai kepada ALLAH SWT.

Sedangkan, segala perintah suruh yang kita buat sama ada yang berbentuk fardhu mahupun sunat, dan segala perintah larang yang kita jauhi sama ada yang berbentuk haram mahupun makruh, merupakan hadiah' atau 'persembahan' yang hendak kita berikan kepada ALLAH SWT. Kalau kita tidak kenal ALLAH SWT, maka segala 'hadiah' itu tidak akan sampai kepada-Nya.

Ibarat kita hendak memberi hadiah kepada seorang raja sedangkan kita tidak kenal raja itu. Hadiah itu tidak akan sampai kepada raja. Kita mungkin memberinya kepada pembesar istana yang kita sangkakan raja. Kalau kita kenal sungguh-sungguh raja itu, barulah senang kita hendak menyampaikan hadiah kita itu kepadanya.

Begitulah juga dengan segala amal bakti kita yang hendak kita hadiahkan kepada ALLAH SWT, ia hanya akan sampai kepada ALLAH kalau kita mengenal ALLAH SWT sungguh-sungguh. Sebab itulah, perkara terawal dalam ajaran Islam ialah mengenal ALLAH SWT.

Bila seseorang itu sudah kenal ALLAH, barulah apabila dia berpuasa, puasanya sampai kepada ALLAH; apabila dia bersembahyang, sembahyangnya sampai kepada ALLAH; apabila dia berzakat, zakatnya sampai kepada ALLAH; apabila dia menunaikan haji, hajinya sampai kepada ALLAH SWT; apabila dia berjuang, berjihad, bersedekah dan berkorban, serta membuat segala amal bakti, semuanya akan sampai kepada ALLAH SWT.

4 Kerana itulah, mengenal ALLAH ini amat penting kepada kita. Jika kita tidak kenal ALLAH, kita bimbang segala amal ibadah kita tidak akan sampai kepada-Nya; ia menjadi sia-sia belaka. Boleh jadi kita nanti ditipu oleh syaitan sahaja.

Cara mengenal ALLAH

Dan untuk mengenal ALLAH melalui sifat-sifat yang wajib bagi-Nya yang sebanyak 20 sifat itu, kita perlu kepada dalil-dalil aqli dan dalil-dalil naqli.

Dali1 aqli adalah dalil yang bersumberkan akal, manakala dalil naqli adalah dalil yang bersumberkan Al Quran dan Sunnah. Melalui dalil aqli dan dalil naqli ini sajalah kita dapat mengenal ALLAH.

Tanpa dalil-dalil itu, kita tidak dapat mengetahui sifat-sifat yang wajib bag-i ALLAH, dan kalau kita tidak mengetahui sifat-sifat ALLAH, bererti kita tidak mengenal ALLAH SWT.

Kita tidak dapat mengenal ALLAH melalui zat-Nya. Kalau ada orang yang konon dapat mengenal ALLAH melalui zat-Nya, bererti orang itu telah diperdayakan oleh syaitan.

Sebab itu, hendaklah kita berhati-hati benar dalam

usaha hendak mengenal ALLAH supaya yang kita kenal itu benar-benar ALLAH dan bukan syaitan atau jin. Kalau kita diperdayakan oleh syaitan, rosaklah aqidah kita. Rasulullah SAW pernah bersabda: .

تَفَكَّرُوْا فِى خَلْقِ اللهِ وَلَا تَفَكَّرُوْا فِى اللهِ

Terjemahannya: *Renungilah pada ciptaan Allah (nescaya kamu akan mengenal ALLAH). Dan jangan kamu renungi (mencari) zat ALLAH (kamu* akan *sesat)* .

Ini perlu kita faham benar-benar kerana zat ALLAH itu tidak boleh kita bayang-bayangkan atau kita khayal-khayalkan. Zat ALLAH bukan makhluk dan bukan benda, dan Ia tidak bertempat. Keadaan-Nya adalah sepertimana yang difirmankan oleh ALLAH sendiri:

لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ

Terjemahannya: *Tidak ada yang menyerupai-Nya sesuatu jua.*

(Syuraa: 11)

Dan ada keterangan yang mengatakan:

مَا وَقَرَ فِى الْقَلْبِ فَهُوَ مُخَالِفٌ

Terjemahannya: *Apa saja yang terlintas di dalam fikiran itu, Tuhan bukan demikian.*

Jadi, bagaimanakah cara kita hendak mengenal ALLAH? Iaitu dengan mengetahui sifat-sifat Allah berdasarkan dalil-dalil aqli dan naqli.

Sifat-sifat ALLAH, sepertimana yang kita ketahui, adalah sebanyak 20 yang wajib kita pelajari. (Cuma ada setengah-setengah ulama mengatakan bahawa yang wajib diketahui sebanyak 1.3 sahaja.) Apabila kita telah

mengetahui ALLAH dengan dalil aqli dan naqli itu, barulah kita dianggap makrifah dengan ALLAH, dan barulah sah pengenalan kita kepada ALLAH SWT.

Empat Syarat Kenal ALLAH

Untuk mengesahkan pengenalan kita kepada ALLAH SWT, kita mesti menempuh empat syarat, iaitu:

1. Percaya adanya ALLAH SWT.
2. Jazam yang qat'i iaitu yakin kepada ALLAH dengan keyakinan yang sungguh-sungguh; tidak dicelah oleh syak, zan atau waham. Dengan perkataan lain, keyakinan kita kepada ALLAH begitu padu dan kental, tidak goncang dan ragu walau sedikit pun sama ada ragu itu bertaraf syak, zan atau waham. Syak bererti 50 peratus percaya, 50 peratus ragu. Zan bererti percaya kita lebih daripada ragu; misalnya 75 peratus percaya, 25 peratus ragu. Waham bererti ragu kita lebih daripada percaya; misalnya 25 peratus percaya, 75 peratus ragu.
3. Selari dengan yang sebenarnya. Ertinya, setelah kita meyakini sungguh-sungguh tentang adanya ALLAH, keyakinan itu mestilah selari dengan yang sebenar.
4. Mesti ada dalil.

Demikianlah empat syarat yang mesti ada pada kita untuk mengesahkan pengenalan kita kepada ALLAH SWT. Keyakinan kita akan adanya ALLAH SWT adalah secara padu tanpa sebarang syak, zan atau waham; keyakinan yang padu itu pula selari dengan yang sebenar serta cukup dengan keterangan-keterangan atau dalil dan bukti walaupun secara ijmali atau secara ringkas.

Dan kalau kita telah mempunyai empat syarat tadi,

kita dikatakan telah mengenal ALLAH secara akal. Maka sahlah aqidah yang demikian.

Jika tidak, bermakna kita belum mengenal ALLAH, dan aqidah atau iman kita tidak sah. Dan itu juga bermakna, apa yang telah kita buat selama ini menjadi sia-sia saja. Sia-sialah sembahyang kita sia-sialah puasa kita sia-sialah haji kita sia-sialah perjuangan dan jihad kita dan sia-sialah apa saja amal bakti kita selama ini kerana kita belum benar-benar mengenal ALLAH.

Rasa **Jiwa berTuhan**

Perlu sekali kita ingat di sini bahawa kalau sekadar di dalam diri kita ada rasa bertuhan, itu belum dikatakan beraqidah atau beriman. Sebabnya, rasa bertuhan itu adalah fItrah semulajadi manusia. Ia samalah seperti rasa susah, rasa senang, rasa ingin pandai, rasa ingin bahagia, dan sebagainya. Ini semua dikatakan fitrah dan tabiat semulajadi manusia. Hal-ha1 ini tidak perlu dipelajari keraha ia memang sedia ada.

“Umpamanya, kalau kita mendapat sesuatu yang menyukakan, hati kita akan rasa terhibur. Begitu jugalah kalau kita menghadapi kesusahan, hati kita akan rasa susah. Semua ini telah menjadi naluri manusia yang Allah bekalkan bersama-sama tubuh kasar kita ini.

Bukti yang menunjukkan bahawa rasa bertuhan itu adalah fitrah semulajadi mauusia ialah firman ALLAH SWT:

وَلَئِن سَأَلۡتَهُم مَّنۡ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُۚ

Terjemahannya: ***Jika kamu bertanya kepada mereka (orang-orang kafir) siapakah*** yang ***menjadikan langit dan bumi ini, nescaya*** mereka ***akan menjawab, “ALLAH “.***

(Luqman: 25)

Kita dapati di sini, orang-orang kafir pun mengakui adanya Tuhan pencipta langit dan bumi ini, tetapi mengapakah mereka masih dianggap kafir?

Sebabnya, pengakuan yang mereka buat itu adalah daripada fitrah semulajadi mereka, dan pengakuan itu tidak menempuh empat syarat yang dikehendaki untuk mengesahkan aqidah dan iman.

Mungkin mereka yakin adanya Tuhan dengan sebenar-benar yakin, tetapi keyakinan mereka itu tidak selari dengan yang sebenarnya.

Mereka menggambarkan Tuhan dengan berbagai-bagai rupa seperti ada misai, ada kepala, ada belalai, dan lain-lainnya. Ini bermakna ia tidak selari dengan yang sebenar kerana Tuhan sebenarnya tidak demikian. Sebab itu aqidah mereka tidak sah walaupun rasa bertuhan itu ada dalam diri mereka. Jadi, mereka tetap juga dianggap kafir.

Begitu juga dengan orang-orang kristian misalnya. Apakah mereka tidak percaya kepada Tuhan? Jawabnya, mereka begitu percaya adanya pencipta langit dan bumi ini, malah kepercayaan mereka begitu padu dan kental. Tetapi, mengapakah mereka tetap kafir?

Ini kerana, kepercayaan mereka itu tidak selari dengan yang sebenar. Tuhan yang sebenarnya adalah Esa iaitu satu saja, tetapi orang kristian mengatakan Tuhan itu tiga atau yang mereka sebut *Trinity*. Pada mereka, ada Tuhan bapa, ada Tuhan anak, dan ada Tuhan Syurga. Apakah ini betul? Jawabnya tidak, dan kerana itu orang-orang kristian tetap kafir walaupun mereka percaya adanya Tuhan. Makrifah mereka kepada ALLAH tidak sah.

Iman Taqlid

Begitu jugalah dengan orang yang bertaqlid. Aqidahnya atau imannya dikira tidak sah kerana dalil atau buktinya tidak ada. Tadi telah kita katakan bahawa antara empat syarat untuk mengesahkan aqidah ialah ada dalil dan bukti. Sedangkan orang yang imannya iman taqlid kekurangan salah satu daripada syarat yang empat itu.

Orang yang beriman taqlid sekadar percaya adanya Tuhan tetapi tidak dapat memberi dalil dan keterangan. Dia tidak mempunyai hujah secara ilmiah. Kepercayaannya sekadar ikut-ikutan saja. Oleh kerana ibu dan ayahnya percaya adanya Tuhan yang menjadikan seluruh alam ini, dia pun ikut percaya. Tetapi kalau kita tanya dia, apakah bukti-bukti serta dalil-dalil tentang adanya Allah, dia tidak dapat memberikan hujahnya.

Orang yang beriman taqlid hanya percaya tetapi kepercayaannya tidak berdasarkan dalil-dalil ilmiah. Dia kekurangan salah satu daripada empat syarat untuk mengesahkan aqidah. Dengan itu, imannya tidak sah.

Kalau benarlah imannya tidak sah, maka seluruh amal ibadahnya tidak sah. Sembahyangnya tidak sah, puasanya tidak sah, hajinya tidak sah, zakatnya tidak sah, jihadnya tidak sah dan segala kebajikannya, walau sebesar dunia pun, tidak sah. Sedikit pun ALLAH tidak akan nilai daripadanya kerana dia belum dianggap makrifah dengan ALLAH. Dia tidak benar-benar kenal dengan ALLAH kerana pengenalannya tidak disertakan dalil dan bukti. Dan kalau dia tidak kenal ALLAH, bagaimanakah dia hendak mempersembahkan amal baktinya itu kepada ALLAH sebagai ‘hadiah’ daripadanya.

Tapak Iman

Seterusnya, amatlah perlu kita ingat di sini, walaupun seseorang itu sudah dapat mengesahkan iman dan aqidahnya kerana ia sudah menempuh empat syarat yang dikehendaki itu, namun imannya baru dikatakan sudah mempunyai tapak.

Nisbahnya adalah seperti benih yang sudah ditanam di atas tanah yang sesuai dengannya. Yang perlu selepas itu ialah menyuburkannya supaya ia bercambah, membesar dan berbuah, iaitu dengan menyiram benih itu setiap hari dengan air. Kemudian ia diberi baja supaya bertambah subur, dan tapaknya sentiasa digembur supaya kekuatan akarnya bertambah kukuh dan kemas.

Dan begitulah dengan orang yang sudah mempunyai iman yang telah menempuh empat syarat untuk mengenal ALLAH tadi. Dia sudah mempunyai benih iman. Iman atau aqidahnya sekadar sudah sah tetapi belum bererti ia sudah cukup sempurna. Iman itu perlu disuburkan dengan amal ibadah seperti sembahyang, berpuasa, berzakat, menunaikan haji, berjuang dan berjihad, bersedekah, berkorban, dengan mengikut perintah ALLAH dan dengan menjauhi segala larangan-Nya.

Semuanya itu merupakan baja kepada iman supaya ia menjadi subur dan sempurna. Ia juga merupakan air untuk menyuburkan iman.

Bagaimanapun, kalau benih iman itu tidak ada, apakah dengan memberi baja serta menyiram air boleh menyuburkannya? Ibarat menyiram air atau menabur , baja di dalam tanah yang tidak ada benih, bagaimana ia boleh bercambah hingga menjadi pokok? Tentu mustahil!

Begitulah, kalau iman belum bertapak di dalam dada disebabkan seseorang itu belum mengenal

ALLAH melalui empat syarat tadi, bagaimana sembah-yang boleh menyuburkan iman? Bagaimana berpuasa boleh menyuburkan iman.? Seterusnya bagaimanakah haji, berjuang dan berjihad serta lain-lain amal bakti boleh menyuburkan iman.? Bagaimana boleh ia subur sedangkan asas atau tapak imannya tidak ada!

Ertinya dia boleh bersembahyang, boleh berpuasa, boleh mengerjakan haji, boleh berjuang dan berjihad, serta boleh melakukan amal bakti, tetapi semuanya tidak dapat memberi kesan kepada imannya kerana iman itu belum bertapak di dalam dirinya.

Peringkat Iman

Hanya apabila kita telah mengenal Allah melalui empat syarat tadi, barulah iman kita berbenih. Tetapi, apakah ia sudah cukup dan sempurna? Jawabnya, tidak. Ia mesti disuburkan dengan bersembahyang, berpuasa, berzakat, mengerjakan haji, dan membuat segala amal bakti yang lain.

Hanya dengan itu, iman kita menjadi sempurna hingga mencapai tahap iman yang dipanggil iman ***ayan.*** Kemudian, manakala kita usahakan lagi hingga menambah kesempurnaannya, maka ia boleh dipertingkatkan hingga kepada iman hak dan ***iman hakikat.*** Itulah yang dikatakan kesempurnaan iman.

Sebab itulah kita katakan bahawa kalau seseorang itu sekadar mengenal ALLAH setelah menempuh empat syarat tadi, imannya baru dikira sah, tetapi ia belum cukup sempurna. Dia baharu memiliki tapak atau asas iman. Kalau asas iman itu tidak disempurnakan dengan amal ibadah, dia masih lagi dalam golongan ***mukmin 'usi*** atau mukmin yang masih melanggar perintah-perintah ALLAH. Dia tetap juga masuk Neraka, cuma tidak kekal

di dalamnya kerana aqidahnya sudah sah.

Penyuburan Iman

Orang yang sudah ada asas iman itu ibarat benih yang sudah tertanam dan sudah bercambah. Tetapi cambahnya tidak sempurna kerana tidak cukup dibaja dan disirami air hinggakan apabila ada yang bercambah amat mudah dimakan semut, siput babi, dan sebagainya. Walau bagaimanapun kerana tapaknya ada, walaupun dijahanamkan oleh musuh, namun ia ada akar tunjang.

Betapalah kalau memang didapati yang benih tidak ada langsung. Sebab itulah, bagi orang awam seperti kita, pengenalan kepada ALLAH secara ilmu dengan menempuh empat syarat tadi mestilah diusahakan terlebih dahulu. Bila pengenalan secara ilmu itu sudah ada, ertinya benih iman sudah ada.

Cuma yang hendak kita usahakan lagi ialah supaya ia berbatang, berdahan, berdaun serta berbuah. Iaitu dengan membuat berbagai-bagai amal ibadah seperti sembahyang, berpuasa, mengerjakan haji, serta lain-lain amal bakti sama ada dengan mengerjakan yang disuruh (yang fardhu dan yang sunat) atau dengan meninggalkan yang dilarang (yang haram dan yang makruh).

Dan inilah yang hendak kita jaga benar-benar dalam persoalan aqidah ini. Kalau tidak, sia-sia saja amal ibadah kita selama ini. Manakala kita telah mengenal ALLAH melaiui empat syarat tadi, jangan pula kita biarkan iman itu tanpa dibaja dan disirami air supaya menjadi subur.

Kalau dibiarkan ia cambah sendiri, maka ia kurang subur, macam pokok-pokok kering dan ketot-ketot. Kalau berbuah, buahnya busuk-busuk. Inilah yang di-

ibaratkan kepada mukmin 'asi yang di Akhirat kelak, masuk Neraka terlebih dahulu sebelum masuk Syurga.

Namun, sekurang-kurangnya dia masih mukmin lagi kerana pengenalannya kepada ALLAH sudah menempuh empat syarat tadi. Sebaliknya, kalau pengenalannya kepada ALLAH tidak menempuh empat syarat itu, dia tidak boleh disebut mukmin tetapi kafir. Dan ha1 keadaannya kekal abadi di dalam Neraka.

Dalil Aqli clan Dalil Naqli

Seterusnya, dalil-dalil dalam pengenalan kita kepada sifat-sifat ALLAH terbahagi kepada dua: dalil aqli dan naqli.

Dali1 aqli ialah dalil akal atau dalil yang berdasarkan lojik atau mantik atau falsafah. Boleh juga kita katakan dalil aqli ini sebagai dalil yang berdasarkan ilmu pengetahuan.

Manakala dalil naqli ialah dalil yang bersumberkan Al Quran dan Sunnah.

Dalil-dalil aqli boleh juga kita bahagikan kepada dua iaitu dalil secara ijmali dan dalil secara tafsili. Dali1 ijmali ialah dalil secara ringkas, manakala dalil tafsili ialah dalil secara terperinci atau secara terhurai.

Dali1 Aqli Secara Ijmali

Dali1 aqli secara ijmali atau secara ringkas, kedudukannya adalah fardhu ain. Ertinya, setiap mukallaf wajib mengenal sifat-sifat ALLAH melalui dalil-dalil akal secara ijmali atau secara ringkas. Ia tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada orang lain. Cuma yang perlu kita ingat ialah bahawa dengan dalil-dalil akal secara ringkas

ini, kita tidak mampu mengemukakan hujah-hujah kalau ada orang yang mendatangkan hujah kepada kita. Dan ia juga tidak boleh menolak perkara-perkara yang syubhat.

Umpamanya, kalau ada orang yang membawa ajar-an-ajar-an yang karut atau ajaran yang salah yang dicampuradukkannya dengan ajaran atau aqidah yang benar, kemudian diajukannya kepada kita, kita tidak akan mampu untuk menolaknya.

Jadi dalil aqli secara ijmali atau secara ringkas hanya untuk diri sendiri sahaja. Tetapi apabila orang datangkan aqidah yang bercampur aduk antara yang sah dan dengan yang karut, kita tidak dapat menolaknya. Ini dikatakan ajaran-ajaran syubhat itu ajaran yang bercampur aduk dengan bid'ah, khurafat dan sebagainya. Sekadar dengan dalil akal secara ringkas, kita tidak mampu untuk menolak ajaran-ajaran tersebut.

Dalil Akal Secara Tafsili

Kemudian, yang dikatakan dalil akal secara tafsili ialah dalil-dalil yang panjang lebar, luas serta lengkap. Kedudukannya fardhu kifayah, iaitu tidak dituntut kepada setiap mukallaf untuk mengetahuinya.

Ertinya, kalau ada satu kawasan dalam lingkungan jarak yang membolehkan kita melakukan sembahyang qasar iaitu 48 batu (mengikut salah satu khilafiah jarak yang membolehkan sembahyang diqasar), ada satu orang yang tahu dalil akal secara tafsili, maka dia telah melepaskan dosa setiap orang mukallaf di kawasan itu.

Kalau umpamanya di dalam kawasan itu ada 50,000 orang penduduk, dan tidak ada seorang pun yang tahu tentang dalil akal secara tafsili, maka selama belum ada orang yang mengetahuinya, selama itulah semua orang

yang mukallaf di situ berdosa dalam perkara tersebut.

Dosa Fardhu Kifayah

Ini merupakan satu persoalan yang berat bagi kita semua. Pada masa ini mungkin susah kita hendak mencari satu orang yang benar-benar tahu tentang dalil akal secara tafsili. Ertinya belum selesai fardhu kifayah di kawasan itu. Seluruh penduduk yang mukallaf di situ telah berdosa.

Dan yang beratnya, dosa dalam bidang fardhu kifayah ini jarang-jarang membuat orang merasakan dirinya berdosa. Dan dosa dalam bidang fardhu kifayah ini jarang yang terampun, sedangkan dosa-dosa lain ramai yang merasakannya lalu memohon ampun. Kalau dia tidak bersembahyang misalnya, dia akan bertaubat dan akan bersembahyang.

Begitu juga kalau seseorang itu membuat dosa-dosa lain seperti tidak berpuasa, tidak menurut perintah-perintah ALLAH, dan sebagainya, dia akan terasa dirinya berdosa.

Tetapi orang yang berdosa dalam bidang fardhu kifayah jarang-jarang merasakan dirinya berdosa. Dan kalau dia tidak merasakan dirinya berdosa, apabila dia mati, dosanya tidak terampun. Masuk Nerakalah jawabnya.

Di sini kita baru memperkatakan dosa dalam satu perkara. Sedangkan bidang fardhu kifayah amat luas sekali meliputi pelbagai perkara.

Bagaimana pula fardhu kifayah dalam perkara ma-'kan minum, kesihatan, pendidikan, dan perkara-perkara yang lain. Berapa banyak dosa yang telah mengenai diri kita kerana persoalan-persoalan fardhu kifayah yang

tidak selesai di dalam masyarakat kita. Adakah kita telah menyedarinya?

Sebab itu, kalau kita kuat beribadah seperti banyak sembahyang, banyak berpuasa, dan sebagainya, jangan sekali-kali kita bersenang hati. Tengoklah pula persoalan fardhu kifayah kita yang belum selesai. Kerana banyaknya persoalan tersebut yang belum selesai, kita pun terlibat sama (sama-sama menanggung dosa) walaupun kita bertahajjud tiap-tiap malam dan kita boleh khatam Quran satu minggu sekali. Sedangkan fardhu kifayah itu lebih besar lagi daripada Tahajud dan membaca Quran.

Kalau begitu, memang patut sekali kita gerun dan ngeri memandangkan begitu banyak persoalan fardhu kifayah yang tidak kita selesaikan di .dalam masyarakat kita. Kita semuanya berdosa dengan dosa-dosa yang tidak kita sedari, dan kerana itu, kita tidak pernah memohon ampun ke atas dosa-dosa itu. Manakala kalau kita mati, kita mati dengan membawa dosa yang banyak dalam bidang fardhu kifayah.

Persoalan ini perlu kita fikirkan dalam-dalam, dan janganlah kita asyik mahu menumpang hak orang lain, tanpa berusaha sendiri. Konon kita merasakan yang hak orang itu memang sudah hendak diberi untuk kesenangan kita. Kalau hak orang lain yang kita terima, kita terpaksa menerima apa saja yang hendak orang berikan kepada kita. Kalau baik, maka baiklah yang kita terima; kalau busuk, maka busuklah yang kita terima. Begitulah adat orang menumpang.

Jadi, banyak perkara dalam bidang fardhu kifayah yang belum dapat kita selesaikan, termasuklah mengetengahkan orang yang mampu mendatangkan dalil akal secara tafsili bagi 20 sifat ALLAH. Kalau tidak ada seorang pun mampu berbuat demikian di satu-satu kawa-

san itu, semua orang yang aqil baligh di kawasan tersebut sama ada yang laki-laki mahupun yang perempuannya, menanggung dosa.

Oleh itu, semua orang di kawasan itu perlu memikirkan untuk mencari satu orang untuk dihantar belajar supaya dapat mendatangkan dalil-dalil akal secara tafsili itu. Dan apabila telah ada, maka kepadanya kita pertanggungjawabkan untuk menolak ajaran-ajaran yang syubahat serta ajaran-ajaran yang karut dan sesat di kawasan itu. Seolah-olah dialah perisai dan benteng untuk menolak ajaran-ajaran karut yang dibawa orang ke kawasan itu.

Kepada dialah akan disandarkan tanggungjawab untuk memberi penerangan, untuk menafi dan untuk menolak ajaran karut yang didatangkan dari Iuar ke kawasan itu. Dialah yang mesti menceritakan perkara yang sebenarnya supaya orang ramai tidak sesat. Tetapi kalau di dalam kawasan yang kita ambil sejarak 48 batu tadi, tidak ada seorang pun yang boleh menjadi perisai untuk menolak ajaran sesat yang datang, maka akan tersesatlah umat.

DaliI Naqli – Fardhu Kifayah?

Seterusnya, dalam mendatangkan dalil naqli ke atas sifat-sifat ALLAH, kedudukannya juga fardhu kifayah. la bukan fardhu ain. Dalam ha1 ini, terdapat kelonggaran daripada ALLAH. Di dalam mendatangkan dalil aqli secara ijmali atau secara ringkas, telah kita katakan yang kedudukannya adalah fardhu ain. Tetapi bagi dalil naqli iaitu dalil yang bersumberkan Al Quran dan Sunnah, biarpun secara ijmali, ia hanya fardhu kifayah, tidak fardhu ain.

Di sinilah rahmat dan kasih sayang ALLAH kepada

umat. ALLAH amat mengetahui bahawa orang yang masuk Islam bukan semuanya berbangsa Arab. Di dalam syariat, hanya ada dua bangsa sahaja, iaitu Arab dan Ajam. Luar daripada bangsa Arab dinamakan bangsa Ajam.

Dan bagi mereka yang Ajam itu, ALLAH tahu yang mereka amat susah memahami Al Quran dan susah pula untuk menghafal Hadis. Sebab itu datang kemaafan daripada ALLAH, dan ALLAH meletakkan dalil naqli walaupun secara ijmali sebagai fardhu kifayah sahaja.

Jadi tanggungjawab untuk mendatangkan dalil naqli ini terletak kepada mereka yang berbahasa Arab sahaja, terutamanya orang Arab sendiri, kerana Al Quran dan Hadis itu dalam bahasa mereka. Boleh dikatakan semua orang Arab berupaya menghuraikan Hadis dan Al Quran. Malah orang-orang Arab yang kafir pun pandai tentang Al Quran dan Hadis.

Tetapi bagi orang-orang Ajam, memanglah susah hendak menghafal Hadis dan Al Quran. Kalau boleh pun, dengan bahasa yang telor. Tetapi Allah tahu tentang orang Ajam yang bilangan mereka lebih ramai lagi daripada orang Arab.

Pada hari ini, lebih ramai orang Ajam yang masuk Islam daripada orang Arab. Bahkan ulama Ajam lebih ramai bilangannya daripada ulama Arab. Ulama-ulama Arab hanya sebanyak bilangan jari sahaja seperti Imam Shafie. Imam Ghazali adalah orang Ajam, bukan orang Arab. Imam Hanafi dan Imam Hambali juga bukan orang Arab. Begitulah dengan ulama-ulama dari Afrika, Rusia, Sepanyol dan lain-lainnya.

Jadi mengetahui dalil naqli atas sifat-sifat ALLAH yang wajib adalah fardhu kifayah sahaja. Ertinya, di

dalam satu kawasan yang jaraknya sudah membolehkan sembahyang diqasarkan - katalah kita ambil jarak 48 batu iaitu mengikut salah satu khilafiah ulama - mesti ada satu orang yang boleh membawa dalil Al Quran dan Hadis tentang adanya ALLAH SWT. Jika tidak ada, semua orang yang akil baligh di kawasan itu menanggung dosa.

Perkara ini perlu kita fikirkan dengan seberatnya agar di kawasan-kawasan kita sentiasa ada orang yang mampu mendatangkan dalil-dalil naqli ke atas sifat-sifat ALLAH SWT. Kalau ramai yang mampu, itu lebih baik kerana apabila salah seorang meninggal dunia, sudah ada penggantinya.

Kemudian, yang dikatakan dalil tafsili itu, ada dua perenggan kata yang mengandungi dua muqaddimah dan satu natijah.

BAB 3:

Sifat Yang Pertama Bagi ALLAH:

WUJUD

MATAN

AL WUJUD Ertinya ada dimaknakan dengan tetap, benar dan sungguh, yang wajib bagi zat ALLAH Taala yang tiada dikeranakan dengan suatu kerana.

Maka wujud itu di sisi Imam Fakhrurrazi dan Imam Abu Mansur Al Maturidi bukan ia ain maujud dan bukan lain daripada ain maujud maka atas khaul ini adalah wujud itu Haliah (yang menepati antara ada dengan tiada) tetapi pada pendapat Imam Abu Al Hassan Al Ashaari, wujud itu ainul maujud yakni wujud itulah zat maujud kerana tidak disebutkan wujud melainkan kepada zat.

Barang diingat tentang percayakan wujud Tuhan (Tuhan itu ada) bukan sahaja di sisi agama Islam bahkan semua agama di dalam dunia ini mengaku mengatakan Tuhan itu ada sebagaimana firman Tuhan:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُ ۚ

Ertinya: ***Dan jika kamu tanya orang-orang kafir itu siapa yang menjadikan langit dan bumi nescaya berkata*** mereka ***itu ALLAH yang menjadikan***

(Luqman: 25)

Sifat-sifat Yang Wajib Dipelajari

DAIAM bab ini, kita akan membahaskan sifat wajib yang pertama bagi ALLAH SWT iaitu sifat Al Wujud. Perbahasan ini adalah secara tafsili ataupun secara terhurai.

Seperti juga dengan sifat-sifat ALLAH yang lain, sifat Wujud ini wajib kita pelajari, fahami dan yakini. Kalau tidak, tidak sahlah iman kita walaupun kita boleh mengucap dua kalimah shahadat.

Sebagai pengenalan, berikut ialah nama-nama 20 sifat yang wajib bagi ALLAH Taala:

1. Wujud
2. Qidam
3. Baqa'
4. Mukholafatuhu Taala Lil Hawadisi
5. Qiamuhu Binafsihi
6. Wahdaniah
7. Al Qudrat
8. Al Iradat
9. Al Ilmu
10. Al Hayat
11. As Sama'
12. Al Basar
13. Al Qalam
14. Kaunuhu Qadiran

15. Kaunuhu Muridan
16. Kaunuhu 'Aliman
1'7. Kaunuhu Sami'an
19. Kaunuhu Basiran dan
20. Kaunuhu Mutakalliman

Selain wajib mengetahui serta meyakini 20 sifat yang wajib bagi ALLAH SWT itu, kita juga wajib mengetahui dan meyakini bahawa ALLAH SWT itu mempunyai 20 sifat yang mustahil serta satu sifat yang harus. Kesemuanya apabila dicampurkan menjadi 41 sifat, dan ini dikatakan sifat ketuhanan.

Sifat-sifat Kerasulan

Kemudian, kita juga wajib mengetahui dan meyakini sifat-sifat kerasulan iaitu empat sifat yang wajib, empat sifat yang mustahil, dan satu sifat yang harus.

Empat sifat yang wajib itu ialah:

1. Siddiq atau benar;
2. Amanah;
3. Tabligh atau menyampaikan; dan
4. Fathanah atau bijaksana.

Empat sifat yang mustahil pula ialah:

1. Dusta;
2. Khianat;
3. Menyembunyikan; dan
4. Bodoh.

Satu sifat rasul yang harus ialah berperangai seperti perangai manusia tetapi tidak menjatuhkan pangkat dan darjatnya sebagai Rasul.

Jadi, jumlah sifat kerasulan ialah sembilan. Dengan itu, 41 sifat ketuhanan beserta sembilan sifat kerasulan, semuanya menjadi 50 sifat. Itulah yang kita namakan aqa'idul iman atau kesimpulan iman, dan ia terkandung di dalam ucapan dua kalimah shahadat:

اَشْهَدُ اَنْ لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ

Pengertian Al Wujud

Berbalik kepada sifat wajib yang pertama bagi ALLAH Taala iaitu Al Wujud, maknanya dari segi bahasa ialah "ada".

Dalam hal ini, wajib bagi ALLAH SWT itu ada. Atau dalam ertikata yang lain, wajib adanya atau wujudnya ALLAH SWT itu. Pengertian wajib ini perlu kita fahami benar-benar.

Wajib Pada Akal

Di dalam pengajian tauhid, wajib bermaksud wajib pada akal iaitu menghukumkan adanya sesuatu itu dengan bersandarkan perbahasan akal fikiran serta dalil-dalil dan bukti di atas ketetapan hukum itu. Ini dinamakan wajib akal nazari iaitu khusus kita lakukan untuk menghukum sifat-sifat yang wajib bagi ALLAH SWT dengan mendatangkan bahasan akal fikiran serta dalil-dalil dan bukti di atas ketetapan hukum itu. Ini dinamakan wajib akal nazari iaitu khusus kita lakukan untuk menghukum sifat-sifat yang wajib bagi ALLAH SWT dengan mendatangkan bahasan yang ada dalil dan bukti sekali.

Wajib Akal Dharuri

Wajib akal nazari berbeza dengan wajib akal dharuri iaitu

yang menghukum sesuatu itu tetap adanya dengan tidak perlu didatangkan dalil dan bukti melalui bahasan, seperti menghukum 1 itu separuh daripada 2.

Oleh kerana wajib yang kita maksudkan pada sifat Al Wujud bagi ALLAH SWT ini adalah wajib pada akal, maka tidak diterima oleh akal akan tidak adanya atau tidak wujudnya zat ALLAH SWT itu. Ertinya, akal hanya mahu menerima tentang adanya zat ALLAH SWT tetapi tidak mahu menerima yang sebaliknya.

Kalau ada orang yang mengatakan yang ALLAH SWT itu tidak wujud atau tidak ada, maka akal tidak sekali-kali mahu menerimanya. Yang akal mahu terima ialah bahawa ALLAH SWT itu ada atau wujud.

Hakikatnya, wajiblah adanya zat ALLAH SWT itu. Ia tetap ada dan benar ada, dan wajib bagi kita meyakini adanya zat ALLAH SWT itu. Jangan sampai keyakinan kita ini tergelincir kerana kalau tergelincir dengan salah satu sebab sama ada syak, zan atau waham, maka tergelincirlah aqidah kita. Manakala aqidah kita tergelincir, akan sesatlah kita.

Zat ALLAH Tiada Siapa Yang Jadikan

Kemudian, adanya zat ALLAH itu tidak ada yang menjadikannya. Ini khususiah bagi zat ALLAH SWT sahaja. Ertinya, bila kita katakan wajib adanya zat ALLAH SWT itu, pengertian "ada" di sini adalah ada yang tidak ada yang menjadikan-Nya. Tidak seperti adanya benda-benda lain seperti makhluk dan alam ini. Misalnya, bila kita sebut diri kita ini bersifat ada, maksud "ada" di sini ialah bahawa adanya diri kita ini disebabkan ada yang menjadikannya. Kalau tidak ada yang menjadikannya, maka tidak adalah diri kita ini.

Namun seluruh makhluk dan alam ini, termasuklah diri kita, tidak pula boleh kita katakan tidak ada. Semua itu ada, tetapi adanya adalah disebabkan ada yang menjadikan. Dan yang menjadikannya ialah ALLAH SWT. Hanya wujudnya atau adanya ALLAH SWT itu sahaja, tiada siapa yang menjadikan. Berbeza sekali dengan wujudnya makhluk yang telah ada ini.

Bukan saja adanya ALLAH SWT itu tidak ada siapa yang menjadikannya, malah wujudnya zat ALLAH SWT itu juga bukan dikeranakan oleh sesuatu sebab.

Ertinya, adanya atau wujudnya zat ALLAH SWT itu tidak bersebab sebagaimana kejadian makhluk atau seluruh alam ini. Makhluk atau seluruh alam ini disebut juga sebagai 'baharu'. Baharu di sini bererti 'selain daripada ALLAH' atau masiwallah.

Yang baharu adalah seperti manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, bukit-bukau, gunung-ganang, laut, ikan, binatang yang melata, seluruh langit dan isi langit, seluruh bumi dan isi bumi, seluruh yang ada di antara langit dan bumi, alam ghaib termasuklah Alam Kubur, alam Akhirat, alam Jabarut, dan lain-lainnya. Kita katakan bahawa semua itu 'baharu' kerana ia ada yang membaharukan atau yang menjadikan. Itulah ALLAH SWT.

Wujud-Nya Tanpa Sebab

Jadi perlulah kita fahami benar-benar akan hakikat wujudnya ALLAH SWT, iaitu tanpa bersebab. Tidak seperti kejadian setiap yang baharu yang semuanya dikeranakan oleh satu-satu sebab. Seperti misalnya, adanya kita ini disebabkan oleh adanya ibu bapa. Ertinya, perkahwinan menyebabkan lahirnya zuriat. Atau dalam perkataan lain, bolehlah kita katakan, lahirnya zuriat itu disebabkan oleh perkahwinan.

Sama jugalah dalam kejadian-kejadian yang lain seperti kenyang disebabkan oleh makan, hilangnya dahaga disebabkan oleh minum, kaya disebabkan berusaha bersungguh-sungguh, kejayaan disebabkan jihad dan perjuangan yang gigih, mati disebabkan oleh sakit, dan begitulah seterusnya. Tiap-tiap sesuatu itu terjadi kerana ada sebab-sebabnya.

Cuma Allah sahaja yang adanya tidak bersebab. Barangsiapa mengatakan kejadian ALLAH SWT itu ada sebab-sebabnya, dia telah melakukan satu pembohongan yang paling besar. Pembohongan yang demikian adalah pengakuan sesat, dan sekiranya dia mati tanpa sempat memperbetulkan pengakuannya, dia akan terjerumus ke dalam Neraka, kekal abadi di dalamnya, wal'iyazubillah.

Pandangan Ahli Falsafah

Bagi ahli-ahli falsafah atau ahli fikir, ha1 tiap-tiap suatu kejadian itu terjadi kerana ada sebabsebabnya dipanggil sebagai "sebab membawa akibat". Iaitu, tiap-tiap suatu kejadian itu ada sebab-sebabnya dan ada akibatnya. Umpamanya, untuk mendapatkan zuriat, sebabnya melalui perkahwinan. Lalu kita katakan sebab daripada perkahwinan itu mengakibatkan kita mendapat zuriat.

Begitu jugalah dengan kejadian-kejadian lain seperti disebabkan kita makan, akibatnya kenyang; disebabkan kita rajin bekerja dan berusaha, akibatnya kita menjadi kaya; disebabkan kita rajin dan tekun belajar, akibatnya kita jadi pandai.

Demikianlah cara ahli-ahli falsafah mendatangkan perbahasan mereka. Ini adalah hujah ilmu pasti. Samalah seperti menghujah 2 kali 2 bersamaan 4. Hujah demikian tidak boleh digembar-gembur. Ia membawa kepada satu konklusi yang tepat.

Sebab Bawa Akibat

Sebab itu dalam mereka menghujah "sebabsebab membawa akibat" ini, pada mereka setiap sebab itu pasti akan membawa kepada akibatnya. Kalau demikian, setiap kita makan, pasti akan kenyang, atau setiap yang kahwin pasti mendapat zuriat, atau setiap yang berusaha pasti mendapat kejayaan, atau setiap yang rajin belajar pasti akan pandai, dan begitulah seterusnya.

Mereka yang berfahaman demikian seolah-olah telah memastikan bahawa setiap sebab itu pasti membawa kesan.

Dengan itu juga, setiap apa yang diakibatkan adalah bersabit daripada sebab-sebab yang telah dilakukan. Dan oleh kerana ada sebab-sebab yang dilakukan, ia pasti membawa akibat.

Hujah ahli-ahli falsafah ini telah memberikan satu pengertian bahawa sebabsebab dan akibat itu lazim-melazimi antara satu dengan yang lain. Ertinya, bila ada sebabsebab, maka pasti ada akibatnya. Dan akibat itu pula bersabit daripada adanya sebab-sebab.

Sebab-sebab dan akibat-akibat yang lazim-melazimi antara satu dengan yang lain ini telah dikaitkan oleh ahli-ahli falsafah dengan wujudnya ALLAH SWT serta kejadian alam ini. Menurut mereka, ALLAH dengan alam ini lazim-melazimi. Ertinya, kerana adanya alam ini maka adanya Allah. Dan oleh kerana ALLAH itu wujud, maka akibatnya ada alam ini.

Golongan Yang Sesat

Ini satu fahaman yang sesat sama sekali. Namun, kalaupun pandangan mereka itu sesat, itu tidak menghairankan kita sangat kerana pembawa-pembawa fahaman itu

adalah ahli-ahli falsafah Yunani yang memang tujuan mereka mahu menyesatkan umat Islam.

Pelopor-pelopor falsafah ini adalah seperti Aristotle, Plato dan lain-lainnya. Pandangan-pandangan mereka diperkembangkan pula oleh ahli-ahli falsafah Timur seperti Kung Fu Tze dan lain-lain.

Tetapi yang malangnya, termasuk di dalam golongan sesat ini adalah ulama-ulama Islam sendiri. Mereka turut mempelopori fahaman bahawa ALLAH dan alam ini lazim-melazimi. Bermakna mereka juga meyakini bahawa kerana adanya ALLAH SWT, maka adanya alam ini. Adanya ALLAH SWT itu merupakan 'sebab' manakala adanya alam ini adalah 'akibat'.

Ini menunjukkan bahawa mereka berpandangan yang alam ini qadim seperti qadimnya ALLAH SWT. Dengan perkataan lain, mereka telah menyamakan kejadian alam ini bukan ALLAH yang menjadikan tetapi bersabit adanya ALLAH sahaja. Samalah seperti kenyang tadi, bersabit daripada makan saja. Nyatalah sesatnya pandangan mereka itu.

Ahli Falsafah Islam Tonjolan Barat

Kebanyakan ahli falsafah Islam yang membawa fahaman demikian adalah mereka yang ditonjolkan oleh pihak Barat. Pihak Baratlah yang memperkenalkan mereka serta mengagung-agungkan daya pemikiran serta kebijaksanaan mereka. Sedikit pun tidak diceritakan tentang aqidah ahli-ahli falsafah itu kerana bagi pihak Barat, aqidah tidak penting. Sebabnya, mereka tidak percaya kepada wahyu tetapi lebih percaya kepada pemikiran manusia.

Oleh itu, kita perlulah berhati-hati dengan panda-

ngan ahli-ahli fikir Islam. Hendaklah kita selidiki, siapakah yang mengetengahkan mereka. Kalau yang mengetengahkan mereka itu puak Barat yang membesar-besarkan kejayaan pemikiran mereka melalui buku-buku Barat seperti ensaiklopedia mereka, hendaklah kita berawas sungguh-sungguh.

Kebanyakan ahli fikir Islam yang digolongkan juga sebagai ulama Islam yang ditonjolkan oleh puak Barat itu adalah yang membawa fahaman muktazilah. Iaitu satu fahaman yang menyeleweng daripada aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ia muncul dalam kurun pertama Hijrah dengan membawa fahaman-fahaman terhadap soal ketuhanan, soal Akhirat, soal dosa pahala, dan lain-lainnya.

Mengapa Tidak Tonjol Ulama Sebenar?

Satu perkara yang nyata dalam penonjolan kebenaran Islam serta ulama-mama Islam oleh puak-puak Barat ini ialah, mereka tidak mahu memaparkan perjuangan dan pandangan yang dibawa oleh ulama-ulama seperti Imam Shafie, Imam Maliki, Imam Hambali, Imam Hanafi, Imam Nawawi dan lain-lainnya.

Malah seorang ulama Islam yang begitu terkenal iaitu Imam Al Ghazali yang juga merupakan seorang ahli fikir, ahli tasawuf dan ahli dalam pelbagai bidang lain, tidak mahu mereka paparkan. Ini kerana pihak Barat takut untuk memaparkan ulama-ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pemikiran ulama-ulama ini adalah berlandaskan Al Quran dan Sunnah.

Kalau fikiran ulama-ulama yang membawa pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah ini diketengahkan, ia akan memberi faedah besar kepada umat Islam, dan akan menambahkan lagi kekuatan aqidah umat Islam. Ini amat

mereka khuatiri kerana kekuatan lahir umat Islam dari sudut mana sekalipun adalah bergantung kepada kekuatan aqidah mereka. Inilah yang mereka takuti. Kerana itu, mereka lebih suka menonjolkan pemikiran ahli-ahli fikir Islam yang membawa fahaman sendiri; fahaman yang direka oleh otak mereka dan bukan yang berlandaskan Al Quran dan Hadis.

Ahli-ahli fikir Islam ini hendaklah kita awasi pandangan mereka. Kita tidak perlu menyebut nama-nama mereka kerana mungkin ada di kalangan kita yang begitu yakin dengan pandangan-pandangan yang mereka bawa.

Oleh itu, hendaklah kita tolak pandangan muktazilah dan pandangan ahli-ahli fikir Islam yang mengatakan bahawa ALLAH dan alam ini lazim-melazimi. Kita tolak pandangan mereka yang mengatakan bahawa kerana adanya ALLAH, ,maka adanya alam ini, dan oleh kerana adanya alam ini maka wujudnya ALLAH SWT.

Fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah

Sebenarnya, walaupun adanya alam ini, adanya makhluk dan adanya segala yang baharu ini kerana ada sebab-sebabnya, tetapi sebabsebab kejadian itu bukanlah yang membawa kepada akibat. Atau dalam perkataan lain, walaupun ada sebabsebabnya tetapi sebabsebab itu tidak boleh memberi bekas. Bukan sebab itu yang memberi bekas tetapi yang memberi bekas atau yang mendatangkan akibat adalah ALLAH SWT. Inilah fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. ALLAH SWT ada berfirman:

وَءَاتَيْنَٰهُ مِن كُلِّ شَيْءٍ سَبَبًا

Terjemahannya: *Kami datangkan bagi setiap sesuatu dengan adanya sebab.*

(Al Kahfi: 84)

Sebab tidak Memberi Bekas

ALLAH sendiri menegaskan bahawa sememangnya ALLAH yang menjadikan semuanya dengan bersebab tetapi bukanlah sebab-sebab itu yang membawa akibat. Tetapi yang menjadikan sebab-sebab itu membawa akibat adalah kerana ALLAH SWT menghendaki demikian.

Kalau begitu, sememangnya berkahwin itu adalah sebab yang mengakibatkan lahir zuriat tetapi bukanlah berkahwin itu yang sebenarnya mengakibatkan zuriat. Hakikatnya ialah ALLAH SWT. Begitu jugalah dengan kenyang yang diakibatkan oleh makan. Sungguhpun makan itu yang menyebabkan kenyang tetapi hakikatnya ALLAH SWT yang menyebabkannya. Makan itu sendiri tidak boleh membawa akibat.

Jadi, setiap sebab itu tidak boleh membawa akibat dengan sendirinya tetapi yang boleh membawa akibat ialah ALLAH SWT Tetapi oleh kerana sudah memang ALLAH kehendaki yang setiap akibat mesti ada sebab sebabnya, maka kenalah kita lahirkan sebabsebab. Inilah yang dikatakan Sunnatullah atau peraturan ALLAH.

Sunnatullah

Kita sebagai makhluk yang dijadikan oleh ALLAH mesti sentiasa memerhatikan Sunnatullah atau peraturan ALLAH ini kerana Sunnatullah itulah yang menjadi panduan hidup kita. Ertinya, kalau sudah ALLAH Sunnahkan yang satu-satu kejadian itu akan terjadi sedemikian rupa, maka itulah yang mesti kita ikuti. Dan Allah tidak sekali-kali akan menukar peraturannya itu. Bererti, kalau kita mengikut jalan-jalan selain daripada yang disunnahkan, maka akibatnya bukanlah sepertimana yang ALLAH kehendaki berlaku.

Firman ALLAH :

وَلَن تَجِدَ لِسُنَّةِ ٱللَّهِ تَبۡدِيلًا

Terjemahannya: *Kamu tidak akan mendapati yang Sunnatullah itu bertukar ganti.*

(Al Ahzab: 62)

Dan di dalam ayat lain ALLAH berfirman:

وَلَن تَجِدَ لِسُنَّتِ ٱللَّهِ تَحۡوِيلًا

Terjemahannya: *Sekali-kali kamu tidak akan mendapati yang Sunnatullah itu berubah-ubah.*

(Al Fatir: 43)

Ertinya, kalau memang sudah ALLAH tetapkan satu-satu peraturan itu akan berlaku sedemikian rupa, seperti tiap-tiap sebab itu membawa akibat, maka peraturan itu tetap tidak akan berubah. Misalnya, perkahwinanlah yang mengakibatkan adanya zuriat, atau makanlah yang mengakibatkan kenyang, atau belajar bersungguh-sungguhlah yang mengakibatkan pandai. Maka peraturan itu tetap akan terjadi demikian kerana memang ALLAH yang menghendaki terjadinya demikian. Tidak ada siapa yang boleh mengubah peraturan itu.

Lahirkan Sebab

Sebab itu umat Islam perlulah memerhatikan Sunnah atau peraturan ini untuk memandu hidupnya kerana setiap apa yang diusahakan dan diikhtiarkan oleh umat Islam ada kaitannya dengan Sunnatullah. Umpamanya, kalau umat Islam mahukan kejayaan, umat Islam perlulah melahirkan sebabsebabnya. Atau dalam ertikata yang

lain, umat Islam mesti menempuh sebab-sebab untuk menjamin kejayaan mereka. Kalau tidak, umat Islam tetap tidak akan berjaya, sebaliknya akan terus mundur, tertindas dan terhina.

Bukanlah ALLAH tidak boleh memberikan kejayaan kepada umat Islam tanpa sebab-sebab, tetapi memang sudah ALLAH buat peraturan demikian, maka umat Islam mestilah mengikut peraturan itu. Misalnya, kalau hendak menjadi satu bangsa yang pandai, umat Islam mestilah belajar bersungguh-sungguh serta melakukan usaha ikhtiar yang lebih giat. Demikian peraturan yang telah ALLAH tetapkan dan mesti kita ikuti. Cuma yang malangnya, umat Islam hari ini tidak mahu mengikut peraturan ALLAH tetapi hendak mengikut peraturan-peraturan yang direka oleh otak manusia.

Sebab itulah umat Islam hari ini tidak dapat mencapai sebarang kejayaan walau dalam bidang apa sekalipun kerana banyak peraturan ALLAH yang dilanggar, dan mereka lebih mengutamakan peraturan ciptaan manusia. Peraturan-peraturan yang telah ALLAH Sunnahkan itu dinamakan syariat Allah. Setiap usaha ikhtiar kita mesti berlandas kepada syariat ALLAH atau peraturan ALLAH, dan bukannya berlandas kepada peraturan ciptaan manusia.

Umpamanya, ALLAH telah menetapkan berbagai-bagai peraturan atau syariat untuk menyuluh makan minum kita, rumahtangga kita, pergaulan kita, masyarakat kita, pendidikan kita, dan lain-lainnya. Maka hendaklah kita ikuti sungguh-sungguh peraturan itu.

Usaha dan Ikhtiar

Di samping kita berusaha dan berikhtiar, sebagai melahirkan sebab-sebab untuk mecapai kejayaan dan kemajuan,

peraturan-peraturan yang telah Allah tetapkan dalam aspek-aspek yang lain mesti juga kita jadikan landasan dan panduan. Misalnya, apabila kita belajar sungguh-sungguh untuk menjadi umat yang pandai, jangan kita tinggalkan sembahyang, puasa, dan sebagainya.

Jangan kita terlibat dengan pergaulan bebas serta pendedahan aurat. Dan jangan kita langgar peraturan-peraturan lain yang telah disyariatkan oleh ALLAH. Dengan demikian sajalah, baru usaha ikhtiar kita itu akan membawa kejayaan.

Tetapi umat Islam hari ini tidak berbuat demikian. Mungkin dalam usaha ikhtiar untuk melahirkan satu bangsa yang pandai, mereka akan belajar sungguh-sungguh. Tetapi dalam aspek-aspek yang lain, mereka tidak mengikut peraturan ALLAH, seperti tidak sembahyang, tidak berpuasa, bergaul bebas antara lelaki dan perempuan, mendedah aurat, dan sebagainya. Yang tepat mengikut Sunnatullah ialah dengan belajar sungguh-sungguh; itu saja. Kemudian kita dapati umat Islam ini akan menyerah diri dan bertawakkal kepada ALLAH, mengharapkan agar ALLAH memberikan kejayaan.

Manakala kalau dia tidak berjaya, dia akan berkata, "Apa boleh buat, sudah kehendak ALLAH begini!" Kata-kata demikian seolah-olah memberi maksud, "ALLAH punya pasal yang menyebabkan aku tidak berjaya!" Ertinya, dia sudah menyalahkan ALLAH SWT disebabkan dia tidak berjaya.

Orang yang bertawakkal begini dinamakan 'tawakkal tidak berbekal'. Di sinilah salahnya umat Islam hari ini yang belajar Islam sedikit-sedikit hingga menyebabkan mereka faham Islam itu sedikit-sedikit juga.

Tawakkal Selepas Berusaha

Sebenarnya ALLAH suruh ktia bertawakkal setelah semua sebab yang ALLAH jadikan itu kita tempuh. Kesemua peraturan atau Sunnatullah yang telah ALLAH syariatkan di dalam kehidupan kita mesti dilaksanakan. Ini, baru dua atau tiga sebab saja yang kita lahirkan, tiba-tiba kita pun bertawakkal kepada ALLAH. Dan apabila kita tidak berjaya, kita terus menyalahkan Tuhan, walaupun secara tidak langsung.

Tawakkal seperti ini samalah seperti memelihara lembu tanpa diikat atau ditambat, dan tidak pula memagar kawasan pemeliharaannya, lalu berserah bulat-bulat kepada ALLAH dengan harapan lembu itu tidak akan masuk ke dalam kebun orang lain. Masakan boleh jadi demikian. Sudah tentunya lembu itu akan bebas merayau ke sana sini hingga masuk ke kebun orang lain. Kemudian, apabila tuan punya kebun itu mengamuk, kita pun mengeluh. Ini ertinya kita menyalahkan ALLAH SWT (secara tidak langsung).

Sepatutnya, sebelum kita bertawakkal atau menyerah diri kepada ALLAH SWT, lahirkanlah semua sebabnya seperti lembu itu kita ikat kuat-kuat, kemudian kita kandang ia, dan kita beri dia makan kenyang-kenyang. Kemudian, barulah kita bertawakkal dengan keyakinan bahawa semua sebab telah dilaksanakan untuk mengelakkan lembu itu memasuki kebun orang lain. Namun bukan sebab-sebab itu yang akan memberi bekas tetapi ALLAH SWT jua. Demikianlah tawakkal yang sebenarnya.

Cuma oleh kerana telah ditikam tadi bahawa umat Islam hari ini hanya mempelajari Islam itu sedikit-sedikit, mereka pun mengamalkan Islam sedikit-sedikit (dalam aspek-aspek tertentu saja).

Misalnya dalam soal tawakkal kepada ALLAH, ada

tempat-tempatnya seseorang itu akan bertawakkal, dan ada tempat-tempatnya dia tidak bertawakkal. Katalah dalam soal menjamah hidangan yang penuh dengan lauk-pauk. Tidak, pula dia bertawakkal. Kadang-kadang belum dipelawa dia sudah mula.

Kalaulah umat Islam dapat bertawakkal dalam semua aspek, ini yang paling baik kerana bertawakkal kepada ALLAH akan menggerakkan fikiran. Katalah dalam soal memelihara lembu tadi, setelah dia bertawakkal, lembu itu lepas juga ke kebun orang lain. Dari situ, tentu akan tergerak akal fikirannnya supaya melahirkan beberapa sebab lagi.

Rupa-rupanya, kita perlu berikhtiar sungguh-sungguh melahirkan sebabsebab sebelum bertawakkal. Dan kalau setiap orang Islam dapat mencorakkan akalnya demikian, akan berjayalah kita. Kalaulah dalam hendak menjamah hidangan, kita perlu lahirkan sebabsebab, ertinya dalam semua perkara kita mesti berikhtiar. Kalau umat Islam sedar hakikat ini, sudah tentulah satu pengalaman baru akan lahir di dalam pemikiran kita.

Sebab Bawa Akibat

Inilah yang dapat kita fahami daripada Sunnatullah yang telah menetapkan bahawa tiap-tiap sebab itu akan membawa akibat. Dan kerana itu, sebagai umat Islam yang sememangnya diberikan petunjuk dan peraturan oleh ALLAH, hendaklah kita meluaskan ilmu pengetahuan kita agar kita dapat melahirkan semua sebab yang ada dalam setiap aspek kehidupan kita.

Umpamanya, kalau kita mahu masyarakat kita kuat, hendaklah kita lahirkan semua sebabnya. Janganlah kerana kita telah lahirkan satu atau dua sebab saja, kita sudah mengharap agar ALLAH menjadikan masyarakat kita kuat.

Begitu juga, kalau kita mahu masyarakat kita berjaya dalam bidang pendidikan dan ilmu pengetahuan, hendaklah kita lahirkan sebabsebabnya dalam semua aspek. Dan kalau kita mahu umat kita maju jaya dalam bidang ekonomi pula, hendaklah kita cari semua sebab nya dan kemudian kita lahirkan.

Apabila kita telah usahakan semua sebab itu, barulah kita bertawakkal kepada ALLAH. Nescaya umat Islam akan berjaya dan tidak akan diperbodoh-bodohkan serta diperkotak-katikkan oleh orang lain.

Setiap Kejadian Ada Sebab

Kini fahamlah kita bahawa setiap kejadian itu ada sebab sebabnya. Ia merupakan Sunnatullah. Dan kita juga telah faham bahawa setiap sebab itu akan membawa akibat, tetapi hakikat yang sebenarnya bukanlah sebab itu yang membawa akibat, sebaliknya yang memberi akibat kepada sebab-sebab itu adalah ALLAH SWT Sebab-sebab itu tidak boleh membawa akibat dengan sendirinya.

Apabila ALLAH SWT menghendaki yang tiap-tiap sebab itu membawa akibat, inilah tanda-tanda rahmat dan kasih sayang ALLAH kepada makhluk-Nya. Ertinya, apa saja yang diusahakan oleh makhluk untuk melahirkan sebabsebab, maka akan terjadi akibat daripada sebab itu.

ALLAH kerkuasa Wujudkan Tanpa Sebab

Namun, atas rahmat dan kasih sayang ALLAH yang menjadikan tiap-tiap sebab itu mendatangkan akibatnya, kelak akan ada orang yang berkata bahawa ALLAH SWT sebenarnya tidak boleh menjadikan sesuatu tanpa sebab. Kalau ada orang yang mengatakan demikian, akan ter-

pesonglah aqidah umat Islam. Sebab itu, untuk menyelamatkan aqidah umat, sekali-sekala Allah jadikan juga sesuatu perkara itu tanpa sebab.

Misalnya, dalam soal kita hendakkan zuriat, kita mestilah menempuh sebabsebabnya iaitu melalui perkahwinan. Dengan sebab perkahwinan, akan lahirlah anak. Tetapi telah berlaku dalam sejarah, Nabi Adam a.s. dijadikan tanpa ayah dan ibu, Siti Hawa, isteri kepada Nabi Adam a.s., dijadikan tanpa ibu, dan Nabi Isa, a.s. dijadikan oleh ALLAH SWT tanpa ayah.

Kejadian-kejadian ini menunjukkan kepada kita, walaupun memang Sunnatullah bahawa untuk mendapatkan anak mesti melalui perkahwinan, tetapi ALLAH boleh menjadikan ia berlaku tanpa sebab. Ini juga satu hikmah dan nikmat ALLAH kepada hamba-Nya yang amat besar dan tidak terhingga, dan ALLAH tidak mahu hamba-hamba-Nya tersesat.

Kuasa ALLAH itu mutlak, dan kerana itulah ALLAH berkuasa melakukan apa saja termasuklah melakukan sesuatu kejadian itu tanpa sebabsebab. Dengan ini tidak ada siapa yang nanti boleh mengatakan bahawa ALLAH tidak berkuasa melakukan sesuatu itu tanpa sebab. Seandainya ada orang yang mengatakan demikian, dia jatuh syirik.

Kuasa ALLAH-lah Yang Memberi Bekas

Dengan ALLAH menjadikan sesuatu itu sekali-sekala tanpa melalui sebab-sebab, ini juga menunjukkan bahawa sebabsebab itu sendiri tidak boleh memberi bekas.

Yang memberi bekas ialah kuasa ALLAH SWT. Dengan itu yang memberi bekas kepada kenyang bukan makan, yang memberi bekas kepada zuriat bukan perkahwinan, yang memberi bekas kepada terbakar bukan

api, yang memberi bekas kepada pandai bukan rajin belajar, dan begitulah seterusnya. Cuma, memang ALLAH hendak jadikan itu sebagai peraturan, maka dalam kehidupan kita ini, tiap-tiap sebab akan membawa akibat.

Namun, hendaklah kita yakin benar-benar bahawa hakikatnya bukan sebab itu yang membawa akibat. Ini dapat kita perhatikan sekali lagi dalam satu kejadian yang lain. Kita tentu faham bahawa setiap api itu pasti membakar, tetapi ALLAH telah menjadikan api tidak membakar dalam perisitiwa Raja Namrud hendak membakar Nabi Ibrahim a.s. hidup-hidup. Walaupun Raja Namrud mengerahkan seluruh rakyatnya mengumpulkan kayu api hingga bertimbun, namun apinya yang begitu besar tidak membakar Nabi Ibrahim as. setelah baginda dilontarkan ke dalamnya.

Bukan Sebab Bawa Akibat

Demikianlah ALLAH memperlihatkan kuasa-Nya dalam membatalkan peraturan sesuatu kejadian itu. Walaupun tiap-tiap kejadian itu sebabsebabnya membawa akibat tetapi ALLAH boleh merubah peraturan itu. Ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa tiap-tiap sebab itu tidak membawa akibat. Yang membawakan akibat atau yang memberi bekas kepada sebab-sebab adalah ALLAH SWT sendiri.

Khilafiah Ulama

Kemudian, dalam memperkatakan tentang sifat wujud bagi ALLAH SWT ini, terdapat khilafiah ulama. Khilafiah ini bukan mempersoalkan tentang wujudnya ALLAH SWT itu kerana semua ulama bersependapat mengatakan

zat ALLAH SWT itu tetap dan sebenarnya ada. Tetapi yang dikhilafiahkan ialah dalam membahaskan kalimah wujud itu sahaja.

Bagi kita, mempelajari hal khilafiah ini tidaklah wajib, cuma sekadar untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan kita. Tetapi umat Islam pada zaman dahulu begitu mengutamakan soal ilmu pengetahuan hinggakan perkara-perkara yang menjadi furuk atau ranting-ranting pun mereka akan kaji sungguh-sungguh.

Sebab itulah, dari sudut ilmu pengetahun, mereka amat hebat sekali. Tidak seperti kita pada zaman ini, perkara pokok dan yang wajib di dalam agama pun tidak kita pelajari, apatah lagi perkara-perkara yang sunat dan yang harus. Hingga, setengah-setengah orang pada zaman ini menganggap perkara-perkara yang sunat dan harus itu perkara remeh-temeh. Malah, lebih daripada itu, perkara yang wajib seperti menutup aurat dan lain-lainnya pun mereka anggap sebagai remeh-temeh juga.

Inilah yang malangnya bagi umat Islam zaman ini. Ilmu pengetahuan Islam tidak mahu diberi penilaian tetapi ilmu-ilmu orang lain dituntut habis-habisan. Kita tidak sedar betapa hasil daripada ilmu orang lain itu, kita juga turut menjadi orang itu. Sikap, peribadi serta akhlak kita juga turut terkorban menjadi sikap, peribadi dan akhlak orang itu. Fikiran kita juga turut terjajah oleh fikiran-fikiran orang itu.

Sebab itulah kita tidak hairan, pada hari ini, orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang Islam sekalipun, sama peribadi mereka, akhlak mereka dan fikiran mereka dengan orang bukan Islam. Tidak langsung melambangkan peribadi, akhlak dan fikiran Islam yang berlandas kepada iman dan taqwa.

Ini memandangkan bahawa ilmu pengetahuan Islam

yang diperolehi itu adalah melalui institusi pendidikan orang bukan Islam hingga kadang-kadang yang menyampaikan ilmu pengetahuan Islam itu sendiri pun daripada kalangan orang bukan Islam. Dan kalaupun ia disampaikan oleh orang-orang Islam sendiri, kadang-kadang tuan-tuan guru itu sendiri banyak melanggar perintah Allah.

Akibatnya, ilmu yang disampaikan tidak ada roh Islam. Oleh itu, walaupun yang keluar dari institusi-institusi itu sudah ada ijazah B.A., M.A. dan juga Ph.D, tetapi lambang iman dan taqwanya tidak ada. Malangnya, mereka inilah yang diminta mengeluarkan fatwa dan hukum-hukum agama.

Ulama Tauhid

Di antara ulama-ulama yang memperbahaskan tentang kalimah wujud ialah Imam Fakhrurrazi dan Imam Abu Mansur Al Maturidi, dua ulama besar dalam bidang tauhid zaman dahulu. Menurut mereka, kalimah wujud itu bukan ain maujud dan bukan lain daripada ain maujud. Berdasarkan qaul ini, wujud itu haliah iaitu yang menepati di antara ada dengan tiada.

Manakala Imam Abu Hassan Ashaari, juga seorang ulama besar yang sezaman, berpendapat wujud itu adalah ain maujud yakni, wujud itulah zat maujud kerana tidak disebut wujud kalau tidak pada zat. Ertinya, tidak akan disebut sesuatu itu ada, sekiranya ia tidak ada.

Oleh kerana sememangnya zat ALLAH SWT itu ada, maka tidak timbullah kalimah wujud itu kalau ALLAH SWT tidak ada.

Sikap Orang Kafir

Seterusnya, dalam membahaskan sifat Wujud bagi

ALLAH SWT ini bukan kalangan umat Islam sahaja yang mempercayainya. Malah orang-orang kafir pun percaya akan adanya Tuhan. Semua agama lain di dunia ini termasuk agama yang karut-marut sekalipun, percaya akan adanya Tuhan. Fir-man ALLAH:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُ

Terjemahannya: *Jika kumu tanya kepada orang-orang kafir itu, "Siapakah yang menjadikan langit dan bumi ini?" Nescaya* mereka *akan berkata, "ALLAH."*

(Luqman: 25)

Jadi, orang-orang kafir juga mengakui adanya Tuhan, Cuma pengakuan mereka dengan pengakuan kita jauh bezanya.

Keyakinan Pada Syirik

Bagi kita umat Islam, Tuhan itu tidak menyerupai segala sesuatu. Tetapi bagi mereka, Tuhan boleh digambar-gambarkan. Mereka pun menggambarkan Tuhan dengan pelbagai rupa; ada yang macam gajah, macam ular, macam makhluk berkaki empat, bertangan lapan, berperut buncit, dan sebagainya. Ada yang menggambarkan Tuhan itu pokok, bukit, gunung, matahari, bulan, bintang, dan lain-lainnya. Keyakinan seperti ini adalah keyakinan yang sesat dan syirik.

Oleh itu, walaupun mereka percaya tentang adanya Tuhan, tetapi pengakuan mereka itu tidak sah, dan apabila mati, mereka tetap dianggap mati dalam kekufuran. Di Akhirat, mereka akan kekal abadi di Neraka.

Kita tidak sekali-kali boleh mengkhayalkan ALLAH SWT sebagai menyerupai sesuatu. Di dalam Al Quran ALLAH menegaskan:

لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ

Terjemahannya: *ALLAH itu tidak serupa bagi-Nya segala sesuatu.*

(As Syura: 11)

Kerana itu, apa yang terlintas di dalam hati kita, itu bukannya ALLAH. Inilah yang hendak kita jaga benar-benar.

Fitrah Rasa Bertuhan

Rasa bertuhan adalah fitrah, tetapi pengenalan mengenainya bukanlah melalui khayalan atau gambaran sepertimana yang dibuat oleh orang-orang kafir.

Dan tidaklah benar kalau ada orang mengatakan yang dia tidak percaya kepada Tuhan kerana mungkin dia membenci agama. Dia benci kepada agama Islam kerana ada orang Islam yang jahat dan khianat; dia benci kepada agama kristian kerana kristian juga menipu dan mengkhianat. Dia juga membenci agama-agama lain, tetapi yang sebenarnya, hatinya tetap mengakui adanya Tuhan.

Buktinya, sekiranya dia ditimpa sesuatu penyakit yang sukar diubati hingga sudah habis usaha ikhtiarnya, dia akan mengeluh, “Kalaulah ada suatu kuasa yang menolong aku . ..” Keluhan itu menunjukkan dia percaya adanya suatu ‘kuasa’ yang ghaib. Itulah rasa ketuhanan.

BAB 4:

Sifat Yang Kedua bagi ALLAH:

AL QIDAM

L QIDAM ertinya sedia. Maka hakikatnya ibarat daripada menafikan ada permulaan wujud Tuhan kerana Tuhan yang menjadikan tiap-tiap suatu yang ada, yang demikian itu tak dapat &dak keadaannya lebih dahulu daripada tiaptiap sesuatu itu, kiranya Tuhan tidak lebih dahulu daripada tiap-tiap suatu, nescaya boleh ada sesuatu lebih dahulu daripada yang mengadakan. Yang demikian itu batal.

Apabila disebut Tuhan bersifat dengan Qidam, jadilah ia Qadim. Misalnya seperti Zaid, apabila dikatakan ia bersifat dengan anjur, nescaya disebutlah dia itu penganjur.

Di dalam ilmu tauhid ini ada satu perkataan yang sama maknanya dengan Qadim iaitu azali. Setengah-setengah ulama mengatakan: kedua-dua perkataan itu sama maknanya, iaitu sesuatu yang tiada permulaan baginya. Dan setengah-setengah ulama yang lain pula mengatakan: antara kedua perkataan (Qadim dan azali) pada perkara yang ada (maujud) seperti zat ALLAH dan qudrat-Nya azali dan pada perkara yang tiada *(ghairi* maujud) seperti yang menyerupai ALLAH itu azali. Maka Qadim itu khas dan azali itu am. Tiaptiap Qadim azali tiada boleh akas yakni tiap-tiap azali tiada boleh disebut Qadim.

Adalah Qadim dengan nisbah kepada nama terbahagi kepada empat bahagian:

1. Qadim sifati - (tidak ada permulaan sifat ALLAH taala)

2. Qadim zati - (tidak ada permulaan zat ALLAH taala)

3. Qadim idhafi - (terdahulu sesuatu atas sesuatu seperti terdahulu bapa atas nisbah kepada anak)

4. Qadim zamani - (lalu masa atas sesuatu Sekurang-kurang setahun)

Maka Qadim hakiki (Qadim sifati dan Qadim zati) tiada harus dikatakan lain daripada ALLAH taala.

Pengertian Al Qidam

AL QIDAM adalah perkataan Arab yang bermaksud "sedia". Tetapi. "sedia" yang kita maksudkan kepada ALLAH SWT tidaklah sama dengan istilah "sedia" yang kita pakai pada benda-benda.

Dalam kehidupan sehari-hari, kita bertemu dengan benda-benda yang sedia ada, tetapi sedia adanya itu kerana ada yang menyediakannya. Bagi nasi yang sedia terhidang misalnya, ia bersifat sedia yang disediakan; ada orang yang menyediakannya.

Sifat sedia pada zat ALLAH SWT tidak demikian gambarannya; ia tidak boleh kita samakan dengan sifat sedia yang berlaku pada makhluk. Kalau kita samakan kedua-duanya, kita telah melakukan satu kesalahan yang paling besar. Kita telah menyamakan zat ALLAH SWT dengan benda-benda. Ini syirik hukumnya.

Dosa syirik adalah dosa yang tidak diampunkan oleh ALLAH SWT, sepertimana firman-Nya di dalam Al Quran:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرَكَ بِهِۦ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ
ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُ ۚ وَمَن يُشْرِكْ بِٱللَّهِ فَقَدِ ٱفْتَرَىٰٓ إِثْمًا عَظِيمًا

Terjemahannya: *Sesungguhnya ALLAH tidak akan mengampunkan dosa syirik, dan Dia mengampuni selain dosa syirik itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya.* Barang *siapa yang mempersekutukan ALLAH (menyamakan ALLAH dengan sesuatu), maka sesungguhnya ia telah membuat satu dosa yang* besar.

(An Nisa': 48)

Jadi, jangan sekali-kali kita menyamakan sifat sedia pada ALLAH SWT itu dengan sifat sedia yang berlaku pada makhluk atau pada segala yang baharu iaitu manusia, benda-benda, jin, haiwan, tumbuh-tumbuhan, dan sebagainya.

Sifat sedia yang berlaku pada yang baharu adalah sedia yang disediakan. Ada yang menyediakannya. Dalam ertikata yang lain, sifat sedia pada makhluk ada permulaannya, dan ada pula kesudahannya. Misalnya, nasi disediakan oleh isteri, dan ia mungkin disediakan pada pukul 12 tengah hari, atau pada pagi hari, atau boleh jadi waktu malam. Ertinya, dalam contoh sedia ini, ia ada bermula. Pada mula-mulanya nasi itu tidak ada, dan kemudian baharu ada.

Tetapi dalam memperkatakan sifat sedia atau sifat Al Qidam pada zat ALLAH SWT, kita hendaklah menolak atau menafikan adanya permulaan.

Takrif Al Qidam

Jadi, takrif Al Qidam atau sifat sedia bag-i ALLAH SWT ialah dengan menafikan adanya permulaan. Ertinya, kalau ada orang mengatakan bahawa ALLAH SWT itu pada mulanya tiada dan kemudiannya baharu ada, kita tidak akan menerimanya. Kerana ALLAH SWT itu, tidak ada siapa yang menjadikan.

Sebaliknya, setiap yang baharu atau makhluk mempunyai permulaan iaitu mula-mulanya tiada, kemudian baharu ada. Ini kerana makhluk atau segala yang baharu ini ada yang menjadikannya. Tetapi ALLAH SWT tidak ada siapa yang menjadikan-Nya, dan kerana itu ALLAH tidak ada permulaan. Wujudnya ALLAH SWT itu adalah sedia ada tetapi tidak ada permulaan.

Mengapakah diiatakan bahawa ALLAH itu wujud tetapi tanpa permulaan?

Sebabnya ialah, alam dan semua makhluk atau segala yang baharu ini, semuanya ALLAH yang menjadikan. Kerana itu, tentulah ALLAH ,sudah ada lebih dahulu daripada semua makhluk ini. Bermakna ALLAH SWT sudah sedia ada sebelum adanya makhluk dan segala yang baharu ini.

Jadi, kalau dikatakan bahawa ALLAH itu ada permulaan, tentu ALLAH itu bukan Tuhan lagi kerana ini bermakna ALLAH SWT ada yang menjadikan. Sedangkan ALLAH tidak ada yang menjadikan. Sebaliknya semua makhluk dan segala yang baharu ini dijadikan oleh ALLAH SWT. Bagaimana pula ALLAH SWT itu ada yang menjadikan? Dengan sendirinya akan terbatal pengertian bahawa ALLAH SWT itu ada permulaan.

Jadi, nyatalah bahawa ALLAH itu tidak didahului oleh tiada. Amat mustahil bagi ALLAH SWT itu pada mula-mulanya tidak ada dan kemudiannya baharu ada. Sebabnya, ALLAH SWT itu tidak dijadikan oleh sesiapa. Kerana itu sifat sedia bagi ALLAH SWT itu ialah sedia yang tidak ada permulaan. Tidak sepertimana sifat sedia yang berlaku pada benda-benda.

Dan dengan itu, wajiblah kita meyakini dengan sungguh-sungguh tanpa dicelah oleh sebarang syak, zan

atau waham bahawa wujudnya ALLAH SWT itu tidak didahului oleh tiada. Orang yang menaruh syak, zan atau waham di dalam keyakinannya, telah jatuh syirik. Dan sekiranya dia mati dalam keadaan demikian, kekallah dia di dalam Neraka selama-lamanya.

Gelincir Aqidah

Amat perlu sekali kita ingat di sini bahawa seseorang yang telah syirik atau kufur belum lagi kembali kepada Islam walaupun dia telah mengucapkan dua kalimah syahadat. Orang yang murtad atau jatuh syirik, sudah tergelincir aqidahnya walaupun dia boleh mengucap dua kalimah syahadat. Oleh itu kita tidak boleh dengan mudah mengatakan, "Kalau sudah jatuh syirik atau murtad, mengucap sajalah, tentu akan beriman kembali."

Di sinilah terkelirunya sesetengah orang.

Aqidah seseorang itu tergelincir disebabkan dia menaruh syak atau ragu terhadap sifat-sifat ALLAH SWT, sama ada terhadap sifat Wujud-Nya, sifat Qidam-Nya, atau sifat-sifat yang lain.

Aqidah ialah tauhid kita kepada ALLAH SWT. Seseorang yang sudah mengucapkan dua kalimah syahadat belum tentu mempunyai rasa bertauhid kepada ALLAH SWT.

Sebab itu, seseorang yang telah syirik mesti membetulkan aqidahnya; dia mesti bertauhid dahulu kepada ALLAH SWT dengan meyakini segala sifat yang wajib, yang mustahil dan yang harus bagi ALLAH SWT. Dan kemudian baharulah dia mengucap dua kalimah syahadat. Dengan itu, baharulah dia kembali beriman kerana ucapan dua kalimah syahadat itu selari dengan aqidahnya.

Ucap Dua Kalimah Syahadat

Mengucapkan dua kalimah syahadat bukan sahaja mengakui hanya ALLAH sebagai Tuhan yang disembah tetapi mengakui juga bahawa Tuhan itu Maha Esa, bersifat Qidam Baqa', tidak ada yang serupa dengan-Nya, Maha Berkuasa, dan lain-lainnya.

Mengucapkan dua kalimah syahadat juga bererti kita mengakui bahawa ALLAH sahaja yang dibesarkan, ALLAH saja tempat kita bertawakal, ALLAH saja tempat kita meletakkan kasih sayang, ALLAH saja yang layak kita takuti, hukum-hakam ALLAH saja yang menjadi hukum-hakam hidup kita, dan seterusnya.

Kalau untuk beriman kepada ALLAH itu cukup dengan sekadar mengucapkan dua kalimah syahadat, tentulah orang-orang kafir pun boleh berbuat demikian. Apakah boleh kita katakan yang mereka itu telah beriman dan bertauhid kepada ALLAH SWT? Jawabnya, tidak! Sebabnya, keyakinan mereka terhadap ALLAH tidak ada. Kalau mereka mati, mereka tetap di dalam kekafiran.

Oleh itu janganlah kita terkeliru dalam perkara ini.

Takrif Iman

Kita katakan tadi bahawa iman itu selari dengan aqidah kerana takrif iman itu sendiri ialah:

اَلاِيْمَانُ مَا وَقَرَ فِي الْقَلْبِ وَصَدَّقَ بِاللِّسَانِ وَعَمِلَ بِالاَرْكَانِ

Terjemahannya: *Iman ialah apa yang tersemat di hati, dibenarkan (diucapkan) pula oleh lidah, dan dilahirkan dalam tindakan.*

Ertinya, iman itu bukan sekadar mengucapkan dua kalimah syahadat dengan lidah sahaja tetapi mestilah dibenarkan oleh hati yang merupakan wadah keyakinan. Hatilah tapak bagi menanam iman. Selain itu, apa yang diucapkan oleh lidah dan diyakini oleh hati itu mesti melahirkan tindakan dan usaha ikhtiar yang selaras dengannya.

Iman Orang Soleh

Jadi, pengesahan iman kepada ALLAH SWT bergantung kepada tiga perkara: ucapan lidah, dibenarkan oleh hati dan lahir tindakannya.

Ertinya, kalau iman seseorang itu menunjukkan gabungan ketiga-tiga perkara tersebut, dia di dalam golongan orang yang imannya selamat. Dia akan terselamat daripada kemungkaran dan kederhakaan yang membawa juga kepada keselamatan di Akhirat daripada api Neraka ALLAH. Orang yang dapat menggabungkan ketiga-tiga perkara ini ialah orang yang sebenar-benarnya beriman sepertimana yang digambarkan oleh ALLAH SWT di dalam fir-man-Nya:

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا
إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَن يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا

Terjemahannya: ***Sesungguhnya jawapan orang-orang mukmin,*** bila ***mereka dipanggil kepada Allah dan Rasul-Nya agar Rasul menghukum di antara mereka adalah ucapan, "Kami dengar dan kami taut".***
(An Nur: 51)

Demikianlah gambaran orang yang beriman yang perbuatan dan usaha ikhtiarnya selari dengan apa yang

diucap oleh lidah dan yang dibenarkan oleh hatinya. Inilah yang dinamakan iman orang soleh.

Iman Mukmin Asi

Sekiranya ucapan kalimah syahadat dengan lidah itu hanya dibenarkan oleh hati tetapi tidak melahirkan tindakan, dalam ertikata dia tidak melaksanakan kehendak-kehendak ucapan itu, orang itu dinamakan **mukmin** asi atau mukmin yang derhaka kepada ALLAH SWT.

Mukmin asi masih melanggar perintah-perintah ALLAH; masih ingkar dan mungkar kepada hukum-hakam ALLAH. Misalnya, lidahnya tetap mengucapkan tidak ada Tuhan yang disembah melainkan ALLAH serta Nabi Muhammad itu sebenarnya Pesuruh ALLAH, dan hatinya juga percaya tentang apa yang diucapkan oleh lidah itu, tetapi dia cuai melaksanakan hukum-hakam Tuhan sama ada yang berbentuk wajib mahupun sunat, dan dia masih melanggar larangan ALLAH sama ada yang berbentuk haram ataupun makruh.

Umpamanya, dia terlibat dengan pergaulan bebas, mendedah aurat, makan riba (sama ada memberi orang riba atau dia sendiri menerima riba), dan sebagainya.

Orang yang digelar **mukmin asi** ini yakin kepada ALLAH SWT tetapi tidak mampu melawan hawa nafsunya. Dia tunduk kepada kehendak nafsunya yang jahat itu. Dia lalai terhadap peringatan ALLAH tentang jahatnya nafsu dan syaitan seperti firman-Nya:

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

Terjemahannya: *Sesungguhnya nafsu itu amat mengajak berbuat jahat.*

(Yusof: 53)

Dan fir-man ALLAH lagi:

إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Terjemahannya: *Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh kamu yang amat nyata.*

(Al Baqarah: 208)

Iman Orang Munafiq

Kemudian, ada juga segolongan orang yang betul pada ucapan lidahnya serta dapat pula melahirkan kehendak-kehendak ucapan lidahnya itu, tetapi hatinya tidak yakin. Di dalam hatinya tersembunyi kekufuran. Aqidahnya tidak betul walaupun dia melahirkan suasana Islam dan berkata-kata mengikut suasana Islam. Orang itu dinamakan orang **munafiq.** Di dalam kitab, orang **munafiq** dikatakan:

يُظْهِرُ الاِسْلاَمَ وَيَكْتِمُ الْكُفْرَ

Terjemahannya: *Melahirkan suasana* Islam *tetapi menyembunyikan kekufuran.*

Orang **munafiq** boleh diibaratkan sebagai orang yang perbuatannya tidak selaras dengan apa yang tersembunyi di dalam hatinya. Dia boleh bersembahyang, berpuasa, berjuang dan berjihad, dan sebagainya tetapi aqidahnya kepada ALLAH tidak tepat. Orang ini tetap kufur, dan kalau mati akan kekal abadi selama-lamanya di dalam Neraka. (Wal'iyazubillah)

Sifat Orang Kafir

Selain itu, kalau seseorang itu tidak mengucapkan dengan lidah, hatinya pula tidak yakin, dan tindak-tanduk

serta usaha ikhtiarnya juga tidak tepat, dia hakikatnya kafir.

Perbahasan Qidam dan Qadim

Berbalik kepada perbahasan mengenai sifat Al Qidam, kitab ***Risalah Tauhid*** menyebut bahawa oleh kerana ALLAH SWT itu bersifat Qidam, maka jadilah Dia Qadim.

Sebenarnya, penghuraian kepada maksud istilah ini tidak begitu mustahak untuk pengajian kita, tetapi kita akan perjelaskan juga serba sedikit sekadar untuk menambah lagi ilmu pengetahuan kita. Namun, kalau huraian dan perbahasannya tidak dapat difahami, itu tidak menjadi satu kesalahan. Cuma, kalau boleh faham, itu lebih baik kerana ia boleh mengemaskan lagi ilmu pengetahuan kita.

Huraian mengenai Qidam dan Qadim ini adalah dari segi nahunya sahaja.

Kalau umpamanya seseorang itu bersifat anjur, dia dipanggil penganjur. Atau kalau seseorang itu bersifat kuasa, dia dipanggil orang yang berkuasa. Kerana itu, ALLAH yang bersifat Qidam itu dikatakan Qadim.

Jadi, kalau Qidam itu ertinya “sedia”, maka Qadam pula bermaksud “sedia ada” atau “bersedia”.

Pengertian “sedia” pada ALLAH SWT itu mestilah diertikan sebagai menafikan adanya permulaan. Begitulah juga dengan %edia ada” atau “bersedia” bagi ALLAH SWT.

Kita percaya, perbahasan yang kita bawa ini tidak cukup untuk memberikan kefahaman yang lebih tetapi kerana telah kita katakan tadi bahawa sekiranya dengan huraian ini para pembaca masih belum dapat meng-

ikutinya, itu tidaklah mengapa. Pokoknya, kita tetap yakin bahawa ALLAH SWT itu bersifat Qidam yang tidak ada permulaan kerana ALLAH SWT itu tidak ada siapa yang menjadikan.

Qadii dan Azali

Di dalam matan ***Risalah Tauhid*** yang menjadi kitab rujukan kita, ada dinyatakan tentang qadim dan azali. Dari segi maksud, kehendak kedua-dua perkataan qadim dan azali itu sama saja. Cuma dalam kehidupan sehari-hari, orang jarang menggunakan istilah qadim. Orang lebih lazim menggunakan istilah azali. Misalnya, kita biasa mendengar kata-kata begini: “Memang sudah ditaqdirkan oleh Allah saya akan jadi begini sejak azali lagi...”

Jarang sekali kita mendengar orang berkata, “Memang sudah ditaqdirkan ALLAH saya akan jadi begini sejak qadim lagi...” Begitu juga, kita lebih lazim, mendengar orang berkata, “Nasib dia tu memang sudah tersurat sejak azali lagi...”

Kita tidak akan mendengar orang berkata, “Nasib dia tu memang sudah tersurat sejak qadim lagi...”

Sebenarnya kedua-dua perkataan itu sama maksudnya. Cuma azali lebih kerap digunakan manakala qadim jarang-jarang digunakan.

Pandangan Ulama Sekarang

Namun, dalam pada itu, bagi ulama zaman dahulu yang begitu teliti dalam setiap penilaian, qadim dan azali ada sedikit perbezaannya. Memang sikap ulama-ulama zaman dahulu, mereka akan menghurai apa saja dengan begitu terperinci sekali sama ada perkara itu

perkara wajib atau sunat ataupun harus. Oleh kerana ilmu mereka begitu banyak dan mendalam dalam semua bidang, mereka mampu membahaskan perkara yang sebesar-besarnya hinggalah kepada perkara yang sekecil-kecilnya. Mereka tidak pernah menganggap perkara yang besar itu sebagai yang lebih utama dan perkara yang kecil-kecil itu remeh-temeh.

Tidak seperti kita pada zaman ini, asal perkara itu dalam kategori sunat, ia sudah kita anggap remeh-temeh. Apalagilah kalau perkara itu dalam kategori harus; seandainya kita persoalkan, orang akan menganggapnya layak untuk bakul sampah saja. Orang hari ini mahu perkatakan yang besar-besar saja.

Oleh itu, pihak musuh terutamanya orang Yahudi dan nasrani serta konco-konconya meniti di atas sikap itu. Mereka akan perbesarkan keburukan umat Islam yang hendak memperkatakan hal-hal wajib, sunat dan harus. Sebab itulah, bila timbul fasal menutup aurat, fasal jubah serban, fasal makanan halal dan haram, fasal wanita keluar rumah, dan sebagainya, mereka akan tentang habis-habisan.

Tetapi ulama-ulama zaman dahulu bersikap yang setiap perkara dalam Islam itu sama nilainya. Sebab itu mereka mengkaji setiap aspek dan setiap sudut yang ada di dalam Islam itu. Mereka tidak mengkhususkan pengajian mereka dalam satu-satu bidang saja seperti dalam bidang tauhid saja atau feqah sahaja atau tasawuf saja, dan sebagainya.

Berbeza halnya dengan ulama-ulama pada hari ini. Mereka mencari ilmu setinggi-tingginya sehingga mendapat ijazah B.A., M.A. dan Ph.D, tetapi bidang pengetahuan mereka adalah khusus. Setengah-setengahnya boleh jadi pakar dalam bidang syariat atau perundangan Islam saja. Dan dalam bidang syariat itu pula, boleh

jadi dia pakar dalam soal zakat saja.

Setengah-setengah ulama pula mungkin pakar dalam bidang tauhid sahaja, manakala sesetengah yang lain pakar dalam bidang hafiz Al Quran saja. Dan begitulah seterusnya. Masing-masing hanya pakar dalam bidang tertentu hinggakan mereka mampu membuat kertas kerja demi kertas kerja dalam bidang masing-masing. Tetapi apabila ditanya tentang bidang-bidang yang lain dalam agama, dia tidak tahu.

Tidaklah mengapa kalau dia mengaku yang dia tidak tahu. Tetapi, oleh kerana dia sudah belajar tinggi-tinggi, apabila orang merujuk kepadanya satu-satu perkara yang bukan bidangnya, dia akan mengeluarkan pendapatnya. Dia akan berkata, "Pendapat saya...", "Pendapat saya..." dan sebagainya. Sedangkan dalam ajaran 'Islam, semuanya mesti berlandaskan Al Quran dan Hadis.

Inilah pencemaran ilmu agama Islam akibat kita terbawa-bawa dengan sistem pengajian orang lain di dalam pengajian kita. Sistem pengajian ilmu yang ada di dunia hari ini memang mengkhususkan pengajian sejak awal-awal lagi hingga menjadikan manusia ini robot yang hanya berfikir satu hala saja. Dan kita pula menggunakan cara yang sama di dalam pengajian Islam kita.

Akibatnya, seseorang ulama itu tidak lagi boleh membahaskan banyak perkara di dalam agama, lebih-lebih lagi perkara yang halus-halus. Dan kalau ada pula orang yang mampu menghuraikan perkara-perkara yang begitu banyak di dalam agama, mereka akan menentangnya.

Sikap Ulama Tradisi

Sedangkan ulama-ulama zaman dahulu banyak yang pakar dalam pelbagai bidang. Imam Ghazali rahimahumullahutaala misalnya, adalah pakar dalam semua bidang termasuk bidang feqah, tauhid, tasawuf, tafsir Hadis dan Al Quran, kedoktoran, falsafah, dan apa saja.

Malangnya, umat Islam hari ini tidak lagi kenal kepada **Imam Ghazali,** dan kalau kenal pun, mungkin kenal dari satu sudut sahaja. Oleh itu, dia akan mengatakan bahawa Imam **Ghazali** itu pakar dalam sudut yang dia tahu sahaja. Umpamanya kalau dia tahu tentang tasawuf, dia akan kata yang **Imam Ghazali** itu pakar tasawuf, atau kalau dia tahu feqah saja, dia akan kata yang **Imam Ghazali** itu pakar bidang feqah. Tentang kepakaran Imam **Ghazali** dalam sudut-sudut lain, dia tidak tahu.

Kalaulah ulama-ulama Islam hari ini mengkaji benar-benar akan ilmu yang ada pada **Imam Ghazali,** tentulah mereka tahu betapa beliau itu pakar dalam semua bidang termasuk politik, pendidikan, kedoktoran, persuratan, ilmu jiwa, dan lain-lainnya. Malah, **Imam Ghazali** juga pakar dalam bidang pidato dan juga seorang ahli hujah yang bijak.

Dan kalaulah umat Islam hari ini mempelajari ilmu agama tidak mengikut cara orang lain tetapi mengikut cara seperti ditunjukkan oleh **Imam Ghazali** hingga menjadi pakar dalam semua bidang agama, tentulah tidak akan berlaku perselisihan pendapat dalam satu-satu persoalan agama. Tentulah tidak timbul lagi hujah-hujah terhadap hukum-hakam agama sepertimana yang sering berlaku pada masa ini. Kalau ulama-ulama sudah bercanggah pendapat, apalagi halnya dengan orang ramai yang kurang mendalam pengetahuan mereka mengenai agama. Akan kelirulah mereka.

Tentu sekali orang akan mengatakan bahawa tidak mudah kita hendak mengkaji segala aspek yang ada dalam agama yang begitu luas bidangnya. Tetapi, kita boleh tanya pula, mengapakah ulama zaman dahulu mampu berbuat demikian?

Hal ini berkait rapat dengan persoalan jiwa terhadap agama. Keinginan untuk mendalami ilmu agama tercetus dari jiwa yang benar-benar cintakan agama ALLAH serta hendak memanfaatkan ilmunya demi untuk menyelamatkan orang ramai daripada jalan kesesatan. Sikap inilah yang ada pada jiwa ulama-ulama besar seperti **Imam Abu Hassan Asyaari, Imam Abu Mansur Al Maturidi,** Imam **Fakhrurrazi,** dan lain-lainnya.

Selain itu, ulama-ulama zaman dahulu begitu bersih dan soleh kerana sentiasa menjaga syariat sama ada yang lahir dan mahupun yang batin. Kerana itu mereka sentiasa dipimpin oleh ALLAH SWT hinggakan mudah bagi mereka untuk mempelajari satu-satu ilmu agama, walau sebanyak mana sekalipun.

Kehidupan kita hari ini tidak sepertimana mereka. Kita tidak dapat menjaga kesucian dan kebersihan jiwa kita. Kita tidak dapat menjaga syariat sama ada yang lahir mahupun yang batin. Kita masih bergelumang dengan perkaraperkara haram, perkara syubhat, serta perkara maksiat dan mungkar. Kita juga terlibat dengan makanan-makanan yang tidak sah di sisi Allah. Akibatnya, hati kita tidak terdorong untuk mempelajari satu-satu ilmu agama, apa lagi untuk menyampaikannya kepada orang ramai agar mereka terselamat daripada kesesatan.

Jadi, ulama-ulama zaman dahulu sentiasa hendak menghurai dengan terperinci satu-satu persoalan agama. Sebab itulah, walaupun pada kita qadim dan azali yang kita bahaskan ini memberikan pengertian yang

sama, tetapi ada di antara ulama-ulama mengatakan bahawa qadim itu khas, manakala azali itu am.

Qadim

Qadim dikaitkan pada semua sifat ALLAH SWT yang *maujud* atau yang ada saja. Apakah yang dikatakan qadim pada yang ada saja? Contohnya seperti zat ALLAH SWT itu qadim, atau Baqa' ALLAH SWT qadim, atau sifat Sama.' ALLAH SWT itu qadim, atau sifat Qudrat ALLAH SWT itu qadim, dan seterusnya bagi sifat-sifat yang lain. Semuanya qadim yang tidak ada permulaan.

Jadi, qadim ialah suatu yang tidak ada permulaan tetapi yang dikaitkan dengan yang *maujud* (ada) saja. Qadim tidak dikaitkan dengan yang ghairi *maujud* (tidak ada).

Azali

Azali pula ialah sesuatu yang am yang dikaitkan dengan yang *maujud* dan juga yang *ghairi maujud*. Segala yang maujud ataupun yang ada, telah kita terangkan pada perenggan sebelum ini. Iaitu semua sifat ALLAH SWT, sama ada sifat Baqa', sifat Sama', sifat Qudrat, sifat Iradat, dan lain-lainnya, adalah qadim.

Oleh itu, berkait dengan azali, kita juga boleh mengatakan bahawa zat ALLAH SWT ataupun sifat-sifat ALLAH SWT yang lain itu adalah azali. Yang demikian, kita boleh juga mengatakan bahawa zat ALLAH SWT itu qadim lag-i azali, atau sifat Qudrat ALLAH SWT itu qadim lagi azali, atau sifat Sama' ALLAH itu qadim lagi azali, dan begitulah seterusnya bagi semua sifat yang lain.

Manakala azali yang kita kaitkan dengan perkara

yang tidak ada adalah seperti kita mengatakan, "Tidak ada Tuhan yang lain pada azali yang bersifat sepertimana sifat ALLAH SWT." Dengan kata lain, kita maksudkan bahawa memang pada azali lagi, tidak ada Tuhan yang lain yang bersifat Sama', Basar, Qudrat, Iradat, dan lain-lainnya sepertimana sifat ALLAH SWT yang qadim itu.

Di sini jelas bahawa azali boleh meliputi kedua-duanya, sama ada yang ***maujud*** mahupun yang ***ghairi maujud***. Sebab itulah dikatakan bahawa azali bersifat am, dan qadim bersifat khas. Oleh itu, tiap-tiap azali boleh kita katakan qadim, tetapi bukan tiap-tiap qadim boleh kita katakan azali

Perbandingan Guru dan Guru Besar

Sebagai perbandingan, perhatikan perkataan "guru" dan "guru besar". Guru adalah am, manakala guru besar, khas. Ertinya, seorang guru besar boleh kita panggil guru kerana tiap-tiap guru besar itu mesti seorang guru. Tetapi seorang guru tidak boleh kita panggil guru besar kerana bukan tiap-tiap guru itu guru besar.

Sebagai contoh yang lain, kita ambil perkataan nabi dan rasul. Nabi itu am, manakala rasul itu khusus. Ertinya, seorang rasul boleh kita panggil nabi kerana tiap-tiap rasul adalah nabi. Tetapi seorang nabi tidak boleh kita panggil rasul kerana bukan tiap-tiap nabi itu rasul.

Keyakinan Yang Padu

Demikianlah perbahasan ulama-ulama zaman dahulu mengenai istilah qadim dan azali. Kalau pembaca masih tidak dapat memahaminya, janganlah diberat-beratkan

sangat kerana mengkaji tauhid ini memangnya suatu perkara yang berat. Ini memandangkan bahawa ilmu tauhid adalah sesuatu yang pasti. Kalau kita dapat memahaminya, alhamdulillah, tetapi kalau masih belum dapat, tunggulah satu masa nanti, insya-ALLAH kita akan didorong oleh ALLAH supaya faham. Tetapi, apa yang penting untuk kita ingat dan ketahui serta yakini ialah bahawa ALLAH SWT itu bersifat Qidam atau sedia ada. Keyakinan kita ini tidak boleh dicelahi oleh sebarang syak atau zan ataupun waham. Ia mestilah satu keyakinan yang padu.

Dan perlu juga kita yakini bahawa sedia yang berlaku pada ALLAH SWT ialah sedia yang tidak ada permulaannya, kerana ALLAH itu, tidak ada siapa yang menjadikan. ALLAH SWT tidak didahului oleh tiada; iaitu tidaklah ALLAH SWT itu pada mula-mulanya tidak ada kemudian baharu ada. Buktinya, alam dan seluruh yang baharu itu, ALLAH yang menjadikannya; jadi tentulah ALLAH itu lebih dahulu ada daripada alam dan seluruh makhluk. Dan lebih dahulu adanya ALLAH SWT daripada seluruh makhluk, tidak ada siapa yang menjadikan. ALLAH tidak ada permulaan.

Pembahagian Sifat Qadim

Seterusnya, dalam kita memperkatakan sifat qadim ALLAH SWT ini, ia boleh kita bahagikan kepada empat pengertian iaitu:

a. Qadim sifat;

b. Qadim zati;

c. Qadim idhafi; dan

d. Qadim zamani.

a) **Qadim sifati** kita ertikan sebagai sifat ALLAH SWT yang tidak ada permulaan. Seperti tidak ada permulaannya sifat Wujud ALLAH SWT, sifat Sama' ALLAH SWT, sifat Basar ALLAH SWT, dan begitulah seterusnya dengan sifat-sifat ALLAH SWT yang lain; semuanya tidak ada permulaan.

b) **Qadim zati** ialah qadim zat ALLAH SWT. Oleh kerana zat ALLAH SWT qadim, maka tentulah sifat-Nya juga qadim, kerana sifat berdiri di atas zat. Sifat tidak boleh berdiri dengan sendirinya tetapi memerlukan zat.

Umpamanya, apabila kita ambil sebuah buku, yang dapat kita rasa ialah zat buku itu, manakala yang dapat kita lihat benda yang dikatakan buku itu; itulah. sifat. Ertinya, zat dapat dirasa tetapi sifat ialah sesuatu yang bila dilihat memberikan nama kepada zat. Cuma zat dan sifat ALLAH SWT berbeza daripada zat dan sifat makhluk.

c) **Qadim idhafi.** Maksud idhafi dalam bahasa kita ialah 'tambahan'. Untuk menjelaskan pengertian ***qadim idhafi*** ini, bolehlah kita maksudkan begini: terdahulu sesuatu itu daripada sesuatu. Misalnya, terdahulu bapa daripada anak. Namun, walaupun bapa itu lebih dahulu daripada anak, bapa tetap ada permulaannya. Sedangkan ALLAH SWT tidak ada permulaan.

d) **Qadim zamani.** Ini diertikan sebagai lalu masa di atas sesuatu, sekurang-kurangnya satu tahun. Kita ambil contoh tahun 1990; tahun yang sebelumnya 1989. Maka kita katakan tahun 1990 lebih dahulu dari tahun 1989. Jadi, 1989 itu dikatakan qadim juga tetapi qadimnya adalah lebih dahulu dari 1990. Namun, ia ada permulaan dan ada juga kesudahannya.

Sebagai peringatan, daripada keempat-empat qadim itu, *qadim zati* dan *qadim sifati* tidak boleh kita sandarkan kepada selain ALLAH. Kedua-duanya berupa *qadim hakiki* iaitu qadim sifat ALLAH dan qadim zat ALLAH SWT sahaja; tidak boleh kita sandarkan kepada makhluk.

BAB 5:

Sifat Yang Ketiga Bagi ALLAH:

AL BAQA'

Yang ketiga - Al Baqa' ertinya kekal, sentiasa ada, tiada akhir, maka hakikatnya ibarat daripada menafikan ada kesudahan bagi wujud ALLAH Taala.

Adapun yang lain daripada Tuhan ada juga yang kekal tiada batas selamanya, tetapi bukan dinamakan kekal yang hakiki (yang sebenar) bahkan kekal aradhi (yang mendatang jua seperti Syurga, Neraka, Arasy, Kalam, Kursi dan roh). Maka perkara yang tersebut ini dikatakan kekal kerana mendatang tatkala bertakluk qudrat iradat ALLAH Taala pada mengekalkannya.

Peringatan: Segala jisim semuanya binasa melainkan ujbuzzanab (عجب الذنب) iaitu tulang kecil seperti biji sawi duduknya di tungking manusia ia adalah benih anak Adam yang akan bangkit daripada kubur kelak), jisim sekelian nabi-nabi dan jisim orang yang mati perang *sabilillah* maka ketiga-tiga ini kekal juga tetapi kekalnya aradhi.

Yang demikian nyatalah perkara yang diiktibarkan permulaan dan kesudahan itu terbahagi kepada tiga bahagian :

(1) Tiada permulaan dan tiada kesudahan ialah zat dan sifat ALLAH taala.

(2) Ada permulaan tetapi tiada kesudahan iaitu Syurga, Neraka dan sebagainya yang sepuluh perkara di atas itu.

(3) Ada permulaan dan ada kesudahan iaitu segala makhluk yang lain daripada sepuluh yang tersebut di atas itu.

BAQA' ertinya kekal, atau sentiasa ada, atau tiada akhir, atau tiada kesudahan. Dalam kata-kata yang lain, Baqa' ialah kekal yang tidak diiringi oleh tiada. Jadi, ALLAH SWT itu bersifat kekal, dan tidak berlaku pada-Nya kesudahan. Atau tidak berlaku pada ALLAH SWT itu pada mulanya ada, kemudian tiada.

Oleh itu, hakikat makna Al Baqa' yang sebenarnya adalah dengan menafikan berlakunya kesudahan pada wujudnya ALLAH SWT. Ertinya, kalau ada orang mengatakan bahawa pada satu masa nanti, ALLAH SWT itu akan tiada, kita akan tolak kata-katanya itu kerana Baqa' pada ALLAH SWT itu tidak ada kesudahannya atau tidak ada akhirnya.

Hakikat inilah yang wajib kita percayai dan kita yakini sungguh-sungguh tanpa dicelah oleh salah satu daripada tiga bentuk keraguan iaitu syak, zan, atau waham. Kalau ada salah satu daripadanya di dalam fikiran kita, maka aqidah kita telah rosak; iman kita telah cacat. Dan apabila aqidah atau iman kita telah rosak, seluruh amal ibadah kita, walau bagaimana cantik dan walau bagaimana banyak sekalipun, tidak bermakna kerana ia tidak ada nilai di sisi ALLAH SWT. ALLAH SWT tidak akan menerima ibadah daripada orang yang aqidahnya telah rosak.

Kerana itu, amat perlu sekali kita tanamkan ingatan

bahawa ALLAH SWT hanya akan menerima amal ibadah kita atas dasar aqidah atau iman. Tauhid kita kepada ALLAH mestilah tepat seratus peratus. Sebab itulah di dalam Islam, persoalan tauhid dan iman menjadi persoalan terpokok dan yang paling utama. Di dalam kitab dikatakan:

أَوَّلُ الدِّيْنِ مَعْرِفَةُ اللهِ

Terjemahannya: *Awal-awal agama adalah mengenal Allah.*

Inilah yang menjadi asas di dalam agama Islam. Mula-mula sekali, kita mengenal ALLAH SWT; kemudian baharulah kita mengenal sembahyang, mengenal puasa, mengenal haji, dan lain-lain hukum-hakam di dalam Islam. Kalau kita tidak kenal ALLAH SWT, maka kalau kita kenal yang lain-lain itu seperti kita kenal sembahyang dan sebagainya, itu semua tidak memberi apa-apa makna kepada kita. Yang pentingnya ialah kenal ALLAH SWT lebih dahulu. Dan untuk mengenal ALLAH SWT, kita perlulah mempelajari serta memahami sifat-sifat yang wajib bagi-Nya; termasuklah sifat Baqa’ ini.

Mengapakah ALLAH SWT itu bersifat kekal yang tidak berkesudahan? Sebabnya ialah, ALLAH SWT itu tidak ada yang menjadikan. Dan oleh kerana ALLAH SWT itu tidak ada siapa yang menjadikan, tentulah tidak ada siapa yang akan memusnahkan-Nya atau membinasakan-Nya. Tetapi sekiranya ALLAH SWT itu ada yang menjadikan-Nya atau yang mencipta-Nya, tentulah yang mencipta itu akan memusnahkan-Nya.

Berlainan sekali dengan makhluk seperti kita ini dan seluruh yang baharu yang mana semuanya dijadikan oleh ALLAH SWT. Kerana ALLAH menjadikan

kitalah maka Dia akan memusnahkan kita. Dan sebab itu pulalah kita ini tidak kekal.

Kekalnya ALLAH SWT adalah kekal yang hakiki atau **kekal sejati,** iaitu kekal yang sebenar-benarnya. Sebabnya demikian adalah kerana kekalnya ALLAH SWT itu bukan kekal yang dikekalkan. ALLAH SWT kekal dengan sendirinya, dan tidak ada siapa yang mengekalkan-Nya.

Kekal yang disebabkan oleh ada yang mengekalkannya bukan dinamakan kekal yang hakiki atau kekal yang sejati. Ia dinamakan **kekal aradhi** atau kekal yang mendatang kemudian. ALLAH SWT tidak bersifat **kekal aradhi.**

Ada 10 perkara yang tergolong dalam **kekal aradhi** ini, dan berlakunya **kekal aradhi** kepada perkara-perkara itu adalah kerana ALLAH SWT hendak mengekalkannya. Jadi perkara-perkara itu bukan **kekal hakiki** atau kekal dengan sendirinya tetapi kekal yang ada yang mengekalkannya. Yang mengekalkannya ialah ALLAH SWT. Perkara-perkara itu ialah: **Syurga, Neraka, Luh Mahfuz, Arasy, Qalam, Kursi, roh, ajbuzzanab** (tulang kecil sebesar biji sawi yang duduknya di tungking manusia; ia merupakan benih anak Adam ketika dibangkitkan dari kubur kelak), **jisim segala nabi,** dan **jisim orang yang mati perang fiabilillah.**

Inilah perkara-perkara yang akan kekal tetapi bukan **kekal hakiki,** sebaliknya **kekal aradhi.** Dan yang mengekalkannya adalah ALLAH SWT. Kalau taqdirnya ALLAH hendak membinasakannya, Allah boleh berbuat demikian. ALLAH boleh menjadikan perkara-perkara itu berkesudahan. Cuma ALLAH tidak mahu kerana ALLAH sudah membuat perjanjian sejak azali lagi yang sepuluh perkara itu akan dikekalkan-Nya selama-lamanya.

Dalam pada itu, selain yang sepuluh itu, ada juga jisim-jisim lain yang juga dikatakan kekal. Cuma kita belum dapat menemui keterangan mengenainya di dalam kitab-kitab; sekadar pernah kita dengar tuan-tuan guru memperkatakannya. Di antara jisim-jisim lain yang dikatakan kekal itu ialah hafiz Al Quran, mu'azin (tukang bang), dan para aulia ALLAH. Mua'zin yang dimaksudkan di sini ialah tukang bang yang tetap, bukan tukang bang sekali-sekala.

Inilah tiga perkara yang turut dikekalkan oleh ALLAH SWT menurut pendapat setengah-setengah tuk guru. Cuma buat kita, ha1 ini masih ***wallahu a'lam*** kerana belum ada nas dan dalilnya yang kita temui di dalam kitab. Boleh jadi tok-tok guru itu lebih banyak membaca dan berjaya menemuinya. Tetapi 10 perkara yang dibentangkan tadi adalah nyata kekal tetapi kekalnya adalah aradhi.

Seterusnya, kalaulah jisim segala nabi itu kekal, maka banyaklah jisim yang kekal. Bilangan nabi saja, mengikut ijtihad sesetengah ulama, ialah seramai 124,000 orang. Daripada bilangan yang begitu ramai, jumlah rasul pula seramai 313 orang mengikut pendapat sesetengah ulama; tetapi ada ulama yang mengatakan jumlahnya seramai 315 orang. Ini adalah khilafiah para ulama mengikut ijtihad masing-masing.

Perlu kita ingat bahawa nabi dan rasul berbeza. Rasul adalah pilihan daripada para nabi, dan mereka menerima wahyu daripada ALLAH sebagai satu perintah yang wajib mereka amalkan dan wajib pula mereka sampaikan kepada seluruh umat. Manakala nabi adalah pilihan ALLAH juga dan yang menerima wahyu daripada ALLAH sebagai satu perintah yang wajib mereka amalkan tetapi tidak wajib disampaikan kepada umat. Yang demikian, darjat rasul lebih tinggi daripada nabi.

Kemudian daripada bilangan rasul yang 313 itu, 25 orang merupakan rasul pilihan; nama-nama mereka ada disebut satu persatu di dalam Al Quran Dan daripada 25 rasul pilihan ini, ada 5 rasul yang lebih tinggi darjatnya di sisi ALLAH; mereka digelar ulul'azmi. Mereka ialah Nabi Nuh a.s., Nabi Ibrahim a.s., Nabi Musa a.s., Nabi Isa a.s., dan Nabi Mtiammad SAW. Dan daripada 5 orang rasul ini pula, ada seorang rasul yang lebih hebat dan yang paling mulia di sisi ALLAH SWT. Baginda ialah Rasulullah SAW.

Rasulullah SAW adalah nabi yang akhir; penutup segala nabi dan rasul. Baginda juga penghulu kepada segala nabi dan rasul. Kedudukan baginda lebih mulia daripada para malaikat.

Kita sepatutnya berbangga kerana menjadi umat kepada rasul yang paling dikasihi oleh ALLAH SWT. Sebagai umat Rasulullah SAW, kita perlu menjaga imej baginda dengan menjaga akhlak kita, suasana hidup kita, suasana rumahtangga kita, suasana masyarakat kita,, dan lain-lainnya agar jangan sampai mencacatkan kemuliaan Rasulullah SAW. Selain itu, kita wajib bersyukur kerana menjadi umat Rasulullah SAW kerana umat baginda adalah umat yang paling mulia berbanding dengan umat para rasul sebelumnya.

Kita sentuh sedikit tentang jisim orang yang mati ***fisabilillah*** Inilah jisim yang paling banyak kerana sejak zaman Rasulullah SAW hinggalah ke akhir zaman nanti, sentiasa ada orang yang mati terbunuh dalam berjuang dan berjihad menegakkan agama ALLAH. Kalau para nabi dan rasul, kita tahu bilangannya tetapi para syuhada Allah, kita tidak mengetahui bilangannya kerana terlalu ramai; terutamanya yang syahid pada zaman Rasulullah dan para Sahabat serta pada zaman para tabiin dan para tabiit tabiin.

Pada akhir zaman ini, bilangannya agak berkurangan, dan kita dapati semakin lama semakin kurang kerana bilangan orang yang mahu mati syahid di jalan ALLAH sudah sedikit. Namun, kita tidak boleh mengatakan yang tidak ada lagi orang yang mati syahid dalam menegakkan perjuangan dan jihad *fisabilillah* pada hari ini. Cuma yang bertetapan dengan mati ***fisabilillah*** itu kurang benar.

Takrif mati ***fisabilillah*** itu bukanlah satu takrif yang mudah. Kita dapati hari ini, ramai daripada kalangan umat Islam yang berjuang dan berjihad dalam pelbagai bidang seperti ketenteraan, politik, kenegaraan, dan sebagainya. Dan begitu juga dengan ramainya kalangan umat Islam hari ini yang bercita-cita hendak menegakkan agama ALLAH; menghidupkan Al Quran dan Al Sunnah. Tetapi kalau perlaksanaannya tidak betul dan tepat, maka perjuangan itu masih belum tergolong dalam perjuangan ***fisabilillah*** Kalau demikian, orang yang mati ketika berjuang itu belum dikatakan syahid di jalan ALLAH. Tentulah amat malang sekali.

Adapun jisim para syuhada atau jisim orang yang mati syahid *fisabilillah* tidak dihisab oleh ALLAH ketika di Akhirat nanti. Mereka terus dimasukkan ke dalam Syurga bersama para nabi dan rasul. Kalaulah ALLAH tidak menceritakan tentang diri mereka ini, nescaya para nabi dan rasul itu menyangka bahawa para syuhada itu juga daripada kalangan nabi-nabi. Begitulah tingginya darjat orang yang mati syahid. Sebab itu untuk mendapatkannya bukanlah mudah. Bukanlah asal saja kita berjuang menegakkan agama ALLAH, kalau mati, kematian kita digolong sebagai mati syahid.

Sebenarnya perjuangan dan jihad yang dikatakan *fisabilillah* itu adalah perjuangan yang benar-benar kerana ALLAH dan untuk ALLAH semata-mata. Ia benar-

benar satu jihad untuk menegakkan agama ALLAH dan hukum-hakam ALLAH sama ada melibatkan yang wajib, yang sunat, yang haram mahupun yang makruh; manakala hukum yang harus diperjuangkan agar menjadi ibadah. Perjuangan yang dibangunkan itu pula tidak boleh atas dasar lain seperti atas dasar hendak berkuasa dan memerintah, atas dasar hendakkan pangkat dan nama, atas dasar hendakkan kemudahan dan kemewahan hidup, atas dasar hendak menegakkan bangsa, atas dasar hendak menghapuskan kezaliman, dan lain-lainnya. Kalau kita berjuang dan berjihad atas salah satu daripada maksud itu, perjuangan kita itu sia-sia sahaja. Belum lagi digolong sebagai jihad ***fisabilillah.***

Kalau kita berjuang atas dasar kebangsaan sahaja, Rasulullah ada mengingatkan kita di dalam sebuah Hadis yang sabdanya:

لاَ عَصَبِيَّةَ فِيْ الاِسْلاَمِ

Terjemahannya: Tidak ***ada fahaman kebangsaan di dalam*** ajaran ***Islam.***

Fahaman kebangsaan adalah fahaman yang sempit yang akan mengajak manusia bergaduh, kerana masing-masing ada bangsa. Perjuangan demikian hanya akan mencetuskan puak-puak.

Kemudian Rasulullah bersabda lagi:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ دَعَا إِلَى عَصَبِيَّةٍ

Terjemahannya: ***Bukan daripada golongan kami, orang yang berjuang kerana kebangsaan.***

Sebenarnya, kalau kita berjuang kerana menegakkan agama, bangsa akan terbela dengan sendirinya.

Tetapi kalau kita berjuang membangunkan bangsa, agama akan dicuaikan. Hingga kerana itu, bangsa belum tentu dapat dibangunkan; agama sudah hancur berkecai. Kemungkinan besar fahaman kebangsaan dalam perjuangan itu akan mengambil alih fahaman berjihad kerana agama. Begitu jugalah dengan perjuangan menegakkan agama melalui konsep kapitalisme atau sosialisme, dan sebagainya. Semuanya merupakan perjuangan yang tidak tepat untuk dinilai sebagai ***fisabilillah.***

Inilah yang perlu kita awasi. Walaupun dalam berjuang itu, macam api keluarnya ayat-ayat Quran dan Hadis; tetapi kerana perjuangan tidak tepat, orang yang berjuang begini bolehlah kita katakan sebagai telah memperalat Al Quran dan Hadis untuk mencapai matlamatnya. Dan bagi kita pula, tidak seharusnya terpengaruh dengan perjuangan demikian. Ia bukan digolong sebagai jihad ***fisabilillah.***

Jihad ***fisabilillah*** yang sebenarnya adalah jihad yang setiap inci perjuangannya tepat dengan kehendak ALLAH; kehendak Al Quran dan Sunnah. Al Quran dan Sunnah itu mesti dilaksanakan pada semua peringkat; bukan pada negara sahaja tetapi juga di dalam diri sendiri, di dalam rumahtangga, di dalam masyarakat, di dalam pendidikan, di dalam ekonomi, di dalam poitik, dan seterusnyalah hingga kepada persoalan alam sejagat sekalipun.

Kemudian perlaksanaannya juga mesti betul hingga syariat lahir dan batin dijaga betul-betul. Kalau semuanya tepat mengikut kehendak Al Quran dan Sunnah, itulah yang dinamakan jihad ***fisabilillah,*** dan sekiranya ‘orang yang berjuang itu mati dibunuh atau terbunuh, insya-ALLAH nilainya adalah sebagai syuhada ALLAH. Baharulah jisimnya dikekalkan oleh ALLAH SWT.

Malangnya, ada di kalangan pejuang-pejuang Islam

pada akhir zaman ini, semacam beria-ria benar berjuang hendak menegakkan agama ALLAH dalam negara tetapi diri sendiri dicuaikan, anak isteri masih mendedah aurat, dia masih terlibat dengan maksiat dan munkar. Pejuang-pejuang begini telah mempersempitkan persoalan agama kepada aspek negara sahaja, sedangkan Islam itu bukan untuk negara sahaja tetapi untuk semua aspek dan semua bidang. Dan kesemua bidang itu mesti diperjuangkan; sama ada yang mengenai aqidah, ibadah, perjuangan dan jihad, ekonomi, pendidikan, rumahtangga, politik, dan seterusnyalah hingga kepada persoalan negara dan hubungan alam sejagat. Kemudian yang diperjuangkan itu pula mestilah bermula daripada *alif,* ba, *ta* (dari peringkat rendah), bukan terus melompat hingga ke hujung.

Jadi, memang susah hendak mendapatkan darjat mati syahid. Namun kita tetap boleh memohon kepada ALLAH untuk mendapatkan mati syahid dengan syarat kita memasang niat dengan betul dan ikhlas. Ada sebuah Hadis Rasulullah yang bermaksud:

> *Orang yang berniat untuk* mendapatkan *mati syahid akan tetap mendapat pahala syahid walaupun dia tidak mati syahid.*

Seterusnya, apakah hikmahnya ALLAH mengekalkan 10 perkara yang telah kita sebutkan tadi? Tentu ada hikmah-hikmahnya kerana kalau tidak, ALLAH tidak akan menjadikannya.

Setiap perkara yang ALLAH jadikan itu, ada mengandungi hikmah-hikmah yang tersirat. ALLAH menjadikan manusia, langit, bumi, lautan, ikan-ikan, binatang yang melata di bumi seperti semut, lipas, ulat dan sebagainya, semua itu ada hikmahnya. Dan begitu juga dengan setiap kejadian yang berlaku kepada makhluk

seperti ditimpa sakit, ditimpa kemalangan, dan sebagainya; semua itu ada hikmah-hikmahnya. Cuma setengah-setengah hikmah itu ada diberitahu dan setengah-setengahnya tidak diberitahu. Katalah cacing yang kita pandang jijik itu; pun sebenarnya ada hikmahnya mkngapa ALLAH jadikan. Cacing-cacing itu boleh menjadi makanan kepada ayam itik, tolong menggemburkan tanah, dan sebagainya.

Setengah-setengah hikmah kejadian ALLAH itu ada diceritakan di dalam Al Quran dan Hadis. Setengah-setengahnya telah dapat dicungkil oleh ulama-ulama yang mempunyai banyak ilmu pengetahuan. Kerana itu, kita juga hendaklah memahami akan hikmah-hikmah kejadian Tuhan ini supaya kita sedar betapa kejadian manusia yang berbeza-beza ini juga ada hikmahnya. Mengapa jari yang sepuluh pada tangan kita itu dijadikan oleh ALLAH tidak sama itu pun ada hikmahnya. Begitu juga, mengapa ALLAH jadikan manusia ini ada yang kaya dan ada yang miskin, ada yang sihat dan ada yang sakit, ada yang kuat ‘dan ada yang lemah, dan begitulah seterusnya.

Semuanya ada hikmah-hikmah tertentu, dan kalaulah kita tahu demikian, tidak perlulah kita berbangga diri, hasad dengki dan kata-mengata antara satu dengan lain. Katalah seorang yang dijadikan ALLAH kuat fikiran hingga dia boleh menguasai ilmu pengetahuan; dia tidak boleh berbangga yang dia itu pandai dan bijak kerana kalau tidak ada orang yang hendak mengakui dia pandai, apakah dia tahu dirinya pandai? Tentulah orang yang mengakui dia pandai ialah orang yang hendak belajar daripadanya iaitu orang-orang yang belum mengetahui. Sekiranya tidak ada orang yang hendak belajar daripadanya, apalah ada erti kepandaiannya.

Begitu juga bagi orang yang tidak berilmu; tidak

sepatutnya dia hasad dengki kepada orang yang berilmu kerana kalau tidak ada orang yang berilmu, maka orang yang bodoh akan bodoh sampai mati. Jadi, semuanya ada kaitan antara satu dengan lain.

Orang yang kaya pun ada kaitannya dengan yang miskin. Sebab itu, orang kaya tidak boleh berlagak sombong dan bercakap besar bila dia tengok si petani dengan pakaian kotor dan berlumpur. Kalau si petani tidak mahu menanam padi atau kalaupun mahu menanam padi tetapi tidak mahu menjualkannya, bukankah orang-orang kaya dan yang berpangkat besar susah hendak mendapatkan makanan? Jadi, tidaklah boleh dia memandang hina kepada si petani.

Dan orang miskin pula tidaklah boleh hasad dengki kepada orang kaya kerana kalau mereka tidak mahu memberi upah, menggaji pekerja dan sebagainya, maka orang miskin tidak akan ada sumber duit.

Jadi kaitan antara satu kejadian ALLAH dengan kejadian lain, semua ada hikmah-hikmahnya. Cuma kita saja yang tidak mengetahuinya kerana kita sudah lupa kepada ALLAH, sudah lupa kepada panduan yang ALLAH berikan, dan lupa pula kepada diri kita sendiri. Kerana itu, kita rasa yang diri kita itu tidak ada hubungan apa-apa dengan orang lain.

Padahal, hakikatnya, kita adalah satu keluarga yang besar yang bertuhankan Tuhan yang satu iaitu ALLAH SWT. Keturunan kita juga satu iaitu daripada Nabi Adam a.s. dan Siti Hawa. Kerana itu, tidak perlu kita kata-mengata antara satu dengan lain, tidak perlu hasad dengki, dan lebih-lebih lagi tidak perlu kita bergaduh.

Perpecahan manusia ini timbul bila adanya manusia yang mementingkan diri sendiri, atau bila ada golongan yang tidak mahu menerima perintah daripada ALLAH

SWT, dan kemudiannya tidak mahu menerima konsep hidup daripada ALLAH.

Apabila ini berlaku, keluarga yang besar yang berasal daripada satu keturunan tadi berpecah kerana masing-masing hendak mengikut pimpinan akal sendiri atau mengikut pimpinan otak orang lain. Semakin lama semakin besarlah perpecahannya hinggalah ke hari ini. Kalaulah manusia-manusia yang memecahbelahkan keluarga ini tidak ada, tentulah kita semua tetap bersatu dan berpadu. Dan tentulah kita semua akan menerima pegangan dan syariat hidup daripada ALLAH sahaja. Tentulah bahagia sekali keluarga yang besar ini.

Tetapi perpecahan berlaku juga, pergaduhan wujud di mana-mana; boleh jadi abang membunuh adiknya, dan boleh jadi yang turut sama-sama terbunuh ialah emak saudara dan bapa saudara. Dan begitulah seterusnya akan berlaku, selagi manusia-manusia yang mementingkan diri sendiri ini wujud di tengah-tengah masyarakat. Manusia seperti ini tidak kenal dirinya siapa dan tidak kenal ALLAH. Sebab itu dia tidak tahu hikmah-hikmah setiap kejadian daripada ALLAH SWT.

Kalau begitu, 10 perkara yang kekal **aradhi** itu juga ada mengandungi hikmah-hikmah yang tertentu. Misalnya, cuba kita perhatikan, apakah hikmahnya ALLAH kekalkan Syurga?

Tentu agak mudah kita mencari jawapannya. ALLAH kekalkan Syurga itu ialah supaya orang yang bertaqwa tidak akan mendapat nikmat yang kekal di dunia kerana nikmat yang kekal hanyalah di dalam Syurga.

Kalau Syurga tidak kekal, orang yang bertaqwa tidak akan mendapat nikmat yang kekal, kerana nikmat yang kekal hanyalah di dalam Syurga. Ertinya, kalau ALLAH

binasakan Syurga, nikmat yang diterima oleh orang yang bertaqwa akan ada hadnya. Sebab itulah ALLAH kekalkan Syurga sebagai membalas jasa orang yang sewaktu di dunia telah bersusah payah beribadah kepada-Nya dengan mengorbankan tenaga, fikiran, masa serta wang ringgit. Di dunia dulu dia gigih berjuang dan berjihad memerangi hawa nafsu dan syaitan kerana hendak membesarkan ALLAH dan ajaran ALLAH agar mereka mendapat nikmat yang kekal abadi di dalam Syurga.

Jadi, kalaulah kita kenangkan yang nikmat di dalam Syurga itu kekal abadi bagi orang bertaqwa, maka kalau kita ada rumah besar, kereta besar atau tanah yang luas di dunia, kita tidak semestinya berbangga dan sombong bongkak kerana setiap yang di dunia ini tidak kekal; sama ada harta-harta itu lebih dulu meninggalkan kita ataupun kita yang akan meninggalkannya. Begitu juga, apa saja yang kita perolehi di dunia ini, seperti mendapat jawatan presiden, menjadi pemimpin, menjadi raja, dapat kekayaan, menjadi orang cantik, menjadi orang bijak dan berbagai-bagai lagi, semuanya tidak kekal. Apa saja kemegahan di dunia ini, tidak kekal.

Yang kekal ialah kemegahan di Syurga: pangkat dan darjat di Syurga, kemuliaan di Syurga, dan seluruh nikmat Syurga termasuk nikmat beristerikan bidadari Syurga yang cantik yang tidak ada tolok bandingnya di dunia ini. Kecantikan mereka itu tidak mampu dilihat oleh mata kita yang sentiasa keranjang ini. Mungkin mata para nabi dan rasul saja yang layak memandang mereka. Kerana cantiknya bidadari Syurga itu, kalau hujung jarinya saja dapat kita lihat, kita sudah tidak sedarkan diri.

Kalau sekadar ratu cantik di dunia ini, yang tidak sehebat mana dibandingkan dengan bidadari Syurga,

itu pun ramai orang tergila-gila. Sedangkan ratu cantik dunia itu dengan kita tidak ada bezanya; dia tetap makan dan ke tandas macam kita, cuma dia cantik sedikit daripada kita. Itu pun tidak kekal, dan kecantikannya itu pula adalah mengikut nilaian manusia; ada yang kata cantik dan ada yang kata buruk.

Mereka tidak sama dengan bidadari Syurga yang merupakan anugerah ALLAH kepada penghuni-penghuni Syurga. Ada yang mendapat sampai ‘70 orang, dan apa yang mendapat sampai seribu orang bergantung kepada pangkat dan darjat yang diperolehi oleh seseorang mukmin itu. Dan mereka itu semuanya kekal abadi; kecantikan mereka sentiasa kekal, tidak dimakan oleh tua, dan sebagainya. Kasih sayang mereka juga kekal abadi, tidak seperti kasih sayang isteri kita kepada kita yang setiap saat berubah-ubah.

Begitulah di antara nikmat Syurga yang kekal abadi yang ALLAH akan berikan kepada orang bertaqwa. Sebab itulah ALLAH kekalkan Syurga.

Kemudian, di antara 10 perkara yang **kekal aradhi** tadi termasuklah Neraka. Mengapa pula ALLAH kekalkan Neraka? Supaya orang-orang yang derhaka kepada ALLAH dan orang-orang yang membuat dosa serta yang ingkar dan mungkar kepada perintah ALLAH, akan mendapat azab dan seksa yang kekal abadi.

Lagipun, orang-orang yang akan disumbat oleh ALLAH ke dalam Neraka, ada yang kekal di dalamnya selama-lamanya dan ada yang tidak. Orang yang akan kekal selama-lamanya ialah orang kafir; orang yang menolak ALLAH dan Rasul, yang menolak Al Quran dan Sunnah, orang yang menyengutukan Allah, dan sebagainya. Orang yang tidak kekal di dalam Neraka ialah orang yang mati membawa dosa yang tidak terampun tetapi dia masih beriman kepada ALLAH SWT. Orang

ini dinamakan mukmin asi atau mukmin yang derhaka. Mereka dimasukkan ke dalam Neraka untuk menjalani azab mengikut dosa yang mereka lakukan. Setelah itu mereka akan dimasukkan ke dalam Syurga.

Jadi, bagi orang yang akan berada selama-lamanya di dalam Neraka, mereka akan menerima azab yang kekal abadi. Sebab itulah ALLAH kekalkan Neraka supaya azab yang ada di dalamnya juga kekal abadi. Oleh itu, kalau kita kenang-kenangkan azab yang berbagai-bagai yang kekal abadi di dalam Neraka itu, sepatutnya kita gerun dan gentar. Sedangkan kalau kita dipenjarakan seumur hidup di dalam penjara dunia ini pun, kita tidak mahu. Walhal seksa dan azab didalam penjara dunia ini masih baik kerana kita tetap diberi makan dan minum, dan diberi tempat tidur untuk rehat. Sanak-saudara pula dapat bertemu dengan kita.

Sebaliknya di dalam Neraka sana, tidak ada kesenangan dan rehat walau sesaat. Setiap ketika kita menerima azab hinggakan makan dan minum pun berbentuk azab kerana makanannya berupa buah zaqum iaitu besi panas yang berduri-duri, manakala minumannya air timah yang panas menggelegak. Bila kita makan dan minum, habis leroi isi perut dan kerongkong kita.

Kerana itu, tidak padan sangatlah kita membuat dosa, derhaka, ingkar dan mungkar kepada ALLAH dalam masa yang begitu singkat di dunia ini sedangkan balasannya adalah seksa dan azab yang kekal abadi. Tak padan sangatlah kalau dalam hidup kita di dunia ini yang hanya 40 atau 50 tahun atau paling lebih pun 60 tahun, mengikut jangkaan umur hari ini, kita tolak ibadah dan perintah daripada ALLAH untuk memilih kehidupan mengikut nafsu dan syaitan.

Sedangkan, kalaupun kita rasa pahit dan derita dalam melaksanakan ibadah dan perintah ALLAH kerana

terpaksa mengorbankan tenaga, masa dan wang ringgit, derita itu hanyalah sementara hidup saja. Bila mati, nikmat Syurga yang akan ALLAH beri sebagai balasan adalah kekal abadi. Sebaliknya kalau kita memilih kesenangan dunia yang mengikut hawa nafsu dan syaitan, di Akhirat, balasannya adalah azab Neraka yang kekal selama-lamanya.

Sebab itu, hendaklah kita menjaga diri kita supaya jangan terjebak dengan dosa yang akan menjerumuskan kita ke dalam Neraka yang seksa dan azabnya kekal abadi. Kita lebih-lebih lagi perlu berhati-hati supaya jangan terjebak dengan dosa besar yang boleh menyebabkan diri kita kekal abadi di dalam Neraka seperti dosa syirik, kafir dan murtad.

Seterusnya, cuba kita perhatikan pula, apakah hikmahnya ALLAH mengekalkan jasad orang yang mati syahid ***fisabilillah*** Bagi orang ini, jasadnya tidak hancur. Tanah tidak memakan dagingnya; malah ulat-ulat pun tidak menghampirinya.

Jasad orang-orang yang mati syahid kelihatan seolah-olah hidup hingga dapat kita lihat darah mengalir di dalam tubuhnya. Ini memang telah terbukti kerana pernah orang menceritakan terjumpa dengan mayat seorang Sahabat Rasulullah yang dikebumikan di tepi sebuah sungai di Afrika. Apabila sungai menghakis kuburnya, terkeluar mayatnya yang kemudiannya dijumpai orang; keadaannya seperti tubuh orang yang masih hidup. Memang ramai Sahabat Rasulullah, para tabiin dan para tabiit tabiin yang mati syahid ***fisabilillah*** Dan ALLAH memuliakan jasad mereka dengan mengekalkannya hingga tidak ada satu apa pun, hatta ulat dan cacing sekalipun, yang boleh memusnahkannya.

Kemudian, ingin pula kita persoalkan, mengapakah ALLAH memuliakan orang yang syahid ***fisabilillah.***

Kalau kita baca hadis Qudsi, di dalamnya ALLAH banyak menggambarkan kemuliaan yang diterima oleh orang-orang yang mati syahid di jalan ALLAH hinggakan ALLAH begitu kasih dan sayang kepada mereka.

Diceritakan betapa orang yang mati syahid ini boleh berulang-alik di antara Alam Barzakh dan Syurga seperti burung-burung hijau yang berterbangan, dan kemudian mereka akan duduk mengadap ALLAH di bawah Arasy. (Bila kita kata mengadap ALLAH di bawah Arasy ini, jangan pula kita salah faham hingga mengatakan ALLAH itu bertempat, berwajah dan berlembaga seperti makhluk. Ini adalah gambaran yang mesti kita kaedahkan sebagai yang selayak bagi zat ALLAH SWT. Selain itu, bagi kita ialah ***wallahu a'lam.)***

Mengapakah begitu besar penghormatan yang Allah berikan kepada mereka? Ini adalah kerana orang-orang yang mati syahid telah mengorbankan nikmat yang paling berharga yang telah dikurniakan oleh ALLAH SWT, iaitu nyawa. Setiap orang sayangkan nyawanya lebih daripada yang lain; lebih daripada dia sayangkan anak isteri dan hartanya. Tetapi bagi orang yang berjuang dan berjihad di jalan ALLAH, mereka telah mempertaruhkan nyawa mereka yang paling mereka sayangi. Mereka telah mempertaruhkan nikmat yang paling berharga yang telah dikurniakan oleh ALLAH SWT. Mereka rela mengorbankan nyawa mereka kerana fisabilillah.

Tentulah hebat pengorbanan demikian kerana kalau sekadar mengorbankan harta dan wang ringgit, ramai yang boleh berbuat. Begitu juga, kalau untuk mengorbankan tenaga dan akal fikiran serta masa, ramai juga yang boleh melakukannya. Tetapi bila sampai kepada mengorbankan nyawa dan jiwa raga, ramai yang akan berundur..

Bagi kita pada akhir zaman ini, tidak payahlah kita

cakap pasal mengorbankan nyawa. Baru sekadar, kalau kita pergi ke satu tempat dan bersyarah fasal **agama** ALLAH, fasal hukum-hakam dan sebagainya, tiba-tiba ada orang yang bangun dan menempeleng muka kita hingga luka berdarah, mungkin kita tidak akan pergi lagi ke tempat itu. Atau mungkin kita terus letak jawatan daripada menjadi mubaligh. Tetapi bagi orang yang mati ***fisabilillah*** ini, nyawa yang mereka korbankan. Sebab itulah ALLAH muliakan mereka.

Sebenarnya ALLAH tahu bahawa ramai manusia ini tidak berani mengorbankan nyawa di jalan ALLAH. Kerana itu, dalam mendorong manusia berjuang di jalan ALLAH, ALLAH tidak menyebut pengorbanan nyawa terlebih dahulu. ALLAH menyebut yang ringan-ringan terlebih dahulu. Misalnya, ALLAH berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ هَلۡ أَدُلُّكُمۡ عَلَىٰ تِجَٰرَةٖ
تُنجِيكُم مِّنۡ عَذَابٍ أَلِيمٖ ١٠ تُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتُجَٰهِدُونَ
فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمۡوَٰلِكُمۡ وَأَنفُسِكُمۡۚ ذَٰلِكُمۡ خَيۡرٞ لَّكُمۡ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ١١

Terjemahannya: ***Wahai orang-orang yang beriman, sukakah kamu Aku beritahu kamu akan satu perniagaan yang boleh mengelakkan kamu daripada azab yang amat pedih. Hendaklah*** kamu ***beriman dengan ALLAH dan Rasul. Hendaklah kamu*** perjuangkan ***agama ALLAH dengan harta-harta kamu dan jiwa raga kamu. Dan itulah yang sebaik-baiknya bagi din' kamu kalau kamu mengetahui.***

(As saf: 10-11)

Di sini ALLAH suruh berjihad dengan mengorbankan harta lebih dahulu kerana apabila seseorang itu

telah berani mengorbankan hartanya, ketika itu apabila nyawanya dituntut supaya dikorbankan, dia boleh berbuat demikian. Tetapi kalau seseorang itu tidak sanggup mengorbankan hartanya, janganlah diharapkan dia dapat mengorbankan nyawanya. Harta yang dikorbankan oleh manusia, ada harapan akan ditambah semula oleh ALLAH SWT, sedangkan nyawa yang sudah terkorban, tidak ada harapan untuk diganti semula.

Jadi, jelaslah kalau kita berjuang dan berjihad tetapi takut hendak mengorbankan harta sedangkan kita sentiasa bercakap fasal syahid dan sebagainya, itu cakap-cakap kosong sahaja. ALLAH sendiri telah menggambarkan hal ini di dalam firman-Nya.

Inilah sikap kita sebagai pejuang-pejuang agama pada zaman ini; cakap sahaja yang lebih tetapi $10.00 pun tidak berani untuk dikorbankan di jalan ALLAH. Dalam pada itu, kita hendak mengajak pula orang lain mengorbankan harta dan nyawa. Tidak seperti para Sahabat pada zaman Rasulullah; mereka sanggup mengorbankan apa sahaja di jalan ALLAH. Mengorbankan harta begitu mudah bagi mereka.

Lihat sahaja Sayidina Umar, Sayidina Abu Bakar, Sayidiua Usman, Sayidiua Ali, dan Sahabat-Sahabat yang lain. Apabila tiba seruan untuk berperang fisabilillah, masing-masing berlumba-lumba untuk pergi ke medan perang. Hinggakan kalau ada yang terpaksa tinggal kerana menjaga perempuan-perempuan, orang-orang tua dan kanak-kanak, mereka akan menangis. Manakala yang berjaya terpilih untuk ke medan jihad, akan ketawa gembira dan berkejar-kejaran menghadapi musuh tanpa membelakangi mereka. Buktinya, kalau kita baca sejarah Khalid Ibn Walid, satu liang tombak, pedang atau panah pun tidak ada di belakangnya; semua di

bahagian dadanya sahaja. Ini menandakan beliau tidak pernah membelakangi musuh.

Semangat dan sikap kita tidak sama dengan para Sahabat. Mereka berhabis-habisan dalam mengorbankan harta. Kita masih berhati-hati hendak berkorban. Kalau kita berkorban, mulalah kita memikir bagaimana hendak menambahnya balik. Kita berkenduri syukur kalau tidak terpilih ke medan perang; para Sahabat menangis kalau tidak terpilih berperang. Sebab itulah, Islam susah hendak dibangunkan kembali oleh umat Islam zaman ini. Hanya dengan menghidupkan kembali semangat dan jihad para sahabat sahajalah, baharu umat Islam hari ini boleh menjadi umat yang kuat dan gagah, serta akan dapat memayungi umat-umat yang lain di dunia ini.

Seterusnya, ALLAH kekalkan roh kerana yang akan merasai azab Neraka atau nikmat Syurga ialah roh. Dan kalaulah roh tidak ALLAH kekalkan, tidaklah ada ertinya ALLAH mengekalkan Neraka dan Syurga.

Akhir sekali, kita akan perhatikan perkara yang diiktibarkan sebagai yang ada permulaan dan ada kesudahan. Ia terbahagi kepada tiga perkara.

Pertama, yang tiada permulaan dan yang tiada kesudahan, iaitu zat dan sifat ALLAH SWT. Sebab ALLAH itu tidak ada yang menjadikan.

Kedua, yang ada permulaan tetapi tidak ada kesudahan, iaitu 10 perkara yang telah kita senaraikan tadi. Kesemua 10 perkara ini sengaja dikekalkan oleh ALLAH disebabkan hikmah-hikmah yang tertentu.

Ketiga, yang ada permulaan dan yang ada kesudahannya, iaitu makhluk dan seluruh yang baharu seperti manusia, haiwan, jin, tumbuh-tumbuhan, dan lain-lainnya.

Sebagai kesimpulan pengajian kita ini, yang perlu kita yakini betul-betul tentang sifat **Al Baqa'** bagi ALLAH SWT ini ialah bahawa ALLAH SWT itu kekal buat selama-lamanya; tidak ada permulaan dan tidak ada kesudahan. Kerana ALLAH SWT itu tidak ada yang menjadikan.

BAB 6:

Sifat Yang Keempat Bagi ALLAH:

MUKHOLAFATUHU LIL HAWADISI

MATAN

Yang keempat **Mukholafatuhu Taala Lilhawadisi,** ertinya bersalahan ALLAH Taala dengan segala yang baharu sama ada pada zat-Nya, pada sifat-Nya, atau pada perbuatan-Nya, dan sama ada yang baharu yang telah ada atau yang belum ada. Maka hakikatnya ibarat daripada menafikan Tuhan berserupa dengan yang baharu pada zat-Nya atau pada sifat-Nya atau perbuatan-Nya.

Adapun bersalahan Tuhan dengan yang baharu pada zat-Nya itu iaitu sesungguhnya zat Tuhan bukan ia jirim dan bukan aradh dan tiada sekali-kali zat-Nya berdarah, berdaging, bertulang dan bukan jenis leburan, jenis tumbuh-tumbuhan dan tiada ia di dalam pihak dan tiada baginya pihak-pihak, tiada ia di dalam tempat-tempat, tiada ia di dalam masa.

Bersalahan Tuhan dengan yang baharu pada sifat-Nya itu iaitu sesungguhnya sifat ALLAH Taala itu tiada bersamaan dengan sifat yang baharu kerana sifat Tuhan itu qadim lagi azali dan melengkapi takluknya maka sesungguhnya sifat makhluk itu bertakluk pada setengah perkara jua seperti Sama' Tuhan bertakluk ia pada segala yang maujudat dan sama' yang baharu bertakluk ia kepada setengah jua iaitu pada suara sahaja demikian pada sifat-sifat yang lain tiada serupa dengan sifat Tuhan.

Bersalahan Tuhan dengan yang baharu pada perbuatan-Nya iaitu sesungguhnya perbuatan Tuhan tiada bersalahan dengan perbuatan yang baharu kerana perbuatan Tuhan memberi bekas bersalahan perbuatan yang baharu. Dan perbuatan Tuhan tiada berkehendak kepada wasitah perkakas dan kepada taulan tiada mengambil faedah perbuatan dan hukumnya dan lagi perbuatan-Nya tidak ada yang sesia.

Sesungguhnya ada perkataan di dalam Al Quran dan Hadis yang menyebut muka dan tangan ALLAH maka perkataan itu hendaklah kita iktiqadkan sabit secara yang layak dengan ALLAH Taala, yang Maha Suci daripada

berjisim dan Maha Suci daripada bersifat dengan segala sifat yang baharu. Maka tiada yang mengetahui akan dia melainkan ALLAH Taala jua. Demikian inilah pelajaran iktiqad sekalian sahabat dan orang yang mengikut sahabat dan orang yang mengikut bagi orang yang mengikut sahabat yang dinamakan ulama mutaqaddimin.

Tetapi ulama mutaakhirin telah berkata adalah perkataan yang tersebut di dalam Quran dan Hadis mengatakan muka dan tangan bagi ALLAH Taala itu ialah yang dikehendaki dengan tangan itu kudrat demikian lagi tiap perkataan yang seumpama itu ditakwilkan (ditanggungkan) dengan perkara yang munasabah daripada segala sifat yang sabit bagi ALLAH Taala.

Setiap Kejadian Tuhan, Faedahnya Kembali Kepada Manusia

Mukholafatuhu Taala Lilhawadisi ertinya "bersalah-salahan Tuhan itu daripada segala yang baharu ".

DENGAN kata lain, tidak sama ALLAH SWT itu dengan segala sifat yang baharu iaitu seluruh makhluk ini sama ada bumi, langit, alam manusia, alam haiwan, alam jin, alam malaikat, Alam Kubur, Alam Akhirat, dan apa sahaja kejadian ALLAH SWT.

Kemudian, tidak samanya ALLAH SWT itu dengan segala yang baharu ini bukan sahaja dari segi zat-Nya, bahkan dari segi sifat dan perbuatan-Nya juga. Maka hakikatnya ialah ibarat kita menafikan bersamaannya zat ALLAH SWT itu dengan yang baharu sama ada pada zat-Nya, sifat-Nya ataupun perbuatan-Nya. Dan sekiranya ada orang mengatakan bahawa ALLAH SWT itu serupa atau sama dengan segala yang baharu, sama ada dari segi zat-Nya, sifat-Nya atau perbuatan-Nya, orang itu telah jatuh syirik dan murtad disebabkan dia telah menyengutukan ALLAH SWT. Jadi hendaklah kita menjaga iktiqad kita jangan sampai kita mengatakan ALLAH itu serupa dengan makhluk sama ada pada zat-Nya, sifat-Nya ataupun perbuatan-Nya.

Firman ALLAH:

لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَيْءٌ

Terjemahannya: *Tiada yang menyerupai-Nya segala sesuatu.*

(As Syura: 11)

Zat ALLAH Bukan Jirim

Berhubung dengan zat ALLAH SWT, ia tidak sama dengan yang baharu iaitu zat ALLAH SWT bukan jirim. Jirii bererti sesuatu yang mengambil lapang atau ruang. Semua benda seperti diri kita ini, kerusi, meja, batu, besi, air dan lain-lainnya, adalah jirim. Dan semuanya itu sama ada yang sebesar-besar benda ataupun yang sekecil-kecilnya, mengambil ruang dan lapang. Tetapi zat ALLAH SWT tidak demikian. Zat ALLAH SWT tidak mengambil lapang atau ruang kerana zat-Nya bukan jirim.

Zat ALLAH bukan aradhi

Juga, zat ALLAH SWT itu bukan aradh. Aradh memberi erti, "yang mendatang kemudian". Zat ALLAH SWT bukanlah sifat yang mendatang kemudian. Ertinya, zat ALLAH SWT itu adalah zat dan bukannya sifat. Sifat tidak boleh berdiri di atas sifat.

Kita telah pun mengetahui bahawa zat ALLAH SWT itu mempunyai banyak sifat yang mana 20 daripadanya wajib kita kenali. Sifat-sifat ini tentunya tidak boleh berdiri pada sifat sekiranya kita mengatakan bahawa zat ALLAH SWT itu sifat yang mendatang kemudian atau **aradh.** Jadi, sifat-sifat ALLAH SWT itu berdiri pada zat. Dan zat ALLAH SWT itu tetap zat dan bukan sifat atau **aradh.** Kalau kita mengatakan yang zat ALLAH SWT itu

aradh atau sifat, nanti dengan sendirinya kita akan menafikan semua sifat ALLAH yang ada seperti Sama' ALLAH, Basar Allah, Qudrat ALLAH, Iradat ALLAH, dan lain-lainnya.,

Zat ALLAH Tidak Seperti Makhluk

Kemudian, zat ALLAH SWT itu tidak berdarah dan tidak berdaging seperti makhluk. Makhluk sama ada manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan atau apa sahaja, semuanya berdarah dan berdaging. Manusia berdarah dan berdaging seperti manusia, haiwan pula berdarah dan berdaging seperti haiwan, kayu-kayan pula berdarah berdaging seperti kayu-kayan, dan begitulah seterusnya bagi makhluk-makhluk yang lain. Tetapi ALLAH SWT tidak demikian.

Dan lagi, zat ALLAH SWT itu bukan daripada jenis tumbuh-tumbuhan dan bukan juga leburan. Zat ALLAH SWT tidak sekali-kali demikian.

Zat ALLAH Tidak Berpihak

Zat ALLAH SWT juga tidak di dalam pihak sebagaimana makhluk seperti kita. Diri kita, kalau tidak di kiri, maka ia di sebelah kanan, atau kalau tidak di atas, ia di bawah, atau kalau tidak di timur, ia di barat, dan begitulah seterusnya. Ertinya, semua makhluk sama ada jin atau manusia atau kayu-kayan, dan sebagainya, tidak terlepas daripada pihak-pihak tadi. Tetapi ALLAH SWT tidak demikian. Bukankah timur dan barat itu pun ALLAH yang menciptanya? Begitu jugalah dengan atas dan bawah, hadapan dan belakang, dan 'semua pihak yang lain; ALLAH jua yang menciptanya. Kerana itu ALLAH tidak memerlukan pihak-pihak itu.

Dan bukan sahaja ALLAH SWT itu tidak di dalam pihak-pihak, malah ALLAH juga tidak ada bagi-Nya pihak-pihak itu. Bag-i kita, ada yang kiri dan ada yang kanan, ada yang di atas dan ada yang di bawah, dan ada yang di hadapan dan ada juga yang di belakang. Diri kita ini sentiasa ada pihak-pihak itu. Begitulah juga dengan makhluk-makhluk yang lain sama ada tumbuh-tumbuhan ataupun haiwan. Tetapi zat ALLAH SWT tidak demikian.

Zat ALLAH Tidak Bertempat

Selain itu, **zat ALLAH SWT tidak di dalam tempat atau ada bertempat.** Tidaklah zat ALLAH SWT itu di dalam bilik atau di luar bilik, di dalam rumah atau di luar rumah, di tengah padang atau di dalam hutan, di dalam istana atau di luar istana, di atas langit atau di bawah langit, di dunia atau di Akhirat, atau seterusnya di tempat-tempat lain. ALLAH tidak bertempat dan tidaklah ALLAH itu di mana-mana.

Zat ALLAH Tidak Dalam Masa

Seterusnya, **ALLAH SWT itu tidak pula di dalam masa atau menempuh masa.** Atau dengan kata lain, tidak ada bagi ALLAH SWT itu masa. Tetapi selain ALLAH Taala, semuanya tidak dapat mengelak daripada terlibat dengan masa. Diri kita misalnya, dapatkah kita mengelak daripada bertemu dengan hari Sabtu atau hari Jumaat atau hari apa sahaja dalam satu minggu itu. Kalaulah dapat kita elakkan daripada bertemu hari itu walau sekali dalam hidup kita, jadilah. Tetapi ia tidak mungkin, walaupun bagi seorang ahli sains yang pakar sekalipun seperti ahli sains dari Rusia atau Amerika yang kononnya sangat pandai mencipta berbagai-bagai perkara hingga-

kan kadang-kadang mereka mengaku lebih bijak daripada Tuhan.

Jadi, setiap makhluk ALLAH ada baginya masa, dan dia tetap terlibat dengan masa sama ada pukul 10 atau pukul 12, atau waktu apa sahaja. Dia tetap tidak dapat mengelakkan diri daripada menempuh masa walau satu saat sekalipun. Tetapi ALLAH SWT tidak terlibat dengan masa, dan tidak ada bag-i-Nya masa-masa itu. Dan masa itu sendiri pun ALLAH yang menciptanya. Kerana itu, tidak perlu bagi ALLAH SWT masa itu.

Bagaimana Sebenamya ALLAH SWT?

Kalaulah demikian keadaan zat ALLAH SWT, iaitu tidak berdarah dan berdaging, tidak bertulang, tidak daripada jenis tumbuh-tumbuhan atau leburan, tidak ada pihak-pihak dan tidak juga berpihak, tidak bertempat, dan tidak pula ada baginya masa-masa, bagaimanakah sebenarnya ALLAH SWT? Tentu pertanyaan seperti ini akan bermain di kepala kita. Sebagai menjawab kemusykilan ini, kita tegaskan terang-terang di sini dengan jawapan: "wallahu a'lam". Otak dan akal fikiran kita tidak mampu untuk menjangkau persoalan yang begitu jauh dan berat.

Perlu kita ingat di sini bahawa, di dalam persoalan tauhid, kita hanya diwajibkan mempelajari dan meyakininya sahaja. Kita tahu yang ALLAH SWT itu bersifat begian dan begian tetapi hakikat sebenarnya kita tidak akan tahu. Ertinya, dalam kita mempelajari ilmu tauhid, semakin banyak kita mempelajarinya semakin banyak yang kita tidak tahu. Itulah yang dikatakan sudah mengetahui. Kalau kita belajar sifat-sifat Tuhan, dan semakin kita belajar semakin kita tidak tahu, maka itulah yang dikatakan kita tahu.

Sebabnya, tidak ada siapa yang dapat mengetahui hakikat zat ALLAH SWT yang sebenarnya. Dengan itu, jangan sekali-kali kita biarkan fikiran kita mengkhayalkan zat ALLAH SWT. Dan kalau ada orang membahaskan zat Allah SWT hingga dia mengaku mengetahui hakikatnya 'yang sebenar, itulah yang dikatakan orang yang tidak mengetahui. Kalau dia dapat menceritakan yang ALLAH SWT itu begian-begian zat-Nya, maka dia sudah disesatkan oleh syaitan. Jadi, jangan sampai kita mempelajari ilmu tauhid hingga ALLAH SWT itu, kita nampak di depan mata kita!

Ukuran Keimanan

Sebab itulah, kalau kita tersilap mengkaji ilmu tauhid, ia boleh membawa kita kepada syirik dan murtad. Orang yang syirik dan murtad, aqidahnya rosak, dan kalau mati dalam keadaan demikian, tempatnya di dalam Neraka selama-lamanya. Sedangkan Neraka itu satu tempat yang amat menggerunkan. Cuma, pada kita apakah kegerunan dan kengerian Neraka ALLAH itu dapat kita rasa. Kerana untuk dapat merasakan kengerian Neraka itu, ia bergantung kepada nilai dan peringkat iman seseorang. Kalau sekadar percaya kepada ALLAH sahaja tetapi tidak dapat merasa takut kepada ALLAH, rasa gerun dan rasa hebat kepada-Nya, maka iman yang demikian tidak dapat merasa gerun kepada Neraka ALLAH.

Orang yang hanya percaya kepada ALLAH tetapi tidak dapat merasa takut kepada-Nya, masih melanggar perintah ALLAH. Dia tidak akan terdorong untuk melaksanakan suruhan-suruhan ALLAH dengan bersungguh-sungguh. Sebab itulah, ukuran keimanan seseorang itu bukan terletak pada kepercayaannya kepada ALLAH SWT tetapi terletak kepada sejauh mana hatinya dapat merasa gerun dan takut kepada ALLAH serta merasa

hebat kepada-Nya. Gambaran ini Allah perjelaskan di dalam Al Quran dengan fir-man-Nya:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا
تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُهُۥ زَادَتْهُمْ إِيمَٰنًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ

Terjemahannya: *Sesungguhnya orang yang benar-benar beriman itu, apabila disebut sahaja .nama* ALLAH, *gementarlah hatinya dan* apabila *dibacakan ayat-ayat Allah, bertambah-tambahlah imannya, lantas dia menyerah diri kepada ALLAH.*

(Al Anfal: 2)

Jadi, kalau rasa gerun dan takut kepada ALLAH itu masih belum ada, maka ukuran iman kita masih lemah. Kalau kita menyebut Allahu Akbar atau Subhanallah ribuan kali, tetapi rasa gentar dalam hati itu tidak ada, malah kita rasa sama saja seperti menyebut perkataan “tiang”, amat malanglah kita. Mungkin hati kita lebih kecut kalau disebut “hantu kubur” daripada disebut nama ALLAH.

Sifat ALLAH Tidak Sama Dengan Yang Baru

Kembali kita memperkatakan sifat Mukholafatuhu Taala lilhawadisi, di dalam matan Risalah Tauhid dikatakan bahawa sifat ALLAH SWT itu tidak sama dengan segala yang baharu kerana sifat ALLAH SWT qadim lagi azali, iaitu tidak ada permulaan. Ertinya, sifat ALLAH SWT itu tidak didahului oleh tiada. Tidaklah sifat-sifat ALLAH SWT itu pada mulanya tiada dan kemudian baharu ada lagi, semua sifat ALLAH SWT, sama ada sifat Wujud-Nya,

sifat Baqa'-Nya, sifat Sama'-Nya, sifat Qudrat-Nya, dan sifat-sifat yang lain, tidak ada permulaan. Ini kerana, zat ALLAH SWT itu sendiri tidak ada permulaan. Ia qadii lag-i azali.

Dan, sepertimana yang telah kita terangkan sebelum ini bahawa sifat berdiri di atas zat, maka kalau zat qadim lagi azali, sifat juga qadim lagi azali iaitu tidak ada permulaannya. Manakala sifat segala yang baharu atau semua makhluk ini, semuanya ada permulaan. Sebab itu ia dikatakan yang baharu kerana ia mendatang kemudian; mula-mula tiada, kemudian baharu ada.

Pengertian Takluk

Seterusnya, sifat Tuhan itu takluknya melengkapi, sedangkan sifat makhluk atau sifat segala yang baharu, takluknya tidak melengkapi. Pengertian istilah "takluk" di sini mungkin agak sukar untuk kita huraikan. Tetapi memadailah kalau kita katakan bahawa "takluk" di sini diertikan sebagai "yang menuntut sesuatu akan perkara yang bertambah". Dalam hal ini, ia diertikan sebagai sifat yang menuntut perkara yang bertambah yang berdirinya pada zat. Misalnya, bagi sifat Basar (Melihat) pada zat ALLAH SWT, ada benda yang kena lihat.. Inilah yang dikatakan sifat bertakluk.

Dan takluk bagi sifat ALLAH SWT adalah melengkapi dalam ertikata ia bertakluk kepada "segala yang ada", sama ada ia (segala yang ada itu) berupa perkara yang wajib ataupun perkara yang harus. Segala yang ada yang berupa perkara yang wajib ialah zat dan sifat ALLAH SWT, manakala segala yang ada yang berupa perkara 'yang harus ialah makhluk dan segala yang baharu ini. Jadi, takluk bag-i sifat ALLAH yang demikian, dikatakan takluk yang melengkapi.

Bandmgan Takluk ALLAH Dengan Takluk Makhluk

Misalnya, katalah sifat **Sama'** (Maha Mendengar) bagi ALLAH SWT. Sifat ini bertakluk kepada segala yang ada, sama ada yang wajib mahupun yang harus. Ertinya, ALLAH boleh mendengar semuanya melalui sifat **Sama'**-Nya, tidak kira takluk-Nya itu pada yang wajib seperti zat dan sifat ALLAH SWT sendiri, ataupun pada yang harus iaitu seluruh yang baharu. Dan mendengarnya ALLAH SWT pula tidak mengira sama ada takluk-Nya itu bersuara atau tidak bersuara, sama ada yang didengar itu jauh atau dekat, dan sebagainya. Hatta degupan jantung kita pun boleh didengar oleh ALLAH SWT.

Berlainan halnya dengan mendengarnya makhluk seperti kita ini. Kalau yang kita dengari itu tidak bersuara, takluk pendengaran kita juga akan terbatas; sama ada suara itu tidak kita dengari langsung atau kita dengar tetapi tidak jelas. Misalnya, kalau kita bayang-bayangkan, tentulah di Amerika sana pada ketika ini hingar-bingar dengan bermacam-macam bunyi, tetapi sedikit pun kita tidak mendengarnya. Oleh itu, takluk sifat mendengar makhluk tidak melengkapi; tidak seperti takluk yang berlaku pada sifat ALLAH SWT.

Begitu jugalah dengan sifat melihat bagi Allah SWT, takluk-Nya tidak terbatas sama ada yang dilihat itu jauh atau dekat, sama ada dalam gelap ataupun terang, sama ada yang tersembunyi atau yang terdedah, dan sebagainya. Semuanya Allah SWT boleh lihat melalui sifat **Basar**-Nya.

Sebaliknya, sifat melihat kita, takluknya amat terbatas kerana makhluk hanya boleh melihat bila ada cahaya, dan makhluk hanya boleh melihat yang dekat sahaja. tetapi yang jauh sudah tidak dapat dilihat; kalaupun boleh dilihat, namun tidak terang. Yang tersembunyi, makhluk tidak boleh melihatnya.

Sikap Orang Mukmin

Tetapi, takluk bagi sifat-sifat ALLAH SWT adalah melengkapi. Kalau begitu, bagi orang yang benar-benar beriman, akan timbullah rasa gerun, takut serta kecutnya kepada ALLAH SWT. Betapa tidak, kalau penglihatan ALLAH itu tidak terbatas atau pendengaran ALLAH juga tidak terbatas, tentulah kita akan berasa takut, kerana, jangankan perbuatan kita yang zahir, malah lintasan hati dan fikiran kita pun ALLAH mengetahuinya. Sebab itulah, orang mukmin takut sekali melanggar segala perintah larang ALLAH SWT sama ada yang haram mahupun yang makruh. Akibatnya, dia tidak teragak-agak untuk melaksanakan segala perintah suruh-Nya sama ada yang fardhu mahupun yang sunat.

Cuma, sepertimana yang kita katakan tadi, hendak menimbulkan rasa takut dan gerun kepada ALLAH inilah yang amat susah kita lakukan. Sekadar hendak mengenal dan mengetahui sifat 20 bagi ALLAH SWT yang wajib diketahui, mudah. Tetapi untuk merasakan kehebatan sifat-sifat ALLAH SWT itu hingga terasa gerun dan kecut di dalam hati, itulah yang susah. Dan selagi seluruh umat Islam di dunia hari ini belum dapat menimbulkan rasa gerun dan takut kepada ALLAH walaupun sudah mengetahui sifat-sifat-Nya, selagi itulah umat Islam tidak mampu melaksanakan segala suruhan ALLAH dan menjauhi segala larangan-Nya. Dan selagi itulah umat Islam tidak akan bersatu dan berpadu kerana umat Islam yang bersatu dan berpadu ialah yang seluruh hidupnya bersandar kepada Al Quran dan Sunnah. Sebab itulah ALLAH mengingatkan kita dengan firman-Nya:

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟

Terjemahannya: *Berpegang teguhlah kamu kepada tali ALLAH dan jangan kamu bercerai-berai.*

(Ali Imran: 103)

Perpaduan Umat Islam

Ukuran perpaduan umat Islam ialah bila semuanya berpegang teguh kepada hukum-hakam ALLAH; yang disuruh sama ada yang fardhu mahupun yang sunat dilaksanakan semuanya, manakala yang ditegah sama ada yang haram atau makruh, dijauhi sungguh-sungguh. Umat Islam tidak akan mendapat kekuatan dengan jalan-jalan yang lain daripada itu, iaitu dengan jalan di luar Al Quran dan Sunnah. Umat Islam tidak akan dapat bersatu dan berpadu seperti umat pada zaman dahulu selagi Al Quran dan Sunnah tidak dijadikan pegangan hidup, walaupun mereka maju jaya dalam bidang ekonomi, ilmu pengetahuan, dan sebagainya.

Walau sekuat mana pun ekonomi umat Islam, dan walau sepandai atau sebijak mana sekalipun umat Islam, namun kalau tidak berpegang kepada hukum-hakam ALLAH, mereka tetap akan berpecah-belah. Tepat sekali yang berlaku pada hari ini walaupun umat Islam di seluruh dunia berjumlah lebih satu bilion, tetapi mereka tidak berpadu dan bersatu.

Walaupun umat Islam sedikit sebanyak dapat menguasai ekonomi dunia, dan di kalangan umat Islam ada cerdik pandai dalam pelbagai bidang, namun umat Islam seluruhnya tetap boleh dihina dan diperkotak-katikkan oleh bangsa-bangsa lain khususnya musuh Islam. Jelas apa yang ALLAH sudah peringatkan kepada kita. Yang akan bersatu dan berpadu hanyalah umat yang berpegang teguh kepada ajaran ALLAH.

ALLAH Bersalahan Dengan Segala Yang Baru Pada Perbuatan-Nya

Dan seterusnya, ALLAH SWT itu bersalahaalahau dengan segala yang baharu pada perbuatan-Nya. Ertinya, tidak sama perbuatan ALLAH SWT dengan perbuatan segala yang baharu atau makhluk. Perbuatan ALLAH SWT . memberi bekas, sedangkan perbuatan makhluk tidak memberi bekas.

Bila ALLAH hendak menjadikan sesuatu, bersesuaian dengan qudrah dan iradah-Nya, memadailah ALLAH hanya berkata, "Kun" atau "Jadi", maka jadilah ia. Apa sahaja yang ALLAH hendak jadikan, tidak kira sama ada ia kecil atau besar, seperti hendak menjadikan langit dan bumi atau hendak menjadikan ulat-ulat dan semut, semuanya sama sahaja pada ALLAH SWT. Tidak pula bagi ALLAH SWT itu, hendak menjadikan langit dan bumi agak susah tetapi hendak menjadikan ulat dan semut agak senang. Pada semua perbuatan-Nya itu, cukup bagi ALLAH hanya berkata, "Kun", maka jadilah ia.

Begitu jugalah, kalau ALLAH hendak musnahkan satu-satu perkara itu, cukup bagi ALLAH dengan hanya berkata, "Mati", maka musnahlah perkara itu. Jadi, bagi ALLAH SWT, sama ada hendak menjadikan atau memusnahkan iaitu menghidup dan mematikan, semuanya mudah sahaja. Dan apabila ALLAH lakukan, maka terjadilah perkara itu.

Perbuatan Makhluk

Tetapi perbuatan makhluk tidak. demikian Setiap apa yang makhluk lakukan, tidak akan memberi bekas. Setiap apa yang makhluk buat, tidak akan menjadi. Yang menjadikan atau yang memberi bekas kepada perbuat-,

an makhluk itu adalah daripada qudrah ALLAH jua. Sekiranya perbuatan makhluk itu tidak berserta dengan qudrah dan iradah ALLAH SWT, maka perbuatan itu tidak akan menjadi.

Jadi, perbuatan ALLAH SWT itu tidak serupa dengan sebarang perbuatan makhluk kerana setiap perbuatan makhluk tidak boleh memberi bekas. Yang memberi bekas itu, hakikatnya ialah perbuatan ALLAH SWT bersesuaian dengan qudrah dan iradah-Nya. Dan inilah yang perlu kita yakini sungguh-sungguh supaya akan timbul di dalam hati kita ini, rasa takut dan gerun kepada ALLAH SWT sahaja dan tidak kepada yang selain-Nya.

Dengan menyakini sungguh-sungguh bahawa perbuatan ALLAH sahaja yang memberi bekas manakala perbuatan makhluk tidak, maka kita tidak akan takut kepada sebarang makhluk tetapi kita hanya takutkan ALLAH SWT sahaja. Ini jelas ALLAH peringatkan dengan firman-Nya:

وَإِن يَمْسَسْكَ ٱللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُۥٓ إِلَّا هُوَ

Terjemahannya: *Jika Allah menimpakan sesuatu kemudharatan kepadamu,* maka *tidak ada yang dapat menghilungkannya kecuali Dia.*

(Yunus: 107)

Ertinya, tidak akan menimpa sebarang kecelakaan kepada diri kita melainkan apa yang telah ALLAH suratkan pada azali lagi. Kerana itu, walau bagaimana sekalipun makhluk merancang untuk memusnahkan kita, namun kalau ia tidak tersurat pada azali, maka rancangan itu tidak akan berlaku.

Takut Kepada ALLAH

Dan sebab itulah, orang mukmin yang sebenarnya, tidak akan takut kepada sebarang makhluk, sama ada jin **atau** manusia ataupun haiwan yang ganas sekalipun. Kerana semua perbuatan jin, manusia atau haiwan itu tidak akan dapat memberi bekas, walaupun sekadar untuk menggugurkan sehelai bulu roma. Tetapi yang boleh memberi bekas hanyalah perbuatan ALLAH SWT. Sebab itulah ALLAH peringatkan kita di dalam Al Quran:

فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَٱخْشَوْنِي

Terjemahannya: *Jangan kamu takut kepada mereka tetapi hendaklah takut kepada Aku.*

(Al Baqarah: 150)

OIeh yang demikian, janganlah kita takut kalau orang hendak bunuh kita. Janganlah kita takut kepada hantu atau jin. Kerana semuanya itu tidak akan boleh membinasakan kita. Kalaupun benar seseorang itu hendak membunuh kita dan ditaqdirkan jugalah yang kita terbunuh, namun terbunuhnya kita itu adalah dengan qudrah dan iradah ALLAH juga. Jadi, hakikatnya, yang membunuh atau yang memusnahkan kita itu adalah ALLAH SWT juga.

Jiwa Tauhid

Inilah yang hendak kita tanamkan benar-benar di dalam jiwa kita setelah mempelajari ilmu tauhid. Ertinya, kita belajar ilmu tauhid bukan hanya untuk kenal ALLAH SWT tetapi juga untuk tanamkan rasa gerun dan rasa takut kepada ALLAH, kerana sifat-sifat-Nya yang maha hebat. Inilah yang dikatakan jiwa tauhid. Kalaulah umat Islam dapat mencetuskannya, akan lahirlah kekuatan jiwa

di kalangan mereka. Jadilah umat Islam ini sebagai umat yang tidak takut kepada apa sahaja; tidak takut kepada kuasa-kuasa jin atau hantu, tidak takut kepada kuasa-kuasa besar manusia sama ada yang di Barat atau di Timur, tidak takut pada peluru berpandu, atau apa sahaja.

Perbuatan ALLAH Tidak Berkehendak Kepada Wasitah

Seterusnya, perbuatau ALLAH SWT tidak berkehendak kepada wasitah atau perkakas atau alat. Ertinya, ALLAH tidak memerlukan sebarang alat untuk menjadikan sesuatu. Tidak seperti manusia, kalau hendak membuat sesuatu, ia memerlukan berbagai-bagai alat. Misalnya, untuk membuat tongkat saja, kita memerlukan parang, pisau raut, gergaji, dan sebagainya. Tetapi, kalau ALLAH hendak menjadikan sesuatu, ALLAH tidak memerlukan semua itu. Memadailah ALLAH hanya berkata, “Kun”, maka perkara itu pun jadilah.

Begitu juga kalau seseorang itu hendak membunuh satu orang lain. Dia terpaksa menggunakan parang atau kapak atau senapang, dan sebagainya. Tetapi ALLAH tidak memerlukan semua itu. Kalau ALLAH hendak mematikan seseorang, cukuplah bagi ALLAH hanya berkata, “Mati”, maka matilah orang itu. Sebab itulah ALLAH boleh mematikan seseorang itu bila-bila masa sahaja, tidak kira dia sedang tengok perlawanan bolakah, atau sedang bersuka riakah, atau sedang tidur nyenyak. Dan manakala mati, tidak ada pun kesan luka atau kesan kena pukul dan sebagainya. Mudah sahaja bagi ALLAH untuk melakukannya.

Berada di Garisan ALLAH

Sebab itu kita tidak boleh sombong kepada ALLAH dan

hendak menunjuk-nunjuk lagak dengan ALLAH. Sebaliknya, hendaklah kita sentiasa ingat kepada ALLAH dan sentiasa berada dalam garisan ALLAH. Walau apa sahaja yang kita lakukan, ingatan kita hendaklah sentiasa berada dalam garisan ALLAH. Ini kerana, mati itu boleh berlaku bila-bila masa sahaja, dan kalau kita mati di luar garisan ALLAH, kita khuatir kita mati kalau tidak dalam keadaan kafir, dalam keadaan zalim, atau kalau tidak dalam keadaan zalim, boleh jadi dalam keadaan fasiq.

Dan untuk mengawal diri agar sentiasa berada dalam garisan yang dikehendaki oleh ALLAH, kita mestilah sentiasa dalam ibadah kepada ALLAH sama ada ibadah dengan hati, ibadah dengan lisan, atau ibadah dengan perbuatan.

Bentuk-bentuk Ibadah

Ibadab dengan lisan bererti yang lidah kita sentiasa menyebut ALLAH.

Ibadah dengan perbuatan bererti yang setiap anggota kita seperti tangan, kaki, mata, telinga, mulut, dan lain-lainnya, kita gunakan untuk beribadah kepada ALLAH. Setiap tindak-tanduk dan usaha ikhtiar kita mesti menjadi ibadah kepada ALLAH SWT.

Manakala ibadah dengan hati bererti hati sentiasa mengingati ALLAH, tidak kira waktu duduk, waktu berbaring atau waktu berdiri. Hati kita jangan sekali-kali membawa ingatan kita kepada perkara-perkara yang tidak diredhai ALLAH seperti mengingati bintang filem, mengingati gambar-gambar lucah, dan sebagainya. Kalau ingatan kita ke situ, maka lekas-lekas kita tarik balik ingatan itu.

Jadi, kalau ketiga-tiga perkara ini sentiasa berbakti kepada ALLAH, maka kita berada dalam ibadah kepada

ALLAH sentiasa. Ertinya, kita akan sentiasa berada dalam garisan ALLAH. Umpama dalam lumba lari, kemenangan yang diiktiraf ialah kemenangan yang berlaku di dalam garisan, bukan kemenangan yang berlaku di luar garisan; kalau terkeluar dari garisan, seorang pelumba. sudah dikira batal atau *fault*. Jadi, kalau dalam perbuatan yang tidak diredhai Allah pun, manusia niembuat peraturan-peraturan tertentu, apalagilah dengan kerja-kerja ALLAH SWT. Semuanya ada syarat dan peraturannya.

Perbuatan ALLAH Tidak Berhajat Kepada Makhluk

Kemudian, perbuatan ALLAH SWT tidak berhajat kepada taulan dan rakan. Perbuatan manusia umpamanya, memerlukan pertolongan rakan-rakan. ALLAH tidak memerlukan pertolongan sesiapa. Tetapi, nanti akan ada orang yang menyangkal kita dengan mengatakan, kalau ALLAH tidak perlu kepada taulan dan rakan, mengapa ALLAH jadikan malaikat-malaikat untuk melakukan perbuatan-Nya. Misalnya, kalau ALLAH hendak mengambil nyawa seseorang, ALLAH perintahkan Malaikat Maut untuk mencabutnya, atau kalau ALLAH hendak menyampaikan wahyu kepada para nabi dan rasul, Allah perintahkan Jibril untuk menyampaikannya, dan begitulah dalam hal-ha1 yang lain. Nampaknya macam ALLAH perlukan bantuan dan pertolongan. Apakah ALLAH tidak boleh berbuat sendiri?

Kekuasaan Kebesaran Kerajaan ALLAH

Sebenarnya ALLAH berbuat demikian kerana ALLAH hendak menunjukkan yang Dia berkuasa; boleh berbuat apa sahaja. Hendak menjadikan semua yang ada ini pun ALLAH boleh berbuat, inikan pula hendak menjaganya.

Kalau mengikut lojik akal kita, hendak menjadikan sesuatu itu tentulah lebih susah daripada hendak mengawalnya ataupun hendak memusnahkannya. Dengan yang demikian, pada pandangan kita (bukan pada ALLAH SWT), hendak menjadikan langit dan seluruh isi langit serta hendak menjadikan bumi dan seluruh isi bumi, tentulah satu perkara yang berat (padahal pada **ALLAH** mudah sahaja). Dan tentulah hendak mengawal atau memusnahkannya lebih mudah. Jadi, kalaulah satu perkara yang susah pada pandangan kita, pun boleh ALLAH lakukan, tentulah perkara yang mudah, boleh juga ALLAH lakukan.

Ertinya, kalau menjadikan langit dan bumi dan seluruh makhluk ini, pun boleh ALLAH lakukan, tentulah menjaga dan mengawalnya, boleh juga ALLAH lakukan. ALLAH mampu berbuat apa sahaja, tanpa pertolongan dan bantuan. Tetapi, mengapakah ALLAH menjadikan para malaikat untuk melaksanakan perintah-perintah-Nya? Ini kerana, ALLAH hendak menunjukkan kebesaran Kerajaan-Nya. ALLAH hendak menunjukkan kepada manusia betapa luas pemerintahan-Nya.

Yang malangnya, dalam pada ALLAH menunjukkan kepada manusia betapa luas kebesaran-Nya, itu pun manusia tidak menghormati-Nya, betapalah kalau ALLAH tidak menunjukkan kebesaran-Nya; bertambah-tambah lagilah semua manusia akan meleceh-lecehkan kuasa ALLAH. Kita telah dapat melihat betapa ALLAH telah menunjukkan kepada manusia ini berbagai-bagai kebesaran-Nya dan dengan berbagai-bagai cara termasuklah menjadikan begitu banyak malaikat untuk menjaga kebesaran Kerajaan-Nya. Namun manusia tidak juga hormat dan patuh kepada perintah-Nya. Masih ramai manusia yang melanggar perintah-Nya; masih ingkar, mungkar dan derhaka.

ALLAH Tidak Ambil Faedah Dari Perbuatan-Nya

Selain itu, ALLAH tidak mengambil faedah daripada perbuatan-Nya. Tidak seperti manusia, kalau dia membuat sesuatu, faedahnya mesti ada pada dirinya. Umpamanya, kalau dia buat tongkat, faedahnya mesti ada, sekurang-kurangnya untuk membantu dia berjalan atau untuk memukul anjing, dan sebagainya. Tetapi ALLAH tidak mendapat faedah daripada setiap perbuatan-Nya.

ALLAH menjadikan seluruh alam dan makhluk ini bukan untuk faedah ALLAH sendiri tetapi faedah itu kembali kepada makhluk. ALLAH tidak memerlukan apa-apa faedah kerana ALLAH SWT sudah terkaya dengan sendirinya. Yang mendapat faedah ialah kita. Dan sekiranya setiap perbuatan ALLAH itu tidak mahu kita terima dengan baik, maka yang akan rosak binasa adalah diri kita sendiri. Kita sendirilah yang hendak mencari nahas.

Dalam hal ini, hukum-hakam yang ALLAH jadikan seperti yang sunat, yang wajib, yang haram, yang makruh, yang harus, serta perkara-perkara yang sah dan batal, dan lain-lainnya, semua itu untuk faedah manusia sendiri. Ia bukan untuk faedah ALLAH SWT.Dan kerana itu, bukanlah bererti yang kalau semua manusia di dunia ini sudah ikut semua peraturan ALLAH, taat segala hukum-hakam-Nya, dan sebagainya, ALLAH berasa bangga dan berbesar hati serta Kerajaan-Nya akan bertambah besar. Tidak sekali-kali.

Begitu juga, bukan pula menjadi hina Kerajaan ALLAH itu apabila semua manusia tidak mahu taat kepada perintah-Nya serta melanggar hukum-hakam-Nya. ALLAH tidak juga akan berasa lemah dengan keadaan demikian.

Orang sembah ALLAH atau tidak, orang hendak ikut perintah ALLAH atau hendak boikot perintah-Nya, orang

hendak percaya kepada ALLAH atau tidak, semua itu tidak menjadi apa-apa kepada ALLAH. Kebesaran Kerajaan ALLAH SWT tidak akan cacat, dan yang akan merasa hina ialah makhluk itu sendiri.

ALLAH jadikan semua perintah dan hukum-hakam-Nya semata-mata untuk feadah manusia. Inilah di antara rahmat dan kasih sayang ALLAH kepada manusia agar manusia ini mendapat keselamatan di dunia dan di Akhirat. ALLAH datangkan peraturan-peraturan agar manusia selamat dalam semua bidang: selamat dalam bidang pendidikan, selamat dalam bidang ekonomi, selamat dalam bidang siasah, dan seterusnya hingga kepada soal negara dan hubungan alam sejagat.

Tetapi kalau rahmat ini manusia tidak mahu terima, manusia sendirilah yang mencari kecelakaan. ALLAH tidak rosak tetapi manusialah yang rosak kerana tidak mahu ikut peraturan yang telah diberikan. Samalah seperti di dalam sesebuah kerajaan manusia di dunia ini; ada peraturan dan perintah yang disediakan untuk manusia patuhi, seperti peraturan jalan raya dan sebagainya. Kalau orang ramai tidak mahu ikut, yang akan mendapat kecelakaan ialah mereka sendiri. Merekalah yang akan dihukum kerana tidak patuh kepada peraturan. Pemerintah tidak terjejas apa-apa.

Kerosakan Hasil Tangan Manusia

Tetapi, walaupun peringatan-peringatan telah ALLAH tunjukkan kepada manusia, ramai juga manusia yang sentiasa melanggar peraturan ALLAH. Sudah kita saksikan akibat yang menimpa manusia seperti berlakunya huru-hara di sana sini, jenayah, pembunuhan, pergaduhan, perogolan, perompakan, perselisihan yang mencetus peperangan, dan berbagai-bagai kecelakaan lain,

Semuanya kerana manusia melanggar perintah dan peraturan ALLAH. Walau maju dan berjaya bagaimana sekalipun sesebuah negara itu, seperti Amerika, Rusia dan negara-negara Barat, namun jenayah semakin menjadi-jadi. Pembunuhan berlaku di mana-mana. Hatta pembesar-pembesar negara pun banyak yang kena bunuh. Ini kerana, lebih ingkar dan derhaka. manusia itu kepada ALLAH, lebih berat kecelakaan yang akan menimpa mereka.

Ini merupakan iktibar untuk kita umat Islam. Sebab itulah ALLAH menyuruh kita menjelajahi seluruh pelusuk bumi ALLAH supaya kita dapat memerhatikan betapa derita dan celakanya kehidupan orang yang sentiasa derhaka dan dusta kepada ALLAH. Firman ALLAH di dalam Al Quran:

سِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ ثُمَّ ٱنظُرُواْ
كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُكَذِّبِينَ

Terjemahannya: ***Berjalanlah kamu di pelusuk bumi ALLAH ini, dan perhatikanlah bagaimana kesudahan mereka yang mendustakan.***

(Al An'am: 11)

Iktibar Dari Kerosakan

Jadi, kalau kita dapat menjelajah ke setiap pelusuk bumi ALLAH ini, maka yang hendak kita perhatikan ialah bagaimanakah keadaan mereka yang mendustakan ALLAH, yang ingkar dan mungkar dengan perintah-Nya.

Janganlah, apabila kita pergi ke negeri orang, kita menjadi orang itu dan bila kita balik, kita bawa balik perangai orang itu. Kita megah dengan kejayaan orang lain tetapi kita tidak saksikan kecelakaan yang telah

menimpa kehidupan mereka. Kita hanya menyaksikan kemajuan mereka tetapi kita tidak saksikan bagaimana hebatnya perogolan, bagaimana hebatnya perompakan dan pembunuhan,' dan lain-lain jenayah di tempat mereka yang semua itu merupakan keburukan.

Mengapakah keburukan itu menimpa mereka, sedangkan mereka dikatakan maju dan berjaya hingga sudah boleh sampai ke bulan?

Ini kerana, mereka mengenepikan Al Quran dan Sunnah. Mereka tidak mahu bertuhankan ALLAH. Dan kalau kita juga mengikut perangai orang-orang itu, pasti ALLAH juga akan menimpakan kecelakaan yang sama, malah mungkin lebih buruk lagi, ke atas kita.

Demikian ALLAH memberikan hukum-hakam dan peraturan kepada manusia ini supaya manusia boleh hidup aman damai serta berkasih sayang, tidak melakukan jenayah dan kemungkaran. Yang kaya akan membantu yang susah, dan yang susah pula akan sentiasa redha dengan kesusahannya. Inilah rahmat dan kasih sayang ALLAH kepada makhluk-Nya. Oleh kerana ALLAH yang menjadikan mahkluk, ALLAH-lah yang lebih mengetahui tentang keselamatan dan kesejahteraan hidup makhluk. ALLAH tidak sedikit pun mengambil faedah daripadanya.

Dan perbuatan ALLAH itu tidak ada yang sia-sia. Setiap perbuatan-Nya ada hikmah-hikmahnya. Tidak sepertimana perbuatan makhluk atau segala yang baharu seperti manusia ini, banyak yang terbuang begitu sahaja dan banyak yang sia-sia. Katalah manusia manghabiskan masa bermain judi di meja-meja judi, dan sebagainya. Bukankah itu perbuatan yang sia-sia. Jadi, kalau kita tinjau dan selidiki, banyak perbuatan kita yang sia-sia. Tetapi perbuatan ALLAH SWT tidak.

Kesimpulannya, Mukholafatuhu Taala lilhawadisi ia itu bersalah-salahan ALLAH Taala daripada segala yang baharu itu adalah meliputi pada zat-Nya, sifat-Nya dan eerbuatan-Nya.

Pendapat Ulama Terhadap Ayat-ayat Al Quran Yang Menceritakan Tentang 'Muka' Tuhan dan 'Tangan' Tuhan

Kita telah faham bahawa sifat Mukbolafatuhu Taala 1% hawadisi menunjukkan bahawa ALLAH tidak serupa dengan segala yang baharu sama ada pada sifat-Nya, zat-Nya ataupun perbuatan-Nya. Tetapi, kalau kita perhatikan di dalam Al Quran, ada ayat-ayat yang menyebut perkataan-perkataan seperti "tangan" Tuhan, "muka" Tuhan, Tuhan "di atas", dan seumpamanya. Ayat-ayat berbentuk kesamaran seperti ini dinamakan ayat mutasyabihat.

Ayat Mutasyabibat

Di sini kita akan memperkatakan tentang ayat-ayat mutasyabihat seperti ini dan membawakan pandangan-pandangan ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah terhadapnya. Kita akan perkatakan tentang perpecahan umat yang berlaku bersabit daripada ayat-ayat seperti ini.

Di dalam Al Quran, ada sepotong ayat yang berbunyi:

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ ﴿٢٦﴾ وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ذُو ٱلْجَلَٰلِ وَٱلْإِكْرَامِ ﴿٢٧﴾

Terjemahannya: *Setiap apa yang ada di muka bumi Tuhan ini akan binasa dan akan fana' sedangkan kekallah muka Tuhan engkau yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.*

(Ar Rahman: 26-27)

Begitu juga firman-Nya:

كُلُّ شَىْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُۥ

Terjemahannya: *Setiap sesuatu akan binasa kecuali muka-nya a*

(Al Qashash: 88)

Ayat ini mengatakan bahawa ALLAH SWT itu "bermuka". Kemudian ayat yang lain pula berbunyi:

يَدُ ٱللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ

Terjemahannya: *Tangan ALLAH itu di atas tangan-tangan mereka.*

(Fath: 10)

Ayat ini mengatakan bahawa ALLAH itu "bertangan" pula sedangkan ALLAH itu tidak sama dengan segala yang baharu. Ertinya, kalau segala yang baharu bertangan, ALLAH tidak bertangan, dan begitu juga kalau segala yang baharu bermuka, ALLAH tidak bermuka. Menurut Ahli Sunnah Wal **Jamaah,** ayat-ayat **mutasyabihat** atau dikatakan ayat-ayat kesamaran seperti ini tidak boleh dipegang hukumnya secara lahir. Maksudnya, kita tidak boleh terjemahkan ayat-ayat demikian dan mengamalkannya secara langsung. Kalau kita mengamalkan ayat-ayat demikian secara lahir, maka kita akan **menyeleweng** daripada ajaran yang sebenarnya.

Bentuk Ayat

Di dalam Al Quran ada dua bentuk ayat iaitu **ayat muktamad** dan **ayat mutasyabihat.**

Ayat muktamad ialah ayat yang sahih atau nyata yang tidak perlu ditafsir atau dihurai. Dengan hanya menterjemahkannya, ia sudah boleh dijadikan pegangan.

Ayat mutasyabihat pula perlu ditakwil kerana kita tidak boleh berpegang kepada maknanya secara langsung. Oleh itu, ulama-ulama Ahli Sunnah wal Jama-ah iaitu ulama-ulama yang berpegang kepada Al Quran dan Hadis, mentakwilkan atau mentafsir ayat-ayat ini menurut makna yang lain. Maksud takwil ialah, memberi makna yang lain kepada ayat-ayat mutasyabihat.

Kitab Matan Jauhara

Di dalam sebuah kitab tauhid bernama Matan Jauhara, yang terkarang dalam bentuk syair, terdapat sebentuk syair yang maksudnya:

> *Setiap nas, sama ada Al Quran atau Hadis, kalau didapati mengandungi ayat kesamaran atau ayat tasybib, maka hendaklah kita takwilkan*

Pengarang matan tersebut menganjurkan supaya kita mentakwil setiap ayat mutasyabihat atau, katanya, kalau kita tidak mentakwilnya, kita hendaklah menyerahkan pengertiannya kepada ALLAH SWT Ertinya, tidak payahlah kita huraikan atau perjelaskan maknanya. Hanya ALLAH sahajalah yang mengetahui maksudnya yang sebenar. Dengan berbuat demikian, kita dapat mempertahankan kemahasucian ALLAH SWT daripada segala yang baharu.

Golongan Ulama Ahli Sunnah wal Jamaah

Dalam mentakwilkan pengertian bahawa sesungguhnya di dalam Al Quran dan Hadis ada perkataan yang menyebut "muka" dan "tangan" ALLAH, ulama-ulama Ahli

Sunnah Wal Jamaah telah menimbulkan dua pendapat. Satu pendapat telah dikemukakan oleh ulama-ulama mutaqaddimin atau ulama salaf iaitu yang terdiri daripada para sahabat, para tabiin dan tabiit tabiin, iaitu mereka yang hidup sekitar 300 tahun selepas Rasulullah SAW.

Dan satu pendapat lagi telah dikemukakan oleh ulama mutaakhirin atau ulama khalaf iaitu mereka yang hidup selepas 300 tahun itu, termasuk ulama zaman ini.

Pendapat Ulama Mutaqaddimin

Pendapat yang dikemukakan oleh ulama mutaqaddimin ialah takwil yang mereka buat secara ijmali atau secara ringkas atau secara rangkuman. Jadi, bagi ayat-ayat yang menyebut "muka ALLAH" dan "tangan ALLAH", ulama mutaqaddimin mengekalkan terjemahan maksudnya tetapi tidak memberi takwilnya atau tafsirannya dengan makna yang lain.

Cuma mereka berpendapat bahawa maksud "muka"' dan "tangan" pada ALLAH itu tidak sama dengan segala yang baharu. Ertinya, ia tidak berbentuk, bertulang, berdaging atau berdarah seperti anggota-anggota makhluk. Bagaimanakah keadaannya? Hal ini terserahlah kepada ALLAH. Hanya Dia yang Maha Mengetahui. Jadi, di sini kita dapati yang ulama mutaqaddimin tidak mahu memberikan erti kalimah lain tetapi mengekalkan erti kalimah asalnya. Mereka hanya mentakwilnya secara ringkas sahaja.

Pendapat Ulama Mutaakhirin

Ulama mutaakhirin pula mentakwil setiap maksud ayat mutasyabihat dengan cara terhurai. Mereka memberikan

makna yang lain daripada apa yang diterjemahkan secara langsung.

Misalnya, kalau ayat tadi menyebut "muka ALLAH", maka **ulama mutaakhirin** mengtakwilkannya sebagai "zat ALLAH". Dengan ini nyata bahawa perkataan "muka" ALLAH itu telah dapat dihuraikan secara terperinci. Ertinya, kalau ditakwilkan "muka" sebagai zat, maka nyatalah bahawa zat ALLAH SWT tidak menyerupai segala yang baharu. Dan maksud "tangan" ALLAH yang terdapat dalam ayat kedua itu juga ditakwil secara terhurai. Walaupun di sini disebut "tangan" tetapi pada hakikatnya bukan tangan tetapi mereka takwilkan sebagai kuasa.

Jadi di dalam ayat yang membawa maksud **"tangan ALLAH mengatasi tangan-tangan orang kafir," ulama mutaakhirin** membahaskan "tangan" ini secara mantik atau lojik akal. Misalnya, kalau kita mengatakan yang seseorang itu kuat, gagah atau perkasa, bererti yang segala kekuatan atau kegagahannya bergantung kepada tangannya. Ia tidak terletak pada hidungnya atau telinganya, dan lain-lain. Jadi nyata di sini bahawa "tangan" itu menunjukkan kekuatan seseorang. Dan kalau demikian, sekiranya di dalam Al Quran atau Hadis ada terdapat perkataan "tangan ALLAH", ini hanya kiasan sahaja. Yang sebenarnya ialah "Kuasa ALLAH".

Inilah dua pendapat daripada dua golongan ulama Ahli Sunnah **wal Jamaah** mengenai **ayat mutasyabihat.** Walaupun kedua-duanya berbeza tetapi hakikatnya sama iaitu Maha Suci ALLAH yang tidak menyerupai dengan segala yang baharu.

Perpecahan Aqidah

Kalaupun ulama dahulu mengekalkan "tangan" sebagai

"tangan ALLAH", "muka" sebagai "muka ALLAH", tetapi diiktiqadkan sebagai yang layak bagi ALLAH SWT, bukanlah sebagaimana tangan dan muka bagi segala makhluk yang baharu. Dan di antara keduadua pendapat itu, pendapat ulama yang dahulu **(ulama mutaqaddiiin)** yang lebih selamat untuk kita pegang. Berpunca daripada **ayat mutasyabihat** ini, maka berlakulah apa yang dimaksudkan di dalam sebuah Hadis Rasulullah:

وَالَّذِى نَفْسِى مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَتَفرِقَ أُمَّتِيْ عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِيْنَ فِرْقَةً فَوَاحِدَةٌ فِى الْجَنَّةِ وَثَنَانِ وَسَبْعُوْنَ فِى النَّارِ: قِيْلَ مَنْ هُمْ يَا رَسُوْلَ اللهِ؟ قَالَ أَهْلُ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ

Terjemahannya: *Demi diriku Muhammad di* tangan*nya, akan berpecahlah umatku kepada 73 puak; satu puak saja masuk syurga manakula 72 puak* lagi akan *berada di dalam Neraka. Lalu Rasulullah ditanya, siapakah gerangan mereka itu wahai Rasulullah? Sabda Baginda: Mereka adalah Ahli .(yang mengikut) Sunnah dan Jamaah (Sahabat).*

(Riwayat: At Tabrani)

Jadi Rasulullah SAW telah berkata bahawa akan timbul nanti golongan-golongan atau firqah-firqah dalam bidang aqidah atau tauhid selepas kewafatannya. Dan. Rasulullah itu **sodiqul masduq,** seorang "yang benar lagi dibenarkan", dan kerana itu apa yang dikatakannya pasti berlaku. Maka benar telah timbu173 **golongan** yang mana 72 daripadanya adalah golongan sesat. Dan di antara yang boleh menimbulkan perpecahan-perpecahan atau golongan-golongan itu ialah **ayat-ayat mutasyabihat** ini.

Pendapat Bukan Ahli Sunnah wal Jamaah

Bagi golongan-golongan yang tidak mahu berpegang kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah, mereka tidak mahu mentakwilkan ayat-ayat mutasyabihat ini. Malah mereka terus berpegang kepada makna yang tersurat, iaitu makna pada zahirnya sahaja. Mereka tidak mahu mencungkil makna yang tersirat. Bagi mereka, cukuplah dengan berpegang kepada makna yang zahir itu tanpa ditakwil-takwil mengikut pegangan kedua-dua kumpulan ulama, ulama mutaqaddimin atau ulama mutaakhirin.

Dengan itu timbullah golongan musyabihah atau golongan yang dinamakan mazhab mujassimah atau golongan hasyawiyah.

Mazhab Musyabihah

Mereka ialah orang yang menyerupakan ALLAH dengan segala yang baharu atau dengan makhluk. Ini kerana mereka berpegang dengan ayat-ayat mutasyabihat ini, malah mereka terus berpegang kepada makna yang tersurat yakni makna pada zahirnya sahaja. Mereka tidak mahu mencungkil makna yang tersirat.

Golongan Mujasshnah

, Mereka juga menganggap ALLAH itu berjisim, bertubuh atau berbadan. Golongan hasyawiyah pula ialah golongan yang beromong-omong kosong atau golongan yang selalu temberang. Dalam memperkatakan ALLAH pun mereka cuba hendak berbohong.

Golongan-golongan yang telah kita perkatakan itu tidak mahu mentakwil ayat-ayat mutasyabihat.

Pendapat Ulama Mutaqaddimin

Walaupun kita dapati **ulama mutaqaddimin** daripada Ahli Sunnah **Wal Jamaah** tidak mentakwilkan ayat ini, namun mereka berpendapat kalaupun benar ALLAH bertangan atau bermuka, namun tangan dan muka ALLAH tidak sama dengan segala yang baharu. Sedangkan golongan-golongan tadi menerima makna **ayat-ayat mutasyabihat** sebagaimana yang terkandung padanya tanpa ditakwil. Ertinya, kalau di dalam ayat Al Quran atau Hadis dikatakan ALLAH "bermuka*, maka mereka menganggap ia sama dengan muka makhluk. Kalau muka makhluk berjisim, bertubuh dan berdarah, maka muka ALLAH pun demikianlah. Inilah golongan-golongan yang menyeleweng aqidah mereka tetapi masih menganggap diri mereka Islam yang berpegang kepada Al Quran dan Hadis. Mereka itu golongan yang sesat.

Pecah 73 Puak

Dan kalaulah keadaannya demikian, sudah timbul pada hari ini **73 puak** yang dikatakan oleh Rasulullah itu. Hendaklah kita berhati-hati kerana dalam persoalan yang berat-berat, memang susah bagi kita untuk membezakan puak-puak itu, kecuali kalau kita mempunyai ilmu pengetahuan. Maka terkelirulah kita untuk mengenali fahaman satu-satu puak itu, sama ada mereka berfahaman syiah atau **muktazilah** atau **hajariah** atau **musyabihah** atau **rasdhiah** atau qadariah atau **jabariah,** atau lain-lainnya.

Inilah yang akan timbul pada akhir zaman. Bahkan di dalam kitab ada dikatakan yang daripada **73 golongan** ini, akan timbul lagi pecahan-pecahan dan ranting-ranting yang berjumlah hingga 700. Kalau kita hendak tesiskan puak-puak yang berjumlah 700 itu, sampai-mati pun kita tidak akan dapat membuatnya.

Tokoh-tokoh Mujassimah

Di antara tokoh-tokoh besar musyabihah atau kaum mujassimah, ialah Abu Abdullah ibnu Hamid, Kadhi Abu Yaala Muhammad bin Hussin, Hassan Ali bin Ubaidullah, dan seorang lag-i bernama Jaad bin Dirham. Mereka inilah pelopor awal mazhab musyabihah. Fahaman mereka sudah tersebar luas terutama di kalangan masyarakat Arab Timur Tengah, di kalangan penduduk Parsi di Afrika, kemudian di India, dan mungkin di tempat kita juga ada tetapi tidak begitu ramai.

Mereka juga ada mengeluarkan buku-buku untuk mempertahankan fahaman mereka. Kerana itu ulama-ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah terpaksa pula mengeluarkan buku-buku bagi menolak fahaman mereka itu. Di antara ulama yang mengarang sebuah buku khas bagi menolak fahaman musyabihah dan menyelamatkan aqidah umat ialah Jamaluddin ibnu Al Jaabi Al Hambali. Buku yang dikarangnya (dalam bahasa Arab) bertajuk Dhab'usubhatitasybih Warabul Mujasyimah.

Tafsiran Ayat-ayatMutasyabihat

Seterusnya, lain-lain ayat mutasyabihat ialah ayat yang berbunyi:

ٱلرَّحۡمَٰنُ عَلَى ٱلۡعَرۡشِ ٱسۡتَوَىٰ

Terjemahannya: Allah *itu duduknya di atas Arasy.*
(Thoha: 5)

Dalam ayat lain pula, ALLAH berfirman:

بَل رَّفَعَهُ ٱللَّهُ إِلَيۡهِۚ

Terjemahannya: ***Bahkan ALLAH telah mengangkat Nabi Isa itu kepada-Nya.***

(An Nisa': 158)

Kemudian di dalam ayat yang lain, ALLAH berfir-man:

ٱللَّهُ نُورُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ

Terjemahannya: ***ALLAHlah cahaya tujuh lapis langit dan bumi.***

(An Nur: 35)

Tafsiran Mujassimah

Dalam memperkatakan ayat-ayat ini, kita akan bentangkan pendapat kaum mujassimah mengenai maksud "ALLAH itu duduk-Nya di atas Arasy." Mereka telah menterjemahkan maknanya secara lahiriah dan mengamalkannya langsung. Mereka menganggap ALLAH itu duduk bersemayam di atas Arasy, dan duduk sepertimana kita duduk bertimpuh. Dengan demikian, samalah ALLAH itu dengan segala yang baharu. Bagaimana tidak! Kalau sudah mereka mengiktiqadkan bahawa ALLAH itu duduk "istawa" di atas Arasy, sepertimana manusia duduk bertimpuh. Dan mereka tidak mahu mentakwilkan maksud terjemahan tersebut. Malah mereka mempertahankan apa yang tersurat itu sahaja. Pegangan demikian rosak.

Kemudian di dalam ayat yang membawa maksud, "ALLAH telah mengangkat Nabi Isa kepada-Nya," kaum mujassimah juga menterjemahkan apa yang tersurat sahaja. Kata mereka, "ALLAH mengangkat Nabi Isa kepada-Nya memberi pengertian bahawa ALLAH itu di atas. Dan mereka terus berpegang kepada pendapat ini iaitu

ALLAH itu di atas. Kalau demikian, berertilah bahawa ALLAH itu sudah berpihak. Sedangkan ALLAH itu tidak berpihak dan tidak pula di dalam pihak. Bagaimana pula mungkin ALLAH itu berpihak sedangkan pihak itu sendiri pun ALLAH yang menjadikan. Lagi sekali pendapat **ulama mujassimah** ini mesti kita tolak.

Ayat yang ketiga itu pula membawa maksud "ALLAH **itu cahaya langit dan bumi".** Dalam ha1 ini, mereka menganggap ALLAH itu cahaya. Dan pada mereka apa perlu kita takwil lagi ayat ini kerana ALLAH sendiri telah mengatakan yang Dia adalah cahaya. Mereka menyangkal terus pendapat ulama Ahli Sunnah **wal Jamaah** yang mentakwilkan maksud "cahaya" itu.

Kalau mereka sudah menganggap yang ALLAH itu cahaya, maka samalah ALLAH dengan segala yang baharu kerana cahaya itu baharu, seperti cahaya lampu atau cahaya matahari. Dan hujah kita kepada mereka pula ialah, kalaulah ALLAH itu cahaya, maka tentulah tidak ada malam dan siang kerana bukankah ALLAH itu sentiasa ada! Bermakna kalau ALLAH itu sentiasa ada, maka cahaya-Nya sentiasa ada dan tidaklah ada kegelapan malam. Tetapi kerana adanya malam, maka tentulah ALLAH itu bukannya cahaya.

Tafsiran Ahli Sunnah wal Jamaah

Bagaimanakah pendapat **Ahli** Sunnah **wal Jamaah** dalam ketiga-tiga perkara ini? Dalam ayat yang pertama, **Ahli** Sunnah **Wal Jamaah** mentakwilnya dengan memberikan maksudnya sebagai, "Tuhan yang Maha Pengasih lagi Penyayang yang menguasai Arasy." Ertinya, ALLAH menguasai Arasy, bukannya duduk di atas Arasy sepertimana kita duduk. Sedangkan langit dan bumi, ALLAH yang menjadikan, maka ALLAH-lah yang menguasai Arasy.

Demikianlah caranya ulama Ahli Sunnah **wal Jamaah** mentakwilkan **ayat-ayat mutasyabibat.** Dan kalau kita berjumpa di dalam Al Quran atau Hadis makna bagi ayat-ayat kesamaran seperti ini, janganlah kita berpegang kepada maksud yang diterjemahkan secara lahiriah seperti itu. Semua terjemahan Al Quran dibuat mengikut makna secara lahirnya. Tetapi janganlah kita berpegang kepada terjemahan lahiriah seperti itu. Hendaklah kita tinjau pegangan **Abli** Sunnah wal **Jamaah** mengenainya. Kalau kita masih ragu lagi, jangan kita takwil apa-apa. Kita tunggu dahulu dan cari dalam kitab-kitab akan takwil yang dibuat oleh ulama-ulama kita.

Kemudian Ahli Sunnah wal **Jamaab** mentakwilkan ayat yang bermaksud, **"Bahkan ALLAH mengangkat Nabi Isa kepada-Nya"** sebagai "satu kemuliaan". Perkataan "angkat" yang diterjemahkan dalam ayat itu memberi pengertian "mulia" kerana setiap satu yang mulia itu bukankah duduknya di atas. Umpamanya kalau kita memuliakan Al Quran, tentulah kita letak ia di atas atau di tempat yang tinggi. Jadi, "angkat" di sini ialah satu tanda kemuliaan. ALLAH hendak memuliakan Nabi Isa dengan mengangkatnya iaitu meletakkan baginda di tempat yang mulia agar baginda terselamat daripada orang yang hendak membunuhnya.

Dan dalam ayat yang bermaksud, "ALLAH **cahaya tujuh lapis langit dan bum?',** ulama-ulama Ahli Sunnah wal **Jamaah** mentakwilkan perkataan "cahaya" itu sebagai penyuluh dan petunjuk. Bukankah cahaya itu sesuatu yang memberi terang? Jadi bererti, setiap yang gelap akan dapat disuluh oleh cahaya. Dan penyuluh dari cahaya itu, tentunya menjadi petunjuk atau panduan dan pedoman kepada kita, yakni dalam hidup kita.

Jadi kalau demikian, "Nur" yang dimaksudkan dalam ayat itu bererti "mengikut petunjuk ALLAH". Ertinya,

ALLAH itu menjadi petunjuk kepada langit dan bumi. Kalau di langit ada malaikat, maka ALLAH-lah yang menjadi petunjuk kepada malaikat; dan di bumi ada manusia, maka ALLAH jugalah yang menjadi petunjuk kepada manusia. Bukannya ALLAH itu cahaya.

Dali1 Ahli Sunnah wal Jamaah

Demikianlah pendapat **Ahli Sunnah wal Jamaah** mengenai **ayat-ayat mutasyabihat.** Bagi kita, sama ada kita mengikut pendapat **ulama salaf** atau **ulama khalaf,** kita berfahaman bahawa Allah itu tidak serupa dengan segala yang baharu. Inilah pegangan bagi **Ahli Sunnah wal Jamaah** iaitu bersandar kepada firman ALLAH:

فَاطِرُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ جَعَلَ لَكُم مِّنْ
أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَمِنَ الْأَنْعَامِ أَزْوَاجًا ۖ يَذْرَؤُكُمْ فِيهِ ۚ
لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ ۖ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Terjemahannya: *ALLAH-lah yang mencipta tujuh lapis langit dan bumi. Dia telah menjadikan daripada kamu berpasangan-pasangan dan begitu juga daripada binatang-binatang, hidup berpasang-pasang supaya kamu menjadi banyak dan menjadi biak daripadanya. Tidak ada satu pun yang serupa dengan Dia. Dialah yang Maha Mendengar Lagi Maha Melihat.*

(As Syura: 11)

ALLAH menyebut **"Tidak ada satu pun yang serupa dengan Dia."** Iaitu tidak ada yang menyerupai ALLAH, segala yang baharu, sama ada kayu, batu, manusia, atau apa sahaja. Dan ALLAH Maha Mendengar dan Maha Melihat. Ini telah disebutkan di dalam Al Quran tetapi

golongan mujassimah atau musyabihah masih lagi meng-iktiqadkan bahawa ALLAH itu bertubuh atau berjisim atau menyerupai segala yang baharu. Dengan itu, hendaklah kita berhati-hati benar terhadap terjemahan-terjemahan Al Quran dan Hadis, dan janganlah kita berpegang kepada makna lahiriahnya sebagaimana pegangan golongan mujassimah.

Ayat-ayat Mutasyabihat Selain Aqidah

Selain ayat-ayat mutasyabihat dalam bidang aqidah, ada juga ayat yang serupa dalam bidang hukum. Kalau kita berpegang kepada makna lahir ayat seperti ini dalam bidang feqah, kuranglah beratnya, tetapi kalau kita berpegang kepada makna ayat mutasyabihat ini dalam bidang aqidah, sesatlah kita.

Cuba kita perhatikan betapa bahayanya kalau kita hanya berpegang kepada makna lahir ayat sahaja. Di dalam satu ayat ALLAH berfirman:

اِعْمَلُوا مَا شِئْتُمْ

Terjemahannya: ***Buatlah apa yang kamu kehendaki.***
(Fusilat: 40)

Dalam ayat ini, ALLAH seolah-olah menyuruh kita berbuat apa sahaja. Bermakna, kalau kita berpegang kepada makna lahir ayat itu, maka tidak ada lagi halal haram, kerana kita sudah boleh berbuat apa sahaja yang kita mahu. Tidakkah ini merbahaya kalau kita tidak mencari maknanya yang tersirat?

Cuba kita perhatikan satu ayat lagi yang berbunyi:

فَمَنْ شَآءَ فَلْيُؤْمِنْ وَمَنْ شَآءَ فَلْيَكْفُرْ

Terjemahannya: Barang ***siapa yang ingin beriman, silalah beriman. Barang siapa yang ingin kafir biarlah dia kafir.***

(Al Kahfi: 29)

Kalau kita hendak beriman boleh, dan kalau kita hendak menjadi kafir pun boleh, tidak menjadi salah apa-apa. Inilah maksud ayat mutasyabihat ini kalau kita berpegang kepada makna lahirnya sahaja. Tetapi kalau kita perhatikan makna yang tersirat di dalamnya, barulah kita faham bahawa, yang sebenarnya ALLAH menyindir kita.

ALLAH telah memberikan segala petunjuk ke jalan yang baik tetapi manusia masih juga berdegil; kalau demikian, seolah-olah ALLAH keluarkan perintah yang barangsiapa hendak mengikutnya, ikutlah, dan kalau ada yang tidak mahu ikut pun, suka hati dialah, tetapi bersedialah dengan Neraka yang telah disediakan untuknya.

Sindiran Daripada ALLAH

Ini berupa ugutan halus daripada ALLAH. Samalah seperti kita mengugut anak kita kalau dia berdegil. Kias-kiaskan sahaja dengan lembut seolah-olah membenarkan anak itu berbuat apa sahaja yang disukainya. Padahal yang sebenarnya, kalau dia melanggar suruhan kita, ertinya hukumanlah yang akan menunggunya.

Misalnya, si ibu sedang sibuk memasak manakala si anak memekik meminta makan. Walaupun dikatakan berkali-kali oleh ibunya supaya bersabar menunggu untuk makan bersama-sama ayahnya, tetapi anak itu berdegil hendak makan. Akhirnya kerana ibu sudah hilang sabar, dia pun meletakkan makanan di hadapan anak itu lalu disuruhnya makan tetapi dengan bahasa yang menyindir

seperti, "Nah! Makan! Makanlah suka hati kamu! Makan habis-habis!" atau dengan sindiran-sindiran lain. Ini bukan menyuruh namanya. Mungkin bagi anak kecil yang ibunya terpaksa menyuapkan makanan ke mulut, akan disuap oleh si ibu hingga ke muka anak itu. Dan mungkin lubang hidung pun disumbatkannya dengan makanan.

Dan begitu jugalah maksud perintah ALLAH di dalam ayat-ayat seperti itu. Kerana itu, kita perlu berhati-hati dengan terjemahan-terjemahan Al Quran dan Hadis.

Kebenaran Kata-kata Rasulullah

Rasulullah SAW telah bersabda dalam Hadisnya yang mengingatkan kita bahawa pada akhir zaman umatnya yang berpecah kepada 73 puak, dan hanya satu puak sahaja yang betul sedangkan 72 puak lagi akan masuk Neraka. Yang satu puak itu ialah puak Ahli Sunnah WaI Jamaah. Dalam kalangan puak yang satu ini, ada juga yang masuk Neraka tetapi tidaklah kekal di dalamnya, manakala puak yang 72 itu kekal selama-lamanya di dalam Neraka.

Dalam pada itu, ada pula ulama yang menyelidik dan mendapati bahawa yang '72 golongan itu pula berpecah hingga menjadi 700 puak. Misalnya, puak muktazilah sahaja berpecah kepada 20 puak, syiah kepada 22 puak, dan khawarij berpecah kepada 20 puak lebih. Perpecahan ini ialah dalam bidang aqidah.

Ramalan Rasulullah Untuk Umat Akhii Zaman

Perpecahan dalam bidang-bidang lain juga ada disebut oleh Rasulullah. Dan setiap apa yang disebut oleh Rasulullah itu pasti akan berlaku kerana sebagaimana yang

telah kita katakan, Rasulullah itu seorang yang benar lag-i dibenarkan.

Dalam bidang kemasyarakatan misalnya, Rasulullah ada berkata dengan memberi maksud bahawa, pada akhir zaman nanti akan ada anak-anak yang tidak taat lagi kepada ibu bapanya, isteri-isteri tidak taat kepada suami-nya, akhlak akan runtuh, perempuan-perempuan tidak akan malu lagi, dan sebagainya. Dan ini semuanya sudah terjadi. Ramai ibu bapa yang merintih kerana anak-anak berani melawan mereka dan tidak taat kepada mereka lagi. Pada hari ini, perempuan-perempuan memang tidak pemalu lagi. Mereka tidak segan lagi mendedahkan anggota badan seperti paha, dada, dan sebagainya. Malah lebih hebat daripada itu pun telah berlaku. Hingga hari, ini, jenayah tidak dapat dikawal-kawal lagi. Banyak sekali berlaku pembunuhan, perogolan, dan sebagainya.

Begitu jugalah dalam bidang-bidang lain, semuanya ada diperingat oleh Rasulullah. Dalam bidang kehidup-an dan ekonomi misalnya, Rasulullah ada peringatkan kita bahawa pada akhir zaman nanti, sukar bagi manu-sia hendak mendapatkan makanan yang halal. Dan ha1 ini sudah berlaku. Paling tidak, kita telah terlibat dengan perkara-perkara syubhat. Seolah-olah kita tidak dapat mengelak daripadanya.

Orang yang tidak makan gaji sekalipun tidak terelak daripada syubhat, kerana barang-barang yang dibeli dari kedai-kedai itu sendiri terlibat dengan syubhat kalaupun tidak haram. Kecualilah orang yang tidak makan gaji dan tidak membeli barang; semua barang keperluan dibuat dan diusahakan sendiri, seperti padi dan sayur-sayur ditanam sendiri, ikan ditangkap sendiri, hinggakan garam dan gula pun dibuat sendiri. Barulah mungkin dapat mengelak daripada segala-galanya. Kerana itu, kita tidak boleh berbangga kalau sekadar kita tidak makan gaji.

Cuma apa yang kita boleh buat ialah berikhtiar untuk mengelakkan. diri sekurang-kurangnya daripada perkara syubhat. Namun, kalau setelah dicuba-cuba, ada juga yang tidak dapat dielakkan, maka yang itu kita harap agar ALLAH beri pengampunan kepada kita. .Moga-moga ALLAH maafkan kita kerana sudah sukar untuk dielakkan kerana memang semuanya sudah najis.

Kalau kita hendak hidup semula mengikut keadaan semula jadi, pun sudah sukar. Misalnya, hendak makan ikan, sungai sudah tidak ada ikan lagi. Pokok-pokok, kayu-kayan dan ulam semuanya habis kena tebang dan kena tebas kerana kawasannya sudah dijadikan kawasan kemajuan dan sebagainya. Kalau dulu kita dapati banyak cendawan busut dan sebagainya, sekarang sudah tidak ada busut. Jangankan busut, gunung pun orang runtuhkan. Kerana itu, tidak ada lagi yang semula jadi daripada ALLAH.

Bagaimana Pula Peringatan Rasulullah Dalam Bidang Perjuangan?

Dalam satu Hadis, Rasulullah bersabda yang maksudnya, pada akhir zaman nanti ada orang yang berperang sedang yang membunuh dan yang kena bunuh sama-sama masuk Neraka. Kenapa berlaku demikian? Kerana masing-masing bukan lagi berjuang kerana ALLAH. Ini nyata disebut oleh Rasululllah di dalam ‘Hadisnya.

Kerosakan Di Bidang Politik

Kemudian dalam bidang politik pula, Rasulullah ada berkata yang bermaksud, ketua-ketua masyarakat atau ketua-ketua kaum semuanya orang jahat-jahat belaka. Kenapa pula ha1 seperti ini berlaku? Bagaimana tidak, pada akhir zaman nanti orang yang jahat dianggap baik.

Jadi kalau yang jahat sudah dianggap baik, maka orang itu sahajalah yang dikatakan baik, dan kalau dia dilantik menjadi ketua kerana orang menganggapnya baik, maka orang yang jahatlah yang sebenarnya menjadi ketua. Dan orang yang sebenarnya baik tidak terpilih kerana orang yang baik itu dianggap jahat; tentu sekali orang tidak akan memilih orang jahat menjadi ketua.

Hal inilah yang berlaku di seluruh dunia hari ini. Orang yang paling mendapat tempat di tengah masyarakat ialah orang yang paling jahat, kata Rasulullah. Dan orang ini ialah orang yang tidak kenal ALLAH dan tidak kenal Rasul. Dan orang-orang ini tidak pergi ke surau dan tidak pergi ke masjid. Kalaupun dia pergi ke surau dan ke masjid, tetapi dengan maksud-maksud tertentu, bukan kerana hendak mengadap ALLAH.

Inilah yang memerlukan kita berhati-hati pada zaman yang penuh pancaroba dan dugaan ini, terutama berhubung dengan aqidah. Kerana itu, hendaklah kita banyak mencari ilmu pengetahuan, dan hendaklah kita sentiasa mendampingkan diri dengan orang baik-baik dan berilmu. Lainlah bagi seorang yang alim yang tidak payah bersandar kepada orang lain.

Uzlah Dari Masyarakat

Tetapi kita yang tidak berilmu ini terpaksa bergantung kepada orang berilmu. Tidak bolehlah kita beruzlah (mengasingkan diri), takut-takut syaitan yang menguasai kita hingga secara tidak sedar kita tersesat dalam alam kerohanian. Dalam pada itu, hendak beruzlah itu pun amat sukar kerana hutan-hutan sudah tidak ada, dan kalau hendak beruzlah di gua-gua, takut kalau-kalau menimbulkan prasangka daripada satu-satu kaum pula.

Jadi nampaknya kerosakan sudah berlaku dalam

semua bidang pada akhir zaman ini. Terutama sekali dalam bidang ilmu pengetahuan. Kalau kita tidak mempunyai ilmu pengetahuan, sama ada dalam bidang feqah atau tauhid, maka gelaplah hidup kita kerana ilmu itu merupakan cahaya yang menjadi penyuluh dalam hidup kita. Ia dapat menyuluh mana yang halal dan mana yang haram, mana yang hak dan mana yang batil, mana yang benar dan yang mana tidak benar, atau mana yang sesat dan mana yang tidak sesat. Dan kalau kita tidak ada ilmu, kita sudah jatuh bersalah, dan kita akan berburuk sangka kepada ALLAH. Bertambah beratlah salahnya.

Tersalah Pegangan

Setakat ini kita telah memperkatakan tentang **ayat mutasyabihat.** Kita belum memperkatakan tentang aqidah iaitu tentang beberapa mahzab daripada mazhabmahzab yang sesat seperti **muktadah, khawarij,** syiah, dan lain-lain. Jangan-jangan pegangan kita sudah tersalah kerana kita anggap itulah pegangan Ahli Sunnah **Wal Jamaah.** Sebabnya, pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah sendiri pun kita tidak kenal habis, dan kita tidak pula tahu benar-benar aqidahnya. Kita juga tidak tahu benar-benar tentang mahzabmahzab yang lain untuk dijadikan perbandingan.

Kadang-kadang pula kita terjumpa kitab lalu kita baca, dan kemudian kita iktiqadkan atau kita jadikan pegangan sedangkan kita tidak kenal siapa pengarangnya serta aqidah dan mahzabnya. Dan lebih-lebih lagi perlu kita ingat di sini bahawa mana-mana ulama yang ditonjolkan oleh orang-orang Barat, kebanyakannya adalah ulama yang terkeluar daripada **Ahli Sunnah Wal Jamaah.** Orang-orang Barat pula tidak menceritakan tentang aqidahnya atau mahzabnya; yang diceritakan cuma tentang

karangannya, buah fikirannya, dan lain-lain.

Sebab itu kita tidak temui nama ulama-ulama ter: kenal seperti Imam Ghazali, Imam Syafie dan beribu-ribu lagi imam terkenal daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah yang ditonjol-tonjolkan oleh Barat. Mereka tahu bahawa ulama-ulama ini merbahaya kepada mereka. Dan kalaupun ada yang mereka tonjolkan, seperti Imam Ghazali, mereka tidak memperkatakan aqidahnya yakni mereka tidak menonjolkan ilmunya dalam bidang tauhid. Yang mereka tonjolkan cuma ilmunya dalam bidang falsafah saja.

Sikap Ahli Sunnah wal Jamaah

Berbalik kepada ayat mutasyabihat, apabila Ahli Sunnah wal Jamaah berjumpa dengan ayat-ayat ini, mereka akan mentakwilnya iaitu mencari makna yang paling sesuai supaya aqidah tidak rosak. Dengan demikian, undang-undang Islam itu sendiri terselamat.

Tetapi bagi ulama-ulama selain daripada Ahli Sunnah wal Jamaah seperti ulama musyabihah atau mujassimah, mereka tidak mahu mentakwilkan ayat-ayat yang demikian, sebaliknya terus berpegang kepada makna lahiriahnya. Dan tersesatlah mereka. Kerana itu, kalau kita membaca Al Quran serta terjemahannya, hendaklah kita baca sama tafsirnya walaupun tafsir ringkas kerana Al Quran itu perlu pada tafsirnya bukan pada terjemahannya.

Kalau sekadar terjemahan saja, orang Arab tidak perlu mengaji kerana bahasa Al Quran itu bahasa mereka. Tetapi' mereka terpaksa juga mengaji kalau hendak memahami tentang Islam. Sebab di dalam Islam itu, Al Quran perlu ditafsirkan kaedah-kaedah nahunya, kaedah mantik, dan sebagainya. Dengan demikian sajalah baru dapat dibongkar apa yang tersirat.

BAB 7:

Sifat Yang kelima bagi Allah:

QIAMUHU BINAFSIHI

Yang kelima - Qiamuhu Taala Binafsihi. Ertinya berdiri ALLAH dengan sendiri (bersendirian) tidak berkehendak kepada tempat berdiri (zat) dan tiada berkehendak kepada yang menjadikan Dia. Maka hakikatnya ibarat daripada menafikan ALLAH Taala berkehendak kepada tempat berdiri dan kepada yang menjadikan Dia. Tegasnya, ALLAH Taala itu terkaya dan tiada berhajat kepada sesuatu sama ada pada perbuatan-Nya atau hukuman-Nya tetapi Tuhan menjadikan tiap tiap suatu dan mengadakan undang-undang semuanya untuk faedah dan muslihat yang kembali kepada sekalian makhluk dan ia menjadikan semata-semata kerana kelebihan-Nya dan belas kasihan-Nya, bukan sekali-sekali kerana berhajat kepada faedah.

Maka Tuhan terkaya daripada mengambil manfaat atas taat hamba-Nya dan tidak sekali-sekali menjadikan mudharat kepada-Nya oleh sebab maksiat hamba-Nya hanyasanya disuruh, diperintah, ditegah makhluk itu iaitu bagi perkara yang kembali faedah-Nya kepada makhluk jua sebagaimana firman-Nya:

مَّنْ عَمِلَ صَٰلِحًا فَلِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَنْ أَسَآءَ فَعَلَيْهَا ۗ

Ertinya: Barang ***siapa berbuat*** amal ***yang soleh maka pahalanya itu kembali pada dirinya,*** dan ***barang siapa berbuat jahat*** maha balasannya (seksanya) ***itu*** t-wtanggung ***ke atas*** dirinya ***jua.***

(Fushilat: 46)

Dan lagi firman-Nya:

إِنْ أَحْسَنتُمْ أَحْسَنتُمْ لِأَنفُسِكُمْ ۖ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا ۚ

Ertinya: ***Jika kamu berbuat kebajikan maka kebajikan*** itu terpulang ***bagi diri kamu (kerana pahalanya itu kembali kepada*** diri kamu) dan ***jika kamu berbuat jahat maka kejahatan itu terpulang*** kepada ***diri*** kamu sendiri ***(kerana diusahanya kembali kepada diri kamu jua).***

(Isra': 7)

Maka kata Syeikh Suhaimi Rahimahullahutaala adalah segala yang maujudat itu dengan nisbah berkehendak kepada tempat dan kepada yang menjadikan Dia itu terbahagi 4 bahagian:

(1) Terkaya daripada tempat berdiri dan daripada yang menjadikan Diaiaitu zat ALLAH Taala.

(2) Berkehendak kepada tempat berdiri dan kepada yang menjadikan Diaiaitu segala aradh.

(3) Terkaya daripada itu zat tempat berdiri tetapi berkehendak kepada yang menjadikan Dia iaitu segala jirim.

(4) Terkaya daripada yang menjadikan Dia dan berdiri pada zat iaitu sifat Allah Taala.

Pengertiau 'Qiamuhu Taala Binafsihi'

SIFAT yang kelima yang wajib bagi ALLAH Taala ialah sifat **Qiamuhu Taala Binafsihi.** Ertinya: berdiri ALLAH SWT itu dengan sendiri. Dengan kata lain, ALLAH SWT itu tidak berhajat kepada tempat berdiri dan tidak berkehendak kepada yang menjadikan Dia.

Di sini hendaklah kita ingat benar-benar bahawa **Qiamuhu Taala Binafsihi** ini tidak boleh kita bawakan pengertiannya kepada sifat makhluk. Berdiri dengan sendiri yang berlaku kepada makhluk kita ertikan sebagai bangun berdiri daripada keadaan duduk tanpa pertolongan sesiapa. Lalu dikatakan dia berdiri dengan sendiri. Tetapi berdiri dengan sendiri yang berlaku pada ALLAH SWT tidak demikian.

ALLAH SWT itu berdiri dengan sendiri dalam ertikata bahawa ALLAH tidak berkehendak kepada zat tempat Dia berdiri. Dan ALLAH SWT tidak memerlukan yang menjadikan Dia.

Tiada Siapa Yang Menjadikan-Nya

Sebenarnya, memang ALLAH SWT itu tidak ada siapa yang menjadikan. Sekadar sebagai perbahasan, kalaulah ALLAH SWT itu memerlukan zat tempat Dia berdiri, ini

member-i erti bahawa ALLAH SWT bukan lagi zat tetapi sifat. Kerana yang memerlu kepada zat tempat berdiri adalah sifat. Sedangkan sifat berdiri pada zat. Sebelum ini kita telah bahaskan bahawa ALLAH SWT bukan sifat tetapi zat. Kerana itu, kita tidak boleh mengatakan ALLAH SWT memerlukan tempat Dia berdiri kerana yang memerlu kepada tempat berdiri adalah sifat. ALLAH bukan sifat.

Tiada Memerlukan Sesuatu

Kemudian dikatakan yang ALLAH SWT itu tidak memerlu kepada yang menjadikan Dia. Kalaulah ALLAH SWT itu memerlu kepada yang menjadikan-Nya, maka dengan sendirinya kita telah mengatakan bahawa ALLAH SWT itu baharu. Kalau begitu, ALLAH itu bukan Tuhan lagi kerana Dia dijadikan. Sedangkan Tuhan yang sebenarnya, tidak ada yang menjadikan-Nya. Oleh kerana ALLAH SWT itu tidak ada siapa yang menjadikan-Nya, maka Dia tidak berhajat kepada yang menjadikan-Nya.

Kaya Yang Tersendiri

Tegasnya, ALLAH SWT itu terkaya dengan sendirinya. Dia tidak memerlu kepada tempat berdiri dan tidak memerlu kepada yang menjadikan-Nya, kerana sememangnya ALLAH SWT itu tidak ada siapa yang menjadikan. Oleh kerana ALLAH SWTitu terkaya dengan sendirinya, Dia tidak berhajat kepada apa sahaja, sama ada pada perbuatan-Nya mahupun pada hikmah-Nya. Dan oleh itu juga, ALLAH SWT itu tidak berhajat kepada segala perintah suruh-Nya. ALLAH juga tidak berhajat kepada setiap perintah larang-Nya. Yang berhajat kepada semua perintah suruh dan larang itu adalah makhluk seperti manusia ini.

Peraturan Untuk Keselamatan Manusia

Jadi, ALLAH SWT menjadikan undang-undang dan per--aturan-peraturan hidup yang berbentuk suruhan dan yang berbentuk larangan, semua itu untuk keselamatan manusia sama ada di dunia mahupun di Akhirat. Tidak-lah ALLAH itu mendapat faedah atau manfaat daripada-nya, sebaliknya faedah dan manfaat itu kembali kepada manusia itu sendiri.

Begitu juga, setiap kejadian atau peraturan yang ALLAH jadikan itu ada hikmah-hikmahnya, tetapi hik-mah-hikmah itu bukan untuk ALLAH SWT, sebaliknya untuk manusia juga. Dan semua itu merupakan kelebih-an serta rahmat dan kasih sayang ALLAH SWT kepada hamba-hamba-Nya jua. Dan kasih sayang Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya tidak ada ukurannya pada manusia. Sebab itulah, sebagai menggambarkannya kepada manusia, Rasulullah SAW pernah bersabda di dalam Hadis Qudsi yang maksudnya;

Allah berfirman: "Aku lebih kasihkan hamba-Ku daripada seorang ibu kasihkan anaknya."

Seorang ibu memang kasih kepada anaknya hingga sanggup berbuat apa sahaja untuk anaknya. Kalau anak itu menangis pada waktu malam, dia sanggup berjaga malam. Namun, walau macam mana besar sekalipun kasih seorang ibu itu kepada anaknya, kasih ALLAH kepada hamba-Nya lebih daripada itu.

Jadi, sebagai tanda rahmat dan kasih sayang ALLAH yang begitu besar, ALLAH datangkan peraturan dan undang-undang untuk hamba-Nya, bagi menjamin ke-selamatan hidup mereka di dunia dan juga di Akhirat. Sejak Nabi Adam a.s. hinggalah kepada Nabi Muham-mad SAW, peraturan itu ALLAH datangkan, cuma anta-ra satu nabi dengan satu nabi yang lain, peraturannya

tidak sama, sebaliknya sentiasa berubah mengikut pertambahan manusia dan mengikut pengalaman hidup manusia dari masa ke masa. Sampai kepada Rasulullah SAW, peraturan itu dilengkapkan dan disempurnakan sepertimana ALLAH firmankan:

ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ
عَلَيْكُمْ نِعْمَتِى وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا

Terjemahannya: ***Pada hari ini Aku sempurnakan untukmu agamamu, Aku*** cukupkan ***nikmat-Ku untukmu, dan Aku redhakan Islam itu menjadi agamamu.***
(Al Maidah: 3)

Syariat Islam

Peraturan hidup yang ALLAH datangkan untuk kesejahteraan hidup manusia itu dinamakan syariat Islam. Ia mengandungi perintah-perintah berbentuk fardhu dan sunat serta larangan-larangan berbentuk haram dan makruh. Ia juga mengandungi perkara-perkara yang sah dan batal, halal dan haram, yang mana boleh dan yang mana tak boleh, dan sebagainya. Seluruh peraturan dan undang-undang itu pula menyuluh kehidupan manusia dalam setiap aspek sama ada yang menyentuh peribadi, rumahtangga, masyarakat, ekonomi, pendidikan, siasah hinggalah kepada persoalan negara dan hubungan antarabangsa. Ia juga menyuluh segala tindak-tanduk zahir dan batin manusia. Sebab itulah ia dikatakan sebagai "agama yang disempurnakan oleh ALLAH SWT".

Dan semuanya itu untuk faedah manusia semata-mata. ALLAH tidak berhajat kepadanya tetapi yang berhajat kepada peraturan hidup itu ialah manusia sendiri. Yang mendapat faedah dan manfaat di atas peraturan-peraturan hidup itu adalah manusia sendiri.

Marilah kita bahaskan, bagaimanakah peraturan dan undang-undang yang ALLAH jadikan, yang kita namakan syariat Islam itu, berfaedah kepada manusia.

Sepertimana yang telah kita katakan tadi bahawa syariat Islam mengandungi perintah-perintah yang berbentuk suruhan sama ada suruhan yang fardhu (wajib), mahupun suruhan yang berbentuk sunat. Suruhan yang berbentuk fardhu itu, ada pula yang merupakan **fardhu ain** (wajib ain), dan ada yang **fardhu kifayah** (wajib kifayah). Manakala yang sunat pula, ada yang berbentuk **sunat muakkad** dan ada yang berbentuk sunat **ghairi muakkad.** Dan seluruh suruhan yang fardhu dan sunat ini merupakan perintah yang mesti dilaksanakan zahir dan batin.

Bagaimana Perintah Sembahyang Berfaedah Kepada Manusia?

Di antara perintah-perintah suruh yang berbentuk fardhu ialah sembahyang, zakat, haji, dan lain-lainnya. Oleh kerana kita hendak membahaskan faedah perintah itu kepada manusia, marilah kita ambil perintah sembahyang sebagai contohnya. ALLAH telah menjadikan sembahyang itu sebagai satu perintah yang akan memberi faedah kepada manusia seluruhnya. Tetapi manusia tidak akan nampak faedah ini kerana umum manusia akan menganggap sembahyang itu sebagai satu perbuatan yang menyusahkan, terutamanya sembahyang Subuh.

Kita sendiri pun, sebagai orang yang mengaji fardhu ain dan setengah-setengahnya pula sudah ikut dakwah, akan mengakui bahawa sembahyang Subuh amat menyusahkan. Pertamanya kita tidak boleh tidur lewat kerana pukul 5.30 atau selewat-lewat pukul 6.00 pagi kita terpaksa **bangun.** Tentulah kita dalam keadaan mengantuk,

dan kalau seterusnya kita mengantuk juga bila pergi kerja, nanti kita tidak dapat hendak membuat kerja-kerja kita di pejabat.

Kalau demikianlah yang kita rasakan, sememangnya-lah sembahyang itu tidak memberi faedah kepada kita. Bukan sahaja tidak memberi faedah tetapi juga menyusahkan kita. Cuma, yang menyebabkan kita merasa sembahyang itu tidak berfaedah dan menyusahkan ialah kerana kita tidak mahu menilai dan meninjau hakikat sembahyang itu. Tetapi, kalau kita fikirkan dalam-dalam, sembahyang memberi erti dan manfaat yang besar kepada kita.

Pengertian Sembahyang

Cuba kita perhatikan, apakah erti sembahyang itu sendiri, dan bagaimanakah keadaan orang yang bersembahyang itu. Orang yang bersembahyang adalah orang yang percaya kepada ALLAH; orang yang mengingati ALLAH; orang yang mengetahui kuasa ALLAH; orang yang meminta kepada ALLAH; dan orang yang bersandar nasib kepada ALLAH. Hal ini semua dibuktikan daripada lafaz-lafaz yang kita ucapkan dalam sembahyang. Seperti ayat-ayat yang kita baca dalam doa iftitah, dalam rukuk, dalam sujud, dalam tahiyat, dan lain-lainnya. Umpamanya, satu lafaz dalam **doa iftitab** yang kita baca berbunyi:

إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Terjemahannya: ***(Ya ALLAH) sesungguhnya sembah-*** yangku, ***ibadahku, hidupku dan matiku adalah untuk Tuhan Rabbul Alamin.***

(Al An’am: 162)

Ini menandakan yang kita benar-benar menyerahkan. diri dan nasib kita kepada ALLAH sahaja, dan tidak kepada yang lain. Apa sahaja yang kita buat dan apa sahaja yang kita usahakan, semuanya hendak kita serahkan kepada ALLAH. Inilah hakikat sebenar bagi orang yang bersembahyang.

Kalau begitu, orang yang bersembahyang tahu bahawa ALLAH akan sentiasa membela dirinya. Dan kerana itu, dia tidak akan merasa kecewa dalam hidup ini kerana yang akan menjadi pembelanya adalah ALLAH SWT sendiri. Dalam sebarang hal dan masalah, dia akan mengadukannya kepada ALLAH. Bukankah sememangnya manusia ini mempunyai banyak masalah? Kerana banyaknya masalah manusia, maka banyaklah permintaan dan kehendaknya.

Dalam banyak-banyak permintaan dan kehendak, manusia itu, tidak semuanya akan diberi oleh ALLAH. Ada permintaan yang ALLAH beri (perkenankan) dan ada permintaan yang ALLAH tidak beri. Katalah seorang itu mempunyai 20 permintaan. Daripadanya, mungkin hanya 5 sahaja yang ditunaikan oleh ALLAH SWT. Yang 15 permintaan lagi, kita tak tahu sama ada ALLAH hendak beri atau tidak.

Bagi orang yang tidak berpaut kepada ALLAH, dan hatinya tidak berharap kepada ALLAH, kerana dia tidak bersembahyang, apabila gagal mendapatkan 15 kehendaknya yang lain itu, dia akan merasa kecewa, dan hidupnya akan menderita. Apabila hatinya penuh kekecewaan dan hidupnya menderita, maka tidaklah ada ketenangan jiwa baginya. Dan apabila jiwa sudah tidak tenang, rumah besar tidak akan ada erti lagi, motokar besar juga tidak ada erti, dan harta yang banyak juga tidak boleh mententeramkan jiwa.

Jiwa Tenang

Jadi sembahyang boleh menenangkan jiwa dan menghilangkan dukacita serta penderitaan hidup. Natijah daripada itu, akan tenanglah fikiran seseorang. Betapa tidak, kerana hatinya selalu berpaut kepada ALLAH; dirinya sentiasa diserahkannya kepada penentuan ALLAH SWT. Inilah hakikat orang bersembahyang. Apabila berlaku satu-satu masalah dalam hidupnya, dia lekas-lekas menyandarkannya kepada ALLAH SWT. Inilah faedah dan manfaat daripada peraturan ALLAH SWT, dan manusia sendirilah yang mendapatnya.

Cuma kita tidak dapat merasakan faedahnya kerana kita belum lagi sembahyang dengan betul-betul serta khusyuk. Kita masih lalai dalam sembahyang. Sebab itu faedah dan manfaat sembahyang itu tidak berlaku pada kita. Oleh itu, kalau kita hendak merasakan faedah daripada sembahyang itu, kenalah kita perbetulkan sembahyang kita lahir dan batinnya; kita jaga semua syarat dan rukunnya, dan kita fahami lafaz-lafaz dalam sembahyang itu. Janganlah kita asyik hendak menjaga yang zahirnya saja seperti terlalu pentingkan sujudnya, sedangkan soal-soal batin tidak dijaga. Kalau seseorang itu benar-benar bersembahyang, akan terasa padanya kebesaran ALLAH SWT.

Jelas bahawa perintah sembahyang itu ada faedahnya kepada manusia. Dan bukan itu satu saja faedahnya, malah banyak faedahnya yang lain. Setengah-setengahnya diceritakan oleh ALLAH dalam Al Quran, dan setengah-setengahnya diceritakan oleh Rasulullah di dalam Hadisnya.

Perintah Zakat; Faedahnya Pada Manusia

Perintah-perintah yang lain juga ada faedah dan manfaatnya kepada manusia. Katalah perintah zakat. ALLAH

menyuruh kita membayar zakat sama ada zakat yang wajib mahupun zakat yang sunat iaitu bersedekah. Kalau kita pandang pada bentuk zahir perintah itu, ia tentu tidak mendatangkan faedah apa-apa kepada kita, malah ia lebih merugikan kerana harta kekayaan kita akan susut. Tetapi, kalau kita tinjau sedalam-dalamnya termasuk memerhatikan susunan masyarakat manusia yang telah ALLAH jadikan ini, seperti ada yang dijadikan miskin, ada yang dijadikan yatim dan sebagainya, tentu kita akan terasa besarnya faedah zakat itu.

Umpamanya, ALLAH mengenakan pembayaran zakat kepada orang-orang kaya dan yang mempunyai harta kekayaan yang lebih. Mereka juga diminta supaya bersedekah. Kalau orang-orang kaya ini tidak mahu berzakat dan bersedekah, kelak orang-orang miskin serta anak-anak yatim, tidak akan terbela nasib mereka. Kehidupan mereka akan terbiar. Dan kalaulah kemiskinan mereka itu tidak dibela, bilangan mereka akan bertambah dari masa ke masa. Akhirnya mereka akan membuat kacau. Mereka akan merompak dan mencuri. Mungkin mereka sanggup membunuh kerana telah terpendam dendam kesumat di dalam jiwa mereka terhadap orang-orang kaya. Akibatnya, orang-orang kayalah yang akan merasakan hidup mereka diganggu kebimbangan dan ketakutan.

Kalau mereka melaksanakan perintah zakat, hanya sebahagian kecil daripada harta mereka yang dituntut supaya dizakatkan. Tetapi, kalau orang miskin sudah membuat kacau, kemungkinan habis harta orang-orang kaya menjadi sasaran. Bukan itu saja, nyawa mereka pun mungkin turut terkorban. Jadi, dengan sebab itu, ALLAH memerintahkan orang-orang kaya membayar zakat, kerana mereka akan terselamat daripada kekacauan yang dilakukan oleh orang-orang miskin. Orang-orang miskin juga mendapat faedah daripadanya kerana nasib mere-

ka terbela dan terbantu. Tidaklah mereka terdorong untuk membuat kekacauan. Inilah yang membawa kepada kestabilan dan keamanan masyarakat.

Tetapi, hari ini kestabilan dan keamanan demikian tidak wujud lagi kerana orang-orang kaya sudah menjadi bakhil dan tidak mahu membantu orang-orang miskin dan anak-anak yatim. Orang-orang kaya hari ini memang sentiasa berada dalam kebimbangan dan ketakutan. Mereka seolah-seolah merasa yang nyawa mereka bila-bila masa saja boleh dihapuskan oleh orang-orang jahat. Harta kekayaan mereka sentiasa terancam. Bagi mereka, naik teksi membimbangkan, naik kereta sendiri juga tidak selamat, malah naik kapal terbang pun takut akan dicolek.

Dalam pada itu, mereka juga bimbangkan keadaan anak isteri di rumah. Pada zahirnya tentulah rumah merupakan tempat yang paling selamat bagi semua manusia. Tetapi bag-i orang-orang kaya hari ini, rumah mereka pun seolah-olah tidak selamat. Ia dipagar berlapis-lapis serta ada pengawal-pengawalnya pula. Berapa ramai orang kaya hari ini terkorban di dalam rumah sendiri! Inilah akibat daripada tidak mahu melaksanakan perintah ALLAH supaya berzakat dan bersedekah. Dengan itu, jelaslah bahawa perintah suruh daripada ALLAH SWT, ada faedahnya kepada manusia, dan bukannya kepada ALLAH SWT..

Faedah Perintah Larang Pada Manusia

Dan cuba pula kita bahaskan faedah perintah larang kepada manusia. Daripada perintah-perintah larang yang begitu banyak, ada yang berbentuk haram dan ada yang makruh. Larangan-larangan berbentuk haram pula ada yang zahir dan ada yang batin, dan ada yang dikira dosa besar dan ada yang dikira dosa kecil. Katalah kita ambil

larangan ALLAH supaya jangan minum arak sebagai contoh. Apakah faedah larangan ini kepada manusia.

Arak itu memabukkan. Ia bukan sahaja merosakkan akal tetapi juga merosakkan kesihatan badan. Sedangkan fitrah semula jadi manusia, ingin kepada kesihatan badan dan kesihatan akal fikiran. Dan apabila ALLAH melarang seseorang itu daripada minum arak, akan selamatlah akal fikiran dan kesihatan badannya. Jadi, ada faedahnya kepada manusia larangan minum arak itu.

Kemudian, ALLAH melarang kita daripada menipu, mencuri, merompak, membunuh, memaki, dan sebagainya. Ini semua untuk keselamatan dan kedamaian masyarakat. Sebab, kalau ALLAH tidak melarang manusia daripada melakukan perbuatan-perbuatan seperti itu, akan timbullah kekacauan di tengah-tengah masyarakat. Akibatnya, siapa yang susah? Manusia jugalah yang akan menderita. Sedangkan sudah menjadi fitrah semula jadi manusia, sukakan keamanan dan kedamaian hidup. Semua orang suka kepada ketenteraman dan keamanan.

Semua Peraturan ALLAH Faedahnya Untuk Manusia

Seterusnya, cuba kita bahas lebih dalam sedikit tentang hakikat bahawa setiap satu peraturan dan undang-undang itu adalah untuk faedah manusia, dan bukannya untuk faedah ALLAH SWT. Setengah-setengah orang tidak nampak faedah ini dan mungkin menghendaki hujah-hujah yang logik untuk meyakininya. Mereka mungkin tidak mahu menerima pernyataan bahawa, kalau manusia ini mematuhi segala peraturan dan undang-undang hidup yang dinamakan syariat itu, maka manusia akan memperolehi faedah daripadanya dalam ertikata manusialah yang akan selamat. ALLAH tidak terjejas apa-apa. ALLAH tidak terlibat dengan sebarang peraturan dan undang-undang. ALLAH SWT terkecuali daripadanya.

a

Adakah ALLAH Terjejas dan Mengapa Manusia Dihukum?

Nanti orang-orang ini akan bertanya, kalau benarlah ALLAH tidak terjejas daripada undang-undang dan peraturan hidup-Nya, mengapakah ALLAH menghukum manusia-manusia yang melanggar peraturan itu di Akhirat kelak? Ini menampakkan seolah-olah ALLAH telah terjejas daripada peraturan dan undang-undang-Nya akibat daripada adanya manusia-manusia yang tidak menghormati peraturan itu. Kerana ALLAH merasa terjejaslah, maka ALLAH balas manusia itu dengan azab dan deraan.

Kita boleh menjawab persoalan seperti ini dengan mengambil contoh sebuah kerajaan manusia di dunia ini. Walau sejahat dan sezalim mana pun sesebuah pemerintahan itu, sedikit sebanyak, ia akan cuba juga menegakkan keadilan. Sebab itu, setiap kerajaan yang memerintah akan mengadakan mahkamah untuk memberi pengadilan kepada manusia. Jadi, setiap kerajaan di dunia ini, ada timbang rasanya kepada orang ramai.

Kemudian, katalah orang yang bernama si A telah melanggar salah satu daripada undang-undang pemerintah dengan mencuri ayam si B. Apakah dengan si A melanggar peraturan itu, pihak pemerintah akan terjejas? Apakah pihak pemerintah akan mendapat kesusahan bersabit daripada peristiwa itu? Tentulah tidak, kerana apabila si A tertangkap, yang akan bertelagah di mahkamah pengadilan ialah si A dengan si B. Dan apabila si A didapati bersalah, dia akan dihukum kerana telah melanggar peraturan. Hukuman yang dikenakan kepada si A bukan kerana kerajaan merasa rugi di atas perbuatan si A melanggar peraturan pemerintah, tetapi untuk memberi pengadilan kepada orang lain yang teraniaya akibat perbuatan si A itu.

Mahkamah Manusia

Jadi kita dapati bahawa kerajaan manusia pun ada menyediakan mahkamah untuk mengadili mereka yang melanggar peraturan, dan menghukum mereka kalau didapati bersalah. Hukuman yang dikenakan bukan kerana kerajaan merasa terjejas dan tercacat tetapi untuk memberi pengadilan kepada orang ramai. Sebab itu, yang akan susah bukan kerajaan tetapi orang yang melanggar peraturan itu sendiri. Kalau kerajaan manusia di dunia ini pun demikian, maka tentulah Kerajaan ALLAH SWT, lebih daripada itu.

Kalaulah kerajaan manusia yang walau sezalim mana sekalipun, ingin juga menunjukkan keadilannya kepada rakyat, maka ALLAH SWT yang Maha Adil dan tidak pernah berlaku zalim kepada hamba-hamba-Nya, tentulah lebih-lebih lagi memberi pembelaan kepada hamba-Nya yang teraniaya. ALLAH akan membalas perbuatan orang yang melanggar peraturan dan undang-undang hidup yang telah disyariatkan dengan menghukumnya di Akhirat sebagai pembelaan kepada orang lain yang teraniaya. Dan, kalau ALLAH tidak berbuat demikian, maka bukanlah Ia dinamakan Tuhan. Kerana ALLAH SWT yang sebenarnya adalah Maha Adil dan Maha Mengasihani kepada setiap hamba-Nya.

Kesalahan Sesama ALLAH Mengapa Lebih Berat?

Kadang-kadang orang yang bertanya tadi boleh menerima logiknya jawapan yang kita berikan tetapi di samping itu dia mahu bertanya lagi. Sebab, contoh yang kita berikan ialah kesalahan yang manusia lakukan menyebabkan ada orang lain yang terbabit. Bagaimana pula kalau kesalahan yang dilakukan oleh seseorang itu tidak ada membabitkan sesiapa. Katalah kesalahan tidak

mahu bersembahyang, tidak mahu berpuasa, dan sebagainya. Mengapa pula orang ini dihukum juga, malah hukuman ke atasnya lebih berat. Kesalahan ini sedikit pun tidak ada hubungan dengan orang lain. Tidak ada orang lain yang teraniaya. Dalam soal ini, tentulah kata mereka, ALLAH SWT itu telah terjejas edengan undang-undang dan peraturan-Nya.

Sebenarnya, setiap peraturan yang ALLAH datangkan kepada manusia ada kaitannya dengan masyarakat. Di samping satu-satu peraturan hidup itu untuk perlaksanaan individu tetapi ALLAH juga mengambil kira tentang kaitannya dengan masyarakat umum. Di sinilah yang dikatakan syariat Islam itu lengkap dan sempurna kerana ia sentiasa bertimbal balas antara individu manusia dengan masyarakat manusia. Dalam soal sembahyang misalnya, nampaknya memanglah macam persoalan individu sahaja kerana yang diminta melaksanakannya ialah individu. Sebab itu, hari ini kita selalu dengar orang berkata, soal sembahyang soal individu. Dia nak buat atau tidak mahu buat, itu soal peribadi. Siapa pun tidak boleh paksa.

Ini tidak benar, kerana persoalan hukum sembahyang, besar kaitannya dengan masyarakat seluruhnya. Orang yang tidak sembahyang adalah orang yang tidak percaya kepada Tuhan, atau kalau pun dia percaya, hatinya tetap merasa bahawa seolah-olah Tuhan itu tidak ada. Jadi, kalau seseorang itu tidak percaya kepada Tuhan lagi, maka baginya, tidak ada suatu kuasa ghaib pun yang boleh menyebabkan dia takut. Dan kerana dia tidak takut kepada sebarang kuasa ghaib, dia akan berani melakukan apa sahaja dan pada bila-bila masa sahaja. Ertinya, senjata sudah ada di tangannya.

Pengawal Diri

Dia tidak ada pengawal diri. Orang yang tidak ada pengawal diri oleh suatu kuasa ghaib, tidak akan takut kepada pengawal yang zahir seperti pengawal-pengawal keselamatan. Sedangkan kuasa ghaib itu adalah pengawal yang sentiasa mengetahui setiap gerak-geri dan perbuatannya.

Kerana itu, bagi orang yang tidak takut kepada sebarang kuasa ghaib, peluang untuk dia melakukan apa saja yang dia mahu terbuka luas. Cuma, antara dia mahu melakukannya dengan tidak mahu melakukannya sahaja. Sepertilah orang yang membawa senjata api, walaupun dia tidak menembak, tetapi dia merbahaya. Sebab itu, di negara kita ini, hukuman bagi kesalahan membawa senjata api sahaja sama beratnya dengan hukuman terhadap orang yang melakukan pembunuhan. Kerana apa? Senjata sudah ada di tangannya; bila-bila masa sahaja dia boleh meledakkannya.

Dan begitulah bagi orang yang tidak bersembahyang. Dia tidak ada pengawal diri. Dia tidak takut kepada siapa pun sekalipun kuasa yang ghaib. Dengan itu dia boleh melakukan kejahatan bila-bila masa sahaja. Sebab itulah ALLAH hukum orang yang tidak sembahyang kerana dia bukan sekadar melanggar peraturan ALLAH tetapi natijah daripada itu, dia juga boleh melakukan kesalahan kepada orang lain seperti mencuri, menipu, rasuah, merogol, berzina, main judi, minum arak, membunuh, dan sebagainya.

Nikmat Dari ALLAH

Demikian serba sedikit perbahasan betapa peraturan dan undang-undang yang ALLAH jadikan adalah untuk faedah manusia, dan bukannya untuk ALLAH SWT. Kemu-

dian cuba kita perhatikan betapa perbuatan Allah juga adalah untuk faedah manusia dan bukannya untuk ALLAH.

Telah kita katakan bahawa ALLAH SWT telah mencukupkan segala nikmat-Nya kepada manusia. Tidak ada satu nikmat pun yang kurang. Dan ini memang diperjelaskan sendiri oleh ALLAH SWT di dalam sepotong firman-Nya:

وَإِن تَعُدُّوا۟ نِعْمَةَ ٱللَّهِ لَا تُحْصُوهَآ

Terjemahannya: Dan ***jika kamu menghitung-hitung nikmat ALLAH, nescaya kamu tidak dapat menentukan jumlahnya.***

(An Nahl: 18)

Ertinya, begitu banyak nikmat ALLAH SWT: di langit, di bumi, di lautan, di daratan, di dalam diri kita, dan di mana-mana sahaja. Semua ini untuk faedah makhluk dan bukan untuk faedah ALLAH SWT.

Air; Faedahnya Untuk Makhluk

Cuba kita ambil air sebagai contoh. Apakah air itu untuk faedah ALLAH SWT sedangkan ALLAH itu tidak makan dan tidak minum. ALLAH SWT tidak mengambil faedah daripada air tetapi faedahnya kembali kepada makhluk itu sendiri. Dan ini ditegaskan sendiri oleh ALLAH SWT di dalam fit-man-Nya:

وَجَعَلْنَا مِنَ ٱلْمَآءِ كُلَّ شَىْءٍ حَىٍّ

Terjemahannya: *Kami jadikan daripada air itu, setiap suatu itu menjadi hidup.*

(Anbia': 30)

Ini memang jelas. Kalau kita tanya orang-orang yang belajar ilmu sains dan teknologi, mereka boleh buktikan yang air itu adalah keperluan asas bagi semua hidupan sama ada manusia, haiwan atau tumbuhan. Sekiranya tidak ada air, semua hidupan akan mati. Jadi, faedah air adalah untuk makhluk, bukan untuk ALLAH SWT.

Kejadian Siang dan Malam

Kemudian, cuba kita perhatikan kejadian malam dan siang. Ini juga untuk faedah makhluk dan tidak untuk ALLAH SWT kerana Allah tidak terlibat dengan malam dan siang. Di dalam Al Quran, ALLAH berfirman:

وَجَعَلْنَا ٱلَّيْلَ لِبَاسًا ﴿١٠﴾ وَجَعَلْنَا ٱلنَّهَارَ مَعَاشًا ﴿١١﴾

Terjemahannya: *Kami jadikan malam itu sebagai* pakaian *untuk rehat dan Kami jadikan siang itu untuk kehidupan (mencari rezeki).*

(An Naba: 10-11)

Jelas ALLAH sebutkan kepada kita faedah malam dan siang iaitu malam untuk kita berehat-rehat menghilangkan penat lelah bekerja pada siang hari kerana siang hari itu memang ALLAH jadikan untuk kita menjalankan kehidupan, mencari rezeki, dan sebagainya. Ini yang disunnahkan oleh ALLAH, dan kerana itu janganlah kita songsangkan sunnah ini dengan mencari rezeki dan menjalankan kehidupan pada waktu malam dan berehat-rehat pada siangnya. Kemudian, cuba kita perhatikan firman ALLAH di dalam sepotong ayat lain:

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ
ذَلُولًا فَٱمْشُوا۟ فِى مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا۟ مِن رِّزْقِهِۦ ۖ وَإِلَيْهِ ٱلنُّشُورُ

Terjemahannya: ***Dialah yang telah menjadikan bumi ini untuk kamu, dan dimudahkan-Nya untuk kamu. Dan hendaklah kamu berjalan di pelusuk muka bumi ini dan makanlah sebahagian dari rezeki-Nya. Kepada ALLAH-lah kamu akan dikembalikan.***

(Al Mulk: 15)

Warganegara Akhirat

Jadi, kita dapati bahawa segala suatu itu ALLAH jadikan untuk faedah manusia kerana bumi ini sahaja telah Allah permudahkan untuk manusia sedangkan di bumi terdapat segala nikmat yang boleh kita miliki. ALLAH menyuruh kita menguasainya. Cuma ALLAH peringatkan bahawa kita ini akan dikembalikan kepada-Nya. Ini mengingatkan kita supaya jangan melampau dan berlebih-lebihan. Kerana kita ini tidak akan kekal di bumi ini, sebaliknya akan balik ke negara asal kita iaitu di Akhirat. Kita adalah warganegara **Akhiiat** dan bukan warganegara dunia. Bila kita dipanggil balik oleh Allah ALLAH kita akan ditanya tentang apa yang telah kita lakukan hi dunia ini.

Pendapat Syeikh As Suhaimi Rahimahullahu Taala

Seterusnya, di dalam matan **Risalah Tauhid, Syeikh Suhaimi** Rahimahullahu Taala berkata bahawa segala yang maujud itu nisbah kehendak kepada tempat berdiri dan kepada yang menjadikannya, adalah terbahagi kepada empat bahagian.

Yang **pertama,** terkaya daripada tempat berdiri dan daripada yang menjadikannya. Itulah zat ALLAH SWT

Yang **kedua,** berkehendak kepada tempat berdiri dan kepada yang menjadikannya. Itulah segala **aradh** atau sifat yang mendatang.

Yang **ketiga,** terkaya daripada zat tempat berdiri teta-. pi berkehendak kepada yang menjadikannya. Itulah segala bentuk jirim.

Yang **keempat,** terkaya daripada yang menjadikannya tetapi berdiri pada zat iaitu sifat ALLAH SWT.

Inilah empat perkara bagi segala yang ada ,ini, nisbah kepada mereka berkehendak pada tempat berdiri dan pada yang menjadikannya. Di antara empat perkara itu, dua berkait pada segala yang baharu iaitu seluruh alam dan makhluk ini. Sepertimana yang telah kita perkatakan, segala yang baharu, termasuk aradh, berhajat kepada tempat berdiri dan berhajat kepada yang menjadikannya.

Manakala dua perkara lagi berkait dengan ALLAH SWT. Iaitu, yang tidak berkehendak kepada zat tempat berdiri dan tidak berkehendak kepada yang menjadikan-Nya. Itulah zat ALLAH SWT, yang Maha Suci; dan yang tidak memerlukan kepada yang menjadikan-Nya tetapi berhajat kepada zat tempat berdiri, yakni sifat ALLAH SWT. Kerana, sepertimana telah kita bahaskan, tiap-tiap sifat tidak boleh berdiri dengan sendirinya. Ia memerlukan zat sebagai tempat berdiri. Ertinya, zat dan sifat tidak boleh dipisahkan.

Cuma, sifat yang ada pada ALLAH SWT adalah **qadii lagi azali.** Ini memandangkan, zat juga **qadii lagi** azali. Tidak seperti sifat makhluk dan segala **aradh;** ia ada permulaannya.

Berhati-hati Di Bidang Tauhid

Dalam kita memperkatakan tentang keadaan sifat dan zat

ALLAH SWT ini, ada perkara-perkara yang perlu kita fahami' benar-benar agar kita tidak terjatuh kepada syirik.

Yang boleh menyebabkan kita tersilap bila memperkatakan tentang zat dan sifat Allah ialah bila kita menyentuh tentang ALLAH SWT itu mematikan dan menghidupkan makhluk, atau ALLAH SWT itu menjadikan dan membinasakan makhluk.

Dalam ha1 ini, kadang-kadang kita dengar juga orang berkata, "Sifat Qudrah ALLAH SWT itulah yang mematikan" atau "Sifat Qudrahdan Iradah ALLAH itulah yang menjadikan". Bila ada orang berkata demikian, kita bimbang, kalau-kalau orang yang mendengar nanti akan tersalah anggap hingga merasakan bahawa sifat ALLAH SWT itulah yang berkuasa dan sebagainya sedangkan kita telah katakan bahawa sifat berdiri di atas zat dan ia tidak boleh berdiri sendiri.

Kalau begitu, tentulah bukan sifat yang herkuasa menjadikan atau mematikan tetapi adalah zat ALLAH SWT, melalui sifat Qudrat dan Iradat-Nya. Jangan sekali-kali kita tersalah anggap kerana kalau kita tersalah tafsir atau tersalah maksud hingga mengatakan bahawa sifat ALLAH SWT itulah yang berkuasa, maka ia membawa kita kepada jatuh syirik.

Mudahnya Jatuh Syirik

Hal ini memang mudah berlaku di kalangan masyarakat kita. Kita kemukakan satu contoh betapa amat mudah sekali kita boleh jatuh syirik. Ayat-ayat Al Quran itu ada mengandungi berbagai-bagai hikmah termasuk boleh menjadi ubat atau penawar bagi menyembuhkan pelbagai penyakit. Dalam hal ini, kadang-kadang ada orang yang akan menganggap bahawa ayat-ayat itulah yang menyembuhkan penyakit.

Orang itu boleh jatuh syirik kerana yang menyembuhkan penyakit bukan kuasa yang ada pada ayat-ayat itu tetapi adalah ALLAH SWT melalui sifat Qudrah-Nya. Cuma, dengan mensunnahkan ayat-ayat Al Quran itu boleh menyembuhkan penyakit dan mengandungi berbagai-bagai hikmah yang lain, ALLAH menunjukkan tanda kasih sayang serta rahmat-Nya yang tidak terhingga dengan menjadikan peraturan-peraturan-Nya berfaedah kepada hamba-Nya.

Sembuh Penyakit Kuasa Dari Quran?

Sebenarnya, kalau kita hendak perkatakan tentang hikmah-hikmah pada ayat Al Quran, tentulah banyak sekali. Ia bukan sekadar boleh menyembuhkan penyakit, tetapi boleh juga digunakan untuk menenangkan hati, menahan lapar, menjauhkan sihir serta hantu syaitan, mendatangkan rezeki, dan lain-lainnya. Malah yang paling besar hikmahnya ialah, ayat-ayat Al Quran boleh menimbulkan rasa tauhid yang kuat di dalam hati.

Membaca surah Al Ikhlas misalnya, boleh memberi berbagai-bagai faedah kepada kita, dengan izin ALLAH SWT. Ia boleh menahan diri daripada lapar, boleh menyembuhkan penyakit, boleh mendatangkan rezeki, dan lain-lain lagi. Malah dengan membacanya, kita akan merasakan kesedaran tauhid yang tinggi.

Begitulah seterusnya dengan ayat-ayat yang tertentu di dalam Al Quran. Setiap satunya ada mengandungi hikmah-hikmah. Ia ibarat air yang turun dari puncak gunung. Mereka yang berada di lembah gunung boleh menggunakan air itu untuk membasuh berbagai-bagai perkara. Di dalam air itu pula ada ikan yang boleh dijadikan sumber rezeki, dan begitulah seterusnya.

Hikmah Yang Tertinggi

Walau bagaimana banyak sekalipun hikmah pada ayat-ayat Al Quran, namun hikmah yang paling tinggi ialah, dengan membacanya boleh mendatangkan pahala kepada kita. Sebab itu, bila kita menggunakan satu-salu ayat Al Quran di dalam bacaan, janganlah kerana pentingkan hikmah dan khasiatnya sahaja. ALLAH tidak redha kita bersikap demikian.

Sikap Para Dukun-dukun

Janganlah kita bersikap seperti setengah-setengah dukun yang menggunakan ayat-ayat Al Quran semata-mata kerana khasiatnya boleh mengubat, sedangkan hukum-hakamnya tidak dijaga, syariat lahir dan batinnya dicuaikan, dan pengajaran tasawuf serta tauhid yang ada di dalamnya tidak diindahkan.

Yang dikehendaki ialah supaya kita menghormati segala perintah, peraturan serta hukum-hakam di dalam ayat itu. Umpamanya, kalau ayat itu menyuruh kita mengesakan ALLAH SWT, maka itulah yang kita lakukan. Atau kalau ayat itu memerintahkan kita melakukan sesuatu, maka kita hendaklah melakukannya. Kemudian, dengan membacanya, datang khasiat-khasiat yang lain. Itu sebagai tambahan sahaja yang sengaja ALLAH hendak berikan sebagai tanda kasih sayang-Nya kepada makhluk ini. Tetapi yang asasnya jangan kita tinggalkan semata-mata kerana kita hendakkan yang hujung-hujungnya sahaja.

BAB 8:

Sifat Yang Keenam bagi ALLAH:

WAHDANIAH

Yang keenam Wahdaniah ertinya esa ALLAH Taala pada zat pada sifat dan pada perbuatan. Maka .hakikatnya: ibarat daripada menafikan berbilang pada zat pada sifat dan pada perbuatan sama ada bilangan yang muttasil (yang berhubung) atau bilangan yang munfasil (yang bercerai).

Adapun makna esa Tuhan pada zat itu iaitu menafikan kam muttasil pada zat (menafikan bilangan yang berhubung pada zat) seperti tiada zat Tuhan bersusun daripada darah, daging, tulang, urat dan menafikan kam munfasil pada zat (menafikan bilangan yang bercerai pada zat Tuhan) seperti tiada zat yang lain menyamai seperti zat ALLAH Taala.

Makna esa Tuhan pada sifat iaitu menafikan kam muttasil pada sifat (menafikan bilangan yang berhubung pada sifat-Nya) iaitu tidak sekali-sekali bagi ALLAH Taala pada satu-satu jenis sifat-Nya dua sifat seperti dua Qudrat, dan menafikan kam munfasil pada sifat (menafikan bilangan-bilangan yang bercerai pada sifat) iaitu tidak ada sifat yang lain menyamai sebagaimana sifat Tuhan.

Esa Tuhan pada perbuatan itu menafikan kam munfasil pada perbuatan (menafikan bilangan-bilangan yang bercerai pada perbuatan) iaitu tidak ada perbuatan yang lain menyamai seperti perbuatan Tuhan bahkan segala barang yang berlaku di dalam alam semuanya perbuatan Tuhan sama ada perbuatan itu baik rupanya dan hakikatnya seperti iman dan taat atau jahat rupanya tiada pada hakikatnya seperti kafir dan maksiat dan sama ada perbuatan dirinya atau perbuatan yang lainnya semuanya itu perbuatan Tuhan. Tiada sekali-sekali hamba mempunyai perbuatan, pada hakikatnya hanya ada usaha dan ikhtiar yang tiada memberi bekas walhasil apakala dikata wajib bagi Tuhan bersifat Wahdaniah maka ternafilah kam-kam yang lima itu iaitu ternafi kam muttasil dan

munfasil pada zat kam muttasil dan **munfasil** pada sifat dan kam munfasil pada perbuatan.

Maka dengan kenyataan yang di atas ini, zahirlah tiada zat yang lain, sifat yang lain dan perbuatan yang lain menyamai dengan zat, sifat dan perbuatan Tuhan. Yang demikian, tertolaklah segala kepercayaan-kepercayaan yang membawa kepada menyengutukan Tuhan bagaimana yang berlaku di sisi satu bangsa di dalam dunia ini ada mempunyai adat dan kepercayaan yang karut, sehingga membawa rosak imannya kerana kepercayaannya itu membawa menyengutukan Tuhan dengan yang lainnya.

Maka perkara yang seperti ini masih banyak pada masa ini dan banyak pula yang melakukan dia dengan tidak sedarkan mudharatnya merosakkan iman kepada Tuhan maka di sini disebutkan sebahagian daripadanya supaya dapat diketahui kesalahannya.

ALLAH Esa Pada Zat-Nya, Sifat-Nya dan Perbuatan-Nya

WAHDANIAH ertinya: esa atau tunggal. Perlu kita ingat di sini bahawa tunggal yang dimaksudkan bukan bermakna satu. Jika ia dimaksudkan satu, maka bererti yang ia mempunyai ikutan selanjutnya seperti dua, tiga, empat, dan seterusnya. Tunggal di sini mempunyai pengertian yang tersendiri yang dibuat oleh para ulama tauhid berdasarkan firman ALLAH:

قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ

Terjemahannya: *Katakanlah olehmu (ya Muhammad), "ALLAH itu Esa."*

(Al Ikhlas: 1)

Pengertian esa ini luas sekali dan lebih menyeluruh. Maka di sini kita akan membahagikan pengertian tersebut kepada tiga bahagian yang besar iaitu:

1. ALLAH itu tunggal pada zat-Nya,
2. ALLAH juga tunggal pada sifat-Nya, dan
3. ALLAH juga tunggal pada perbuatan-Nya.

Esa Pada Zat-Nya

Mengenai tunggal ALLAH pada 'zat-Nya, ulama-ulama

memberikan pengertian bahawa zat ALLAH itu tidak ada bilangan berhubung dan tidak ada yang bercerai. Dengan ertikata lain, zat ALLAH itu bukan terdiri daripada susunan-susunan tertentu. Yakni, zat ALLAH bukan terdiri. daripada susunan kulit atau susunan daging atau daripada darah atau tulang, atau daripada urat-urat.

Zat ALLAH Tidak Menyerupai Makhluk.

Ertinya zat ALLAH tidak menyerupai makhluk. Makhluk seperti manusia dan haiwan tersusun daripada daging, darah atau urat. Dan zat ALLAH tidak tersusun daripada kulit-kulit, getah, isi dan teras seperti pokok-pokok kayu. Juga, zat ALLAH tidak tersusun daripada bahagian-bahagian iaitu ada bahagian luar dan ada bahagian dalam seperti batu-batan atau batu-bata.

Zat ALLAH Tidak Bersusun-susun.

Inilah yang dimaksudkan bahawa zat ALLAH itu tidak mempunyai bilangan atau susunan yang berhubung. Semua makhluk atau alam ini, iaitu yang dikatakan selain ALLAH, mempunyai susunan-susunan atau bilangan-bilangan yang berhubung. Ertinya, semua yang bersifat makhluk ada struktur sama ada struktur luar mahupun struktur dalam. Zat ALLAH tidak demikian iaitu tidak berkulit, tidak berisi, tidak berdaging, tidak berdarah, tidak berurat, dan sebagainya. Bukankah struktur atau bilangan dan susunan itu sendiri pun ALLAH yang menjadikan?

Jadi jelaslah kepada kita bahawa zat ALLAH yang dikatakan tunggal atau esa itu adalah bersalahan dengan setiap zat makhluk; iaitu zat ALLAH tidak menyerupai zat makhluk yang dijadikan oleh-Nya.Walau dalam bentuk apa pun makhluk ini, sama ada sekecil-kecil makhluk seperti kuman dan bakteria atau yang sebesar-

besarnya seperti bulan, matahari, langit dan bumi ini, semuanya mempunyai susunan atau bilangan-bilangan yang berhubung iaitu yang kita katakan struktur. Tetapi Allah tidak sekali-kali demikian.

Kenal Diri Kenal Tuhan?

Mengapakah demikian? Sebabnya, semua bilangan dan susunan itu, ALLAH yang menjadikannya. Sedangkan ALLAH, tidak ada siapa yang menjadikan Dia. Dia adalah tunggal atau esa dengan sendirinya, dan bukan tunggal yang dijadikan. Rasulullah SAW pernah bersabda:

مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ فَقَدْ عَرَفَ رَبَّهُ

Terjemahannya: ***Barang siapa yang kenal ditanya, maka dia kenal Tuhan.***

Hadis ini, kalau kita fahamkan secara maknanya sahaja atau kalau kita ambil sekali lintas sahaja, menunjukkan seolah-olah begitu mudah benar untuk mengenali Tuhan iaitu cukup dengan sekadar mengenali diri kita. Ini akan berlaku kalau kita mengambil makna kesamaran dalam hadis ini. Dan ini jugalah yang menyebabkan ada orang yang menganggap bahawa kalau dia kenal dirinya, maka dirinya itulah Tuhan, atau di dalam dirinya itulah Tuhan.

Sedangkan apa yang kita ketahui, Tuhan tidak mempunyai susunan-susunan atau bilangan-bilangan tertentu seperti mempunyai struktur dan sebagainya. Manakala manusia nyata sekali terdiri daripada struktur yang tertentu seperti daripada sel-sel, urat-urat, darah, daging, tulang-tulang dan sebagainya. ALLAH tidak demikian!

Fahaman kesamaran begini merbahaya sekali. Ia boleh menjatuhkan seseorang itu kepada kekufuran.

Betapa tidak, kalau seorang itu telah menganggap dirinya Tuhan atau di dalam dirinya itulah Tuhan hinggakan dia merasa tidak perlu lagi beriman, tidak perlu bersyariat, tidak perlu puasa, sembahyang, dan sebagainya. Dia telah menganggap dirinya suci dan tidak lagi berdosa kerana martabatya adalah martabat Tuhan. Bahaya sekali!

Fikir Setiap Kejadian ALLAH

Maksud Hadis ini yang sebenarnya ialah agar kita menge nal diri kita dengan memikirkan setiap kejadiannya, bagaimana ia tersusun dengan bentuk-bentuk yang baik serta bagaimana diri kita ini terjadi daripada satu kejadian yang cukup lengkap yang tidak ada satu pun kekurangan. Pendek kata semua ada dan semuanya baik bela: ka.

Kemudian hadis ini mengajak kita mengenal selain daripada diri kita iaitu setiap makhluk yang lain seperti haiwan-haiwan dan tumbuh-tumbuhan, dan bagaimana pula setiap makhluk ini dijadikan oleh ALLAH SWT. Dan akhirnya kita juga dikehendaki mengenal seluruh yang ada di alam ini seperti langit, dan setiap kejadian yang ada di langit iaitu semua bintang, bulan, matahari, dan sebagainya. Kemudian kita fikirkan pula apa yang ada di bumi ini seperti bukit-bukau, gunung-ganang serta lautan yang terbentang luas.

Dengan memerhati dan memikirkan semua itu, kita akan dapat merasakan kehebatan ALLAH SWT. Kita akan dapat merasakan kewujudan ALLAH SWT. Lantas kita akan dapat mengenal ALLAH. Kerana, daripada apa yang kita perhatikan pada makhluk-makhluk ini, semuanya bersifat lemah, dalam ertikata setiap satunya itu berhajat kepada sesuatu seperti berhajat kepada tempat per-

lindungan, berhajat kepada makan minum, berhajat kepada pertolongan, dan berhajat kepada berbagai-bagai kehendak yang begitu banyak sekali. Dapatkah hajat-hajat ini diperolehi daripada setiap makhluk yang ada itu?

Tentu tidak, kerana semua makhluk itu pun tidak lebih daripada apa yang telah ALLAH jadikan; tidak mempunyai kuasa-kuasa yang luar biasa. Semuanya juga akan musnah kalau didatangi sesuatu. Misalnya kalau turun hujan yang lebat hingga membanjiri bumi, semua makhluk yang melata di bumi akan terancam termasuklah tumbuh-tumbuhan yang akan turut musnah.

Kerana itu, dengan mengenal diri dan seluruh makhluk yang ada, kita akan dapat kenal siapa yang melengkapkan setiap hajat dan kehendak makhluk ini, iaitu ALLAH SWT yang Maha Berkuasa, dan tidak ada sesuatu pun yang menyamai-Nya sama ada dari segi zat, sifat, atau perbuatan-Nya.

ALLAH tidak seperti makhluk yang semuanya terdiri daripada susunan-susunan. Manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan misalnya, tersusun daripada sel-se1 yang halus, kemudian ada urat, ada daging, dan seterusnya. Manakala lain-lain kejadian seperti batu-batu, udara, air atau apa saja unsur di muka bumi dan di langit serta yang ada di alam ini, masing-masing juga terdiri daripada susunan-susunan iaitu yang dikatakan terdiri daripada atom-atom serta neutron dan proton, dan seterusnya. Dan semua benda dan makhluk tersebut terdiri daripada luar dan dalam iaitu ia ada bahagian luar dan ada bahagian dalam.

Esa Zat ALLAH Tersendiri

Manakala ALLAH tidak demikian. ALLAH itu tunggal dan tidak terdiri daripada susunan-susunan, atau tidak terdiri daripada luar dan dalam pada zat-Nya. Dan keesa-

an zat ALLAH ini tidak ada yang menyamai-Nya. Keesa-an zat ALLAH adalah tersendiri. Inilah yang dikatakan tunggal zat ALLAH itu menafikan bilangan-bilangan yang bercerai dan bilangan-bilangan yang berhubung. Manakala semua makhluk (yakni selain ALLAH) ada mempunyai persamaan sama ada dari segi zat, sifat mahupun perbuatan.

Misalnya dari segi zat, semua manusia ini terdiri daripada darah, daging, urat, kulit, dan lain-lainnya. Dan ada yang luar serta ada yang dalam. Kemudian semuanya mendengar, melihat, bergerak, dan sebagainya. Dan kita dapati juga, semuanya mahu makan dan minum, tidur, berkahwin dan beranak, dan sebagainya.

Manusia Yang Menzalimi Dirinya

Alangkah bodoh dan jahilnya manusia pada hari ini yang ingin membuat sesuatu yang menyamai (kononnya) dengan zat ALLAH atau sifat ALLAH atau perbuatan ALLAH. Mereka akan mencipta lembaga-lembaga daripada batu-batu atau besi-besi atau daripada tembaga atau daripada kayu, malah ada juga yang daripada emas dan sebagainya, dan kemudian mereka umumkan dan isytiharkan bahawa itulah Tuhan mereka. Sedangkan kita telah diperingatkan dengan kalimah tauhid: “Tiada Tuhan yang disembah melainkan ALLAH.” Ertinya Tuhan itu sahajalah ALLAH, dan ALLAH itulah Tuhan yang sebenar-benarnya. Maka selain daripada ALLAH, bukan Tuhan.

Tetapi bagi mereka yang zalim dan jahil, mereka tetap menganggap patung-patung atau lembaga-lembaga’ yang mereka cipta sama ada dalam bentuk manusia atau bentuk binatang itu, adalah Tuhan.

Perantaraan Antara ALLAH Dengan Manusia

Tetapi cuba kita tanya mereka, apa benarkah itu Tuhan? Nanti mereka akan berkata bahawa Tuhan yang sebenar ada lagi satu; iaitu seolah-olah mereka mengatakan bahawa Tuhan itu ialah ALLAH. Ini memang bersesuaian dengan fir-man ALLAH:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُ ۚ

Terjemahannya: *Jika engkau* tanya *kepada mereka (Wang kafir), siapakah Tuhan yang menjadikan langit dan bumi ini, nescaya mereka menjawab, 'ALLAH'.*
(Luqman: 25)

Dan kalau demikian, mengapa pula mereka membuat patung-patung dan lembaga-lembaga tersebut? Pada mereka, patung-patung itu adalah posmen yang menjadi perantaraan antara manusia dengan Tuhan. Patung-patung inilah yang kononnya menjadi pembawa berita atau pembawa doa dan permintaan mereka. Kononnya batu-batu yang mereka ukir itu boleh berkata-kata dengan Tuhan dan boleh mendengar kata-kata Tuhan. Alangkah zalim dan jahilnya manusia ini. Sedangkan seekor lalat yang hinggap di muka patung itu pun tidak dapat ditepisnya, betapalah ia boleh menjadi perantaraan kepada manusia untuk menolong manusia dalam apa sahaja kesusahan dan bencana.

Kemudian, kata mereka lagi, Tuhan yang sebenar itu berada begitu jauh, dan Tuhan tidak nampak manusia ini. Kononnya mata Tuhan itu kabur; mereka mengandaikan Tuhan memandang dengan mata seperti mata manusia ini. Inilah antara kezaliman dan kejahilan manusia.

Semua Makhluk Tunduk Kepada ALLAH

Sebenarnya, kalaulah manusia tahu apa yang ALLAH katakan di dalam Al Quran, tentu manusia akan sedar bahawa batu-batu atau benda-benda yang digunakan untuk membuat patung atau berhala itu, malah semua makhluk di muka bumi ini sama ada pokok-pokok, haiwan, bukit-bukau atau gunung-ganang, semuanya bersifat lemah. Dan semua makhluk ini akan mengaku hina diri kepada ALLAH SWT.. Malah semuanya, sama ada yang bernyawa ataupun yang tidak bernyawa, mengakui bahawa ALLAH itu Maha Agung, Maha Suci daripada segala kesyirikan, dan tidak ada yang menyerupai-Nya. Firman ALLAH:

سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ

Terjemahannya: ***Semua yang berada di langit*** dan yang ***berada di bumi*** bertasbih ***kepada ALLAH (menyatakan kebesaran Allah). Dan Dialah yang Maha Perkasa lagi Maha*** Bajahsana.

(Al Hadid: 1)

Di sini nyata ALLAH peringatkan kepada kita bahawa semua makhluk di bumi dan di langit, termasuklah batu-batu yang manusia jadikan patung dan berhala serta pokok-pokok, matahari, bulan, bintang dan sebagainya yang disembah oleh sesetengah manusia, sentiasa bertasbih dan bertakbir kepada ALLAH.

Percaya Al Quran Kolot?

Tetapi manusia tidak mahu percaya kepada Al Quran kerana kononnya Al Quran itu kolot, ortodoks, tidak

standard, dan sebagainya. Kononnya, mana boleh berpegang kepada Al Quran, nanti ketinggalan zaman. Dan kalau kita tidak ukir patung-patung, nanti kita tidak maju sedangkan zaman ini adalah zaman sains dan teknologi; kerana itu, manusia mendewa-dewakan patung dan membesar-besarkan patung. Sedangkan batu-batu atau benda-benda yang dijadikan patung itu sendiri dijadikan oleh ALLAH, dan semuanya tunduk patuh memuji kebesaran ALLAH. Soal kita tidak boleh mendengarnya, itu perkara lain.

Sama' ALLAH SWT

Namun ALLAH tetap mendengar dan mengetahui kerana Dia bersifat **Sama'** iaitu mendengar sesuatu yang maujud atau sesuatu yang ada ini; dan ALLAH mendengar tanpa telinga. Dengan demikian, ALLAH mendengar apa sahaja yang ada di bumi dan di langit sama ada yang boleh bercakap ataupun yang tidak boleh bercakap, sama ada yang bernyawa ataupun yang tidak bernyawa.

Dengan ini juga, dapatlah kita faham akan pengertian bercakap yang sebenar. Kerana, sebagaimana yang dikatakan, setiap percakapan sama ada yang bersuara atau yang tidak bersuara, didengar oleh ALLAH. Ertinya semua makhluk ini bercakap sama ada secara bersuara atau tidak bersuara. Dalam hal ini, ada satu keterangan hadis yang bermaksud lebih kurang berikut:

> ***Sesiapa daripada manusia yang ingkar (termasuklah yang kafir, yang musyrik dan yang derhaka) berada dalam kemurkaan ALLAH SWT. Mereka sentiasa dilaknat oleh setiap makhluk yang bernyawa dan yang tidak bernyawa.***

Makluk yang tidak bernyawa itu adalah seperti benda-

benda yang dimakan dan diminum, rumah yang menjadi tempat tinggal, bumi yang dipijak, pakaian yang dipakai, rumput-rumput serta tumbuh-tumbuhan, ikan-ikan di laut serta haiwan-haiwan di bumi. Semua makhluk ini melaknat mereka yang ingkar dan sombong kepada Allah SWT. Sedangkan semua makhluk itu sentiasa tunduk dan patuh kepada perintah Allah SWT.

Makhluk Lain Kutuk Manusia?

Nyatalah daripada keterangan Hadis ini bahawa semua makhluk boleh bercakap sungguhpun tanpa suara. Hadis ini menerangkan betapa semua makhluk ini begitu benci kepada manusia dan jin-jin yang ingkar dan derhaka kepada ALLAH SWT; mereka ini sentiasa dikutuk dan dilaknat oleh semua makhluk di bumi dan di langit termasuklah para malaikat. Dan kutukan semua makhluk ini diterima oleh ALLAH SWT.

Dan inilah yang perlu kita fahamkan dan perhatikan. Kita hendaklah meyakini setiap perkara ini iaitu bahawa ALLAH sangat mendengar perkara-perkara yang maujud yang terdiri daripada semua makhluk yang telah ALLAH jadikan ini. Kerana, semua makhluk ini boleh bercakap, cuma kita sahaja yang tidak mendengarnya. Di dalam satu Hadis Qudsi, ALLAH berfirman dengan maksudnya:

> *Wahai manusia, ingatlah bahawa setiap hari bumi berkata kepada kamu, 'Wahai manusia yang sedang berlari-lari di atas belakangku, ingatlah satu hati nanti aku akan telan kamu ke dalam perutku. Aku akan himpit kamu, dan kamu akan berada dalam gelap gelita, kalau kamu masih berlari di belukangku dengan bersuka-ria dan mengikut hawa nafsu kamu."*

Di sini jelas bahawa ALLAH menunjukkan kepada kita yang bumi ini sering bercakap dengan memberi

Sebab itu, bagi sesetengah orang yang percaya bahawa mayat di dalam kubur itu mendengar kita, dia pun beri salam apabila lalu di kubur, tetapi secara berbisik dalam hati sahaja. Dia takut beri salam kuat-kuat, kalau-kalau orang lain kata dia gila. Sebenarnya, mana boleh beri salam secara berbisik-bisik dalam hati sahaja. Memberi salam mendoakan kesejahteraan orang-orang yang di dalam kubur adalah disyariatkan ke atas kita. Sebab itu kita bacakan talqin dan kita doakan mereka yang sudah mati.

Namun setengah-setengah orang berkata bahawa talqin tidak perlu kerana, kata mereka, orang yang sudah mati tidak boleh mendengar. Masakan tidak boleh mendengar! Sedangkan ALLAH berkata, setiap benda yang ada ini semuanya boleh bercakap dan mendengar. Jadi mayat juga boleh bercakap dan mendengar apa yang kita cakapkan. Cuma apabila dia bercakap, kita tidak dengar. Tetapi ALLAH tetap mendengarnya.

Jangan Samakan Dengan Perbuatan ALLAH

Demikianlah sifat setiap makhluk yang ada di muka bumi ini dan yang ada di semua alam yang dijadikan ALLAH. Tidak ada satu pun yang boleh menyerupai ALLAH sama ada dari segi zat, sifat mahupun perbuatan. Kerana itu, janganlah kita membuat sesuatu yang boleh menyamakan perbuatan kita itu dengan perbuatan ALLAH, atau menyamakan perkara yang kita buat itu dengan apa yang dibuat oleh ALLAH seperti mengukir atau mereka patung-patung dan sebagainya. Bahkan menyimpan, patung-patung di rumah pun dilarang oleh syariat. Kerana, sungguhpun kita tidak menyembah patung-patung itu, namun disebabkan perbuatan membuat patung itu menyamai perbuatan ALLAH, maka hal ini amat dilarang.

Manusia Tidak Mampu Buat Nyawa

Kalau benarlah manusia ini pandai membuat patung patung sama ada bentuk manusia mahupun haiwan, mengapa tidak boleh memberi nyawa kepadanya? Ertinya manusia tidak mampu membuat nyawa. Dan hal ini akan dituntut oleh patung-patung itu di Akhirat kelak sama ada terhadap si pembuat atau si penyimpannya. Apa mampukah kita memberikan nyawa kepadanya. Sedangkan kita pun hanya ada satu nyawa yang diberi oleh ALLAH!

Jiwai Sifat Wahdaniah Rasai Takut Pada ALLAH

Jadi hendaklah kita fahamkan benar-benar tentang sifat Wahdaniah pada ALLAH ini iaitu: ALLAH adalah tunggal yang tersendiri atau tunggal yang tidak dijadikan sama ada pada zat-Nya, sifat-Nya ataupuu perbuatan-Nya.

Kalau kita faham ini, maka akan timbullah perasaan takut di dalam jiwa kita bila ada tindak-tanduk kita yang sampai menafikan sifat Wahdaniah pada ALLAH ini, iaitu dengan memberikan penghormatan kepada selain ALLAH, seperti menghormati patung-patung, batu-batu, dan sebagainya. Jangankan menghormati batu-batu atau patung, menghormati dan mengasihi sesuatu yang lain daripada ALLAH pun ALLAH murka. Kerana, orang yang demikian bersikap tidak menghormati ALLAH, dan dia sombong serta takbur kepada ALLAH. Ini bermakna, menghormati dan mengasihi sesuatu yang selain daripada ALLAH adalah diibaratkan orang yang sombong dan takbur kepada ALLAH. Firman ALLAH:

قِيلَ ٱدْخُلُوٓا۟ أَبْوَٰبَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۖ
فَبِئْسَ مَثْوَى ٱلْمُتَكَبِّرِينَ

Terjemahannya: *Diserukan kepada mereka: Masuklah neraka Jahanam buat selama-lamanya, itulah seburuk-buruk tempat bagi orang yang menyombongkan diri.*

(Az Zumar: 72)

Ini sangat merbahaya. Jadi janganlah kita cuba menaruh kasih kepada yang lain lebih daripada kita kasihkan ALLAH. ALLAH sangat murka, dan kalau ALLAH murka ertinya kita akan ke Neraka. Kerana itu, yang perlu kita hormati ialah sifat ALLAH. Yang. perlu kita esakan ialah sifat ALLAH semata. Kalau kita meletakkan penghormatan dan kasih kita kepada yang lain-lain itu, kita tidak boleh dapat apa-apa daripadanya. Kerana semuanya itu bersifat lemah. Kita tidak boleh bergantung kepadanya, dan kita tidak boleh berharap kepadanya. Tempat kita bergantung dan berharap ialah kepada ALLAH semata-mata.

Sikap Menafikan Sifat Wahdaniah

Jangan pula kita menjadi orang yang mengetahui segala-galanya mengenai sifat Wahdaniah pada ALLAH tetapi dalam masa yang sama tindak-tanduk dan perbuatannya menunjukkan ia menafikan sifat Wahdaniah ALLAH itu. Orang seperti ini tahu keesaan Allah tetapi zahirnya, mereka akan berharap dan bersandar kepada yang selain daripada ALLAH. Hingga sumber rezeki mereka pun mereka anggap datangnya daripada perkara-perkara lain, dan bukannya daripada ALLAH. Kalau orang-orang ini hidup mewah dan kaya-raya, mereka seolah-olah tidak mahu diganggu oleh orang lain kerana pada mereka kekayaan dan kemewahan mereka itu adalah hasil daripada kebijaksanaan dan usaha mereka. Seolah-olah mereka mengetepikan keesaan ALLAH SWT.

Dan ada di antara mereka itu pula, kerana terlalu sombong dan bongkak kepada ALLAH, sanggup mempercayai bahawa memang sudah retak tangan mereka menjadi demikian. Orang-orang ini lebih mengharapkan petunjuk daripada ahli-ahli nujum dan tukang-tukang ramal untuk mengawal nasib mereka. Dalam ha1 ini, seolah-olah yang berkuasa itu bukannya ALLAH.

Terjebak Dengan Perbuatan Syirik

Begitu juga mereka yang melakukan berbagai-bagai bentuk pemujaan seperti puja laut, puja pantai, puja orang, puja pangkat, dan sebagainya. Perbuatan seperti ini boleh membawa kepada kesyirikan. Perhatikanlah, begitu mudah sekali seseorang itu jatuh syirik. Setiap perbuatan tadi dan perbuatan-perbuatan lain yang serupa dengannya, kalau ia lahir dari hati, menjadikan seseorang itu syirik. Kerana dia mengakui keesaan yang selain daripada keesaan sifat ALLAH, keesaan zat ALLAH dan keesaan perbuatan ALLAH.

Dalam ha1 ini, kalaupun ia tidak terlibat dengan syirik 100 peratus, mungkin ia akan jatuh kepada syirik yang tersembunyi atau syirik yang tidak 100 peratus. Namun, ha1 ini juga salah. ALLAH tetap murka. Syirik seperti ini dinamakan syirik khafi. Ia amat mudah berlaku dalam ibadah -ibadah kita seperti dalam sembahyang, dalam puasa, dalam zakat, dalam haji, dan lain-lain. Bentuk-bentuknya adalah seperti riyak, takbur, sombong, ujub, dan sebagainya.

Inilah yang amat perlu kita jaga benar-benar agar kita tidak terjebak di dalam perbuatan yang membawa kepada syirik, sama ada syirik nyata ataupun syirik khafi (tersembunyi). Kedua-dua bentuk syirik ini dimurkai ALLAH, dan inilah satu ujian yang besar bagi kita dalam

melaksanakan syariat. Oleh itu, kita perlu benar-benar faham akan syariat agar kita benar-benar berada di atas landasan yang benar, dan agar kita terselamat di dunia dan di Akhirat.

Kalau sekadar manusia sahaja yang menuduh kita syirik, masih tidak mengapa kerana tuduhan manusia belum tentu tepat. Tetapi kalau ALLAH yang menuduh syirik, maka ia tepat sekali. Firman ALLAH:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرَكَ بِهِۦ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ

ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُ ۚ وَمَن يُشْرِكْ بِٱللَّهِ فَقَدِ ٱفْتَرَىٰٓ إِثْمًا عَظِيمًا

Terjemahannya: ***Sesungguhnya ALLAH tidak akan mengampunkan dosa syirik (dosa orang yang menye-*** ngutukan ***ALLAH) tetapi Allah mengampunkan dosa selain itu bagi mereka yang ALLAH kehendaki. Dan siapa yang mensyirikkan ALLAH muka sesungpzlhnya mereka melakukan dosa besar.***

(An Nisa': 48)

Murka ALLAH Kepada Mereka Yang Syirik

Begitu sekali kemurkaan ALLAH kepada orang yang jatuh syirik. Syirik merupakan satu penzaliman yang amat besar: Namun kalau seseorang itu meminta ampun atau bertaubat sebelum mati, ALLAH tetap akan mengampunkan dosanya. Tetapi kalau tidak sempat, akan terjerumuslah ia ke dalam Neraka; kekal selama-lamanya. Jadi, berhati-hatilah, kerana bukan orang yang musyrik atau orang-orang yang menyembah berhala itu sahaja yang syirik. Kita juga boleh jadi syirik melalui perbuatan kita, perkataan kita, atau melalui hati kita.

Rasulullah SAW memberi peringatan kepada kita dengan sabdanya:

إِنَّ بَيْنَ يَدَيْ السَّاعَةِ فِتَنًا كَقِطَعِ اللَّيْلِ الْمُظْلِمِ، يُصْبِحُ الرَّجُلُ فِيهَا مُؤْمِنًا وَيُمْسِي كَافِرًا. وَيُمْسِي مُؤْمِنًا وَيُصْبِحُ كَافِرًا، يَبِيعُ دِيْنَهُ بِعَرَضٍ مِنَ الدُّنْيَا قَلِيْلٌ.

Terjemahannya: *Bahawasanya di saat-saat kedatangan Qiamat akan berlaku kelam kabut seperti* sausana *di sebahagian'malam yang gelap, di waktu itu* seseorang *akan beriman di waktu pap' dan menjadi kufur di waktu petang,* yang *beriman di waktu petang akan menjadi kufur di waktu pagi. Ia menjual* agamanya *dengan nilaian dunia yang sedikit.*

(Riwayat: At Tarmizi)

Esa ALLAH Pada Sifat

Sekarang cuba kita perhatikan pula esa atau tunggalnya ALLAH pada sifat. Ini juga mempunyai pengertian yang tersendiri. Esanya ALLAH pada sifat bermakna, tiap-tiap satu sifat ALLAH itu adalah esa. Misalnya, Wujudnya ALLAH itu esa, Qidamnya ALLAH itu esa, Qudratnya ALLAH itu esa, dan seterusnya bagi sifat-sifat Allah yang lain. Contohnya, cuba kita perhatikan apa yang dimaksudkan Qudrat ALLAH itu esa.

Untuk itu, kita kaji sifat diri kita, kerana kita juga bersifat iaitu sifat yang sesuai dan munasabah dengan diri kita yang lemah ini kalau ALLAH ada sifat salbiab, kita juga ada sifat salbiah, dan kalau ALLAH ada sifat maani, kita juga ada sifat maani.

Kini kita kaji sifat salbiah kerana Wahdaniah itu adalah sifat salbiah ALLAH. Sifat salbiah ALLAH berlawanan dengan sifat salbiah kita. Misalnya, kalau sifat

ALLAH itu Qidam (sedia ada) maka sifat kita adalah baharu, kudus dan ada permulaan. Dan kalau sifat ALLAH itu Wahdaniab (esa), sifat kita ini berbilang-bilang.

Sifat Berbilang Pada Kuasa

Apakah yang dikatakan sifat yang berbilang-bilang ini? Kita misalkan dengan kuasa. Dalam ha1 ini, kuasa kita bergantung kepada tenaga bagi membolehkan kita menggunakannya seperti untuk mengangkat sesuatu, memukul orang atau bertumbuk atau menolak benda-benda, dan sebagainya. Ertinya, tenaga kekuatan yang membawa kepada kekuasaan yang ada pada kita ini mempunyai susunan yang berhubung.

Kita perhatikan setiap aspek kuasa atau kekuatan yang ada pada kita Kita ada kekuatan pada tangan, kita ada kekuatan pada kaki, kita ada kekuatan pada mulut, kita ada kekuatan pada gigi, kita ada kekuatan pada mata, kita ada kekuatan pada telinga, dan sebagainya. Semuanya tersusun.

Kemudian tiap-tiap kekuatan itu berbeza pula dari semasa ke semasa. Misalnya, kekuatan itu tidak sama semasa kita kecil dengan semasa kita besar dan semasa kita tua, dan sebagainya.

Kekuatan yang berbeza-beza inilah yang dikatakan kekuatan yang berhubung dan berbilang. Iaitu berbilang dan berhubung pada sifat-sifat kita. Jadi, kuasa yang ada pada kita tidak sama dengan yang ada pada ALLAH yang mana kuasa kita berbilang-bilang dan bertingkat-tingkat daripada lemah kepada kuat dan kemudian lemah kembali. Ini kerana tingkatan kehidupan kita juga bermula daripada lemah, kemudian kuat, dan kemudian lemah kembali.

Firman ALLAH:

وَمَن نُّعَمِّرْهُ نُنَكِّسْهُ فِي ٱلْخَلْقِ أَفَلَا يَعْقِلُونَ

Terjemahannya: *Dan barang siapa yang Kami panjangkan umurnya, nescaya Kami kembalikan dia seperti kejadian asalnya (iaitu kembali menjadi lemah dan kurang akal). Maka apakah mereka tidak memikirkan?*

(Yasin: 68)

Kemudian kita perhatikan pula bagaimana kekuatan kita itu juga bergantung kepada alat yang juga berbilang-bilang. Kita misalkan kekuatan pada tangan. Kekuatan yang ada pada tangan ini tidak sama di antara satu tangan dengan tangan lain iaitu yang kanan tidak sama kekuatannya dengan yang kiri. Dan kekuatan ini pula berlainan kalau kedua-dua tangan sekali bergabung.

Sifat ALLAH' berbeza Dengan Sifat Manusia

Semua ini menunjukkan kepada kita betapa sifat ALLAH itu berbeza dengan sifat manusia. Sifat kita ini berbilang-.bilang dan berhubung-hubung. Lemahlah kita ini. Sedangkan Qudrat bagi ALLAH tidak ada bertingkat-tingkat dan tidak bergantung kepada alat. Qudrat ALLAH tidak ada bermula dan tidak ada berakhir. Qudrat ALLAH tidak ada yang menjadikan. Qudrat ALLAH itu lengkap; tidak ada yang menurun dan tidak ada yang menaik. Tidak ada kuasa yang boleh melemahkan kuasa ALLAH. Dan tidak ada kuasa yang boleh menambahkan kuasa ALLAH.

Nyata kepada kita bahawa Qudrat Allah itu esa atau tunggal dengan sendirinya. Inilah yang dikatakan Wahdaniah pada sifat ALLAH. Dan kerana itu juga, kita mesti yakini dan fahami benar-benar bahawa sifat yang ada pada manusia ini mempunyai bilangan yang berhubung,

iaitu sekurang-kurangnya ia mempunyai tingkat-tingkatan: daripada lemah kepada kuat dan kemudian lemah semula. Dan ini termasuklah tingkatan-tingkatan yang terdapat pada setiap perkara sama ada pada penglihatan, pendengaran dan juga akal. Sedangkan Wahdaniah pada ALLAH menafikan bilangan-bilangan ini dalam ertikata segala sifat ALLAH itu esa, sama ada pada Qudrat-Nya, pada Hayat-Nya, pada K&m-Nya, dan seterusnya pada sifat-sifat yang lain.

Kemudian pengertian esanya sifat ALLAH itu tidak terdiii daripada bilangan yang bercerai ialah: tidak ada sifat yang lain yang sama dengan sifat ALLAH. Ertinya, tiap satu sifat ALLAH itu, tidak ada yang menyamainya. Tidak sepertimana sifat yang ada pada makhluk ini. Misalnya, sifat yang ada pada satu orang sama sahaja dengan sifat yang ada pada seorang lain. Kalau seseorang itu mempunyai kekuatan pada tangan, maka orang yang lain itu pun demikian. Dan kalau kekuatan seseorang itu bertingkat-tingkat daripada lemah kepada kuat dan kemudian lemah kembali, maka kekuatan pada orang lain itu pun demikian juga.

Ertinya, ada persamaan pada makhluk ini. Hanya keesaan sifat ALLAH saja yang tidak bercerai iaitu tidak ada yang menyamainya. Kerana itu, janganlah kita cuba berlagak seolah-olah kita memiliki sifat-sifat yang ada pada ALLAH hingga melebihi apa yang ada pada makhluk yang lain, malah mengaku kita lebih berkuasa daripada ALLAH, sepertimana lagak manusia seperti Namrud, Firaun dan lain-lainnya. Mereka ini hingga sanggup mengaku diri sebagai Tuhan yang boleh membuat apa sahaja seperti boleh menghidupkan seseorang, boleh mematikannya, boleh memberi rezeki, boleh memberi perlindungan, boleh membuat langit dan bumi, boleh membuat Syurga dan Neraka, boleh menurunkan hujan, dan sebagainya. Ini syirik yang amat besar.

Kerana itu janganlah ada di antara kita yang apabila sudah boleh membuat sesuatu, seperti boleh menghentikan hujan atau membuat hujan, merasakan kita sudah mempunyai satu kuasa seperti Tuhan.

SENARAI BUKU-BUKU YANG DITERBITKAN

SIRI CERAMAH UMUM

Pembahagian Manusia Di Akhirat	
Keindahan Islam	
Hidup Menurut Pandangan Islam	
Keindahan Dan Kebesaran Sembahyang	
Bagaimana Rasulullah Mengubat Penyakit Masyarakat	

SIRI NOVEL

Selamat Tlnggal Duniaku	1985

SIRI ANTOLOGI SAJAK/MADAH

Di Ambang Pintu Kiamat	1976
Cahaya	1977
Di Antara Rintihan Dan Harapan	1983
Kesedaran	1985
Madah Hatiiu	1986
Hatiku Bermadah Lagf	1988
Yang Dirindu	1990

SW KOLEKSI KHUTBAH/DL4LOG/KULlAH

Pembangun Jiwa Dan Fikiran Ummah	1990
lnilah Siiap Kita (Siri 1)	1990

SIRI FALSAFAH DAN TARBIAH

lbadah Menurut Islam	1980
Apa Itu Masyarakat Islam	1981
Ke Arah Membangun Negara Dan Masyarakat Islam	1981
Huraian Ke Arah Membangun Masyarakat Dan Negara Islam	1981
Huraian Apa Itu Masyarakat Islam	1981
Bergembiralah Dengan Al Quran Dan Sunnah	1981
Falsafah Dalam Menyelesaikan Masalah Hidup Menurut lslam	1981
lman Dan Persoalannya	1983
Yang Tersirat Disurat	1983
Bersatu Menurut Islam	1984
lnilah Jalan Kita (1)	1984
Matlamat Perjuangan Menurut Islam	1984
Kemerdekaan Menurut Islam	1984
Mengenal Diri Melalui Rasa Hati	1985
Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam	1986
Kembara Membuktikan Kebenaran Al Quran	1987
Bahaya Syiah	1987
Krisis Dan Jalan Penyelesaiannya	1987
Siapa Mujaddid Kurun Ke-15?	1987
lnilah Pandanganku	1988
Kenapa Salahkan Musuh?	1988
Berhati-hati Membuat Tuduhan	1989
Renungan Untuk Mengubah Siap .	1990
Perancangan dan Perkhidmatan	1990
Pendidikan Rasulullah	1990
Manisnya Madu	1990
Perang Teluk : Islam Akan Kembali Gemilang	1991
Langkah-langkah Perjuangan	1991
Aqidah Mukmin (I)	1991
Manusia Tidak Memiliki dan Tidak Dimiliki	1991

والصلاة والسلام على خير خلقه الله

SIRI TERJEMAHAN B. INGGERIS

Worship in Islam	1989
The Scription of The Hidden Knowledge	1990
Life According To Islam	1990
This Is Our Way	1990



SEJAK kewafatan Rasulullah SAW hingga ke saat ini, telah lahir dan berkembang di tengah-tengah masyarakat Islam berbagai-bagai aliran aqidah dan pegangan serta pecahan-pecahannya. Sehingga kalau dihitung aliran-aliran aqidah itu, akan terjumlahlah ia kepada 73 pecahan yang keseruanya terkeluar daripada aqidah yang sebenar, kecuali satu – Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ini menepati maksud Hadis:

"Sesungguhnya akan berpecah-belah umatku menjadi 73 puak. Maka yang satu puak di Syurga dan yang 72 puak di Neraka." Beruntunglah kita kalau selama ini berpegang kepada aqidah yang sah. Namun, semata-mata mengaku Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak menjamin kita terselamat daripada terperangkap dengan aqidah yang sesat.

Malah, hari ini ramai di kalangan umat Islam yang terjebak ke dalam perangkap qadariah, jabariah, mujassimah, muktazilah, dan lain-lain aqidah yang sesat. Terperangkapnya kebanyakan mereka ke dalam aqidah-aqidah yang sesat itu biasanya secara tidak sedar (disebabkan kejahilan) iaitu dalam pada mereka mengaku berpegang kepada aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Di samping itu, tidak kurang pula di kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang secara sedar menukar aqidah mereka kepada aqidah syiah, wahabi dan sebagainya semata-mata kerana melihatkan golongan yang berpegang kepada aqidah-aqidah itu telah berpengaruh dalam masyarakat, malah sesetengahnya telah menerajui negara.

Justeru itu, buku ini lahir (dalam tiga jilid) untuk memandu pembaca menyuluh kembali aqidah dan pegangan mereka agar benar-benar selari dan tepat dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ia menghuraikan dengan jelas, berdasarkan hujah-hujah aqliah dan naqliah, ciri-ciri aqidah yang sebenar dan kesesatan aqidah-aqidah selainnya.

Gaya penyampaiannya yang mudah dan menyentuh berserta contoh-contoh semasa yang dipaparkan, menjadikan buku ini istimewa berbanding dengan mana-mana buku lain yang menyentuh persoalan aqidah (tauhid). Ia akan membuatkan pembaca berasa ringan dalam menghayati satu persoalan yang maha penting dalam kehidupan seorang Mukmin. Dan akhirnya, ia akan membawa pembaca (insya-Allah) kepada satu keyakinan yang kental bahawa aqidah dan pegangan mereka adalah sebenar-benar:

AQIDAH MUKMIN SIRI 1

